



M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli—Kebenaran:

V.B. Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud (Petra Jaya) [Ruangan 6921]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 6921]

USUL-USUL:

**Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000 dan Dasar
Pembangunan Baru—Y.A.B. Perdana Menteri [Ruangan 7006]**

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 7089]

UCAPAN PENANGGUHAN:

**Majlis Perundingan Majlis-majlis Kerajaan Tempatan Negara:
Menaikkan Cukai Penilaian,**

Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka) [Ruangan 7089]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.MJ. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN , D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S, (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.I. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, O.P.M.S. (Titiwangsa),
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.H.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.p.M.p., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Seliausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Bctong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Seliausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN K. KUMARAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Tcrengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Selar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN FONG KI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL, (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jejebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARIIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ " TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG/B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Pailt Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashitn

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT**Rabu, 19hb Jun, 1991***Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUA****CUTI KEPADA AHLI—
KEBENARAN**

Y.B. Dato Dr Haji Sulaiman bin Haji
Daud (Petra Jaya).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 (2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Dato Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud, Ahli bagi kawasan Petra Jaya dari 17hb Jun hingga lambat mesyuarat.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****KAMPUNG BHARU
KUALA LUMPUR—
PENINGKATAN TARAF**

1. Puan Hajah Rakibah binti Abdul Manap minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kemajuan

telah dicapai oleh pihak Dewan Bandaraya dalam usaha membangunkan kawasan Kampung Bharu untuk menaikannya ke taraf yang sama dengan kawasan-kawasan maju yang lain di dalam Wilayah Persekutuan. Adakah benar Kampung Bharu akan diberi nama Bandar Sultan Abdul Samad.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk melihat seluruh kawasan Wilayah Persekutuan ini membangun sama seperti kawasan-kawasan lain yang telah dimajukan di Wilayah Persekutuan. Ini termasuklah kawasan Kampung Bharu yang terletak berhampiran dengan kawasan Tiga-Segi Emas dan bersebelahan dengan Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Tun Abdul Razak dan Jalan Ampang yang berpotensi untuk dijadikan sebagai kawasan komersial.

Selaras dengan hasrat Kerajaan tersebut, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengenalpasti beberapa kawasan yang akan diambilbalik. Tindakan yang sewajarnya sedang dibuat untuk menggezetkan pengambilan-balik tanah-tanah yang telah dikenalpasti itu.

Sementara itu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga sedang giat menyediakan pelan-pelan pembangunan terperinci serta program pelaksanaan yang dijangka siap pada akhir tahun ini.

Pelaksanaan fizikal bagi Fasa Satu iaitu 44.71 ekar dijangka akan bermula pada tahun hadapan dan akan siap antara 4-5 tahun. Setakat ini, belum ada cadangan nama baru bagi Kampung Bharu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah vehicle pihak Dewan Bandaraya ataupun Jabatan Wilayah Persekutuan dalam proses pengambilan-balik tanah sebagaimana yang disebutkan mengenalpasti kawasan tersebut di mana nilai dan pampasan yang terpaksa dibayar kepada tuanpunya-tuanpunya tanah?

Apakah nilai pasaran ini akan dibayar mengikut keadaan pasaran semasa, sebab kalau keadaan ini tidak dilakukan stidam barang tentu akan mendapat bantahan daripada penduduk-penduduk Kampung Bharu?

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan menggunakan Akta Pengambilan-balik Tanah 1960 dalam usaha untuk mengambil-balik tanah-tanah yang terlibat di dalam jaluran pembangunan di Kampung Bharu dan saya ingin memberi keyakinan kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas bahawa nilai yang akan dibuat bagi membayar pampasan adalah nilai pasaran semasa yang munasabah untuk tuan-tuan tanah di Kampung Bharu.

UNIYERSITI ISLAM ANTARABANGSA—PEMBINAAN KAMPUS INDUK

2. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyaikan:

- (a) bilakah Kampus Induk Universiti Islam Antarabangsa akan dibina di Negeri Pahang; dan
- (b) berapakah peruntukannya bagi pembinaan kampus berkenaan

dan apakah bidang-bidang pengajian yang akan diadakan di Universiti tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum membina sesebuah uniyersiti, Kerajaan terlebih dahulu perlu membuat kajian kemungkinan. Kajian seumpama ini perlu kita jalankan bagi menentukan skop projek itu, program pengajian dan juga anggaran kos yang kita perlukan.

Begitu juga halnya dengan Kompleks Kampus Perubatan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Kuantan Pahang yang mana kita memerlukan kajian menerusi konsultan dan ia akan dikembalikan kepada Unit Perancang Ekonomi.

Walau bagaimanapun, peruntukan yang dicadangkan untuk Universiti Islam Antarabangsa dalam Rancangan Malaysia Ke 6 telah dipersetujui sebanyak \$280 juta dibawah peruntukan UIA.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama sekali saya ingin tahu daripada pihak Timbalan Menteri Pendidikan, kalau tak salah ingatan saya bahawa Kampus Induk UIA akan dibina di negeri Pahang, pada mulanya di Bukit Praser, kemudian ditukar di Janda Baik. Saya hendak bertanya mengapakah sebabnya rancangan untuk membina Kampus Induk UIA tidak dilaksanakan di negeri Pahang?

Yang kedua, kalaulah sekiranya persetujuan didapati iaitu hendak membina Kampus Perubatan sahaja di Pahang, bilakah Kampus ini akan dibina dan bilakah dijangka siap Kampus tersebut di negeri Pahang. Kalau sekiranya agak terganggu, apakah masalah-masalah besar yang dihadapi oleh pihak Kerajaan?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang terakhir itu, masalah-masalah besar tidak ada yang kita hadapi, cuma yang saya jelaskan tadi bahawa urusan-urusan dari segi persiapan perancangan dan penilaian projek tersebut dan dari segi itu kita bercadang bahawa dalam projek di Kampus Perubatan itu adalah kita mengharapkan satu program yang boleh dikatakan dari segi tahapnya lebih sofistikated yang kita dapati di kawasan ini. Buktinya bahawa kita terus menjalankan projek ini kerana peruntukan pun telah dipersetujui iaitu yang saya sebutkan tadi. Soal Kampus induk dan Kampus Perubatan ini mungkin tidak timbul kerana keduanya akan dimajukan bersama dan bahawa sejauh mana yang saya difahami, inilah usaha kita memajukan satu Kampus di bawah satu Universiti Islam Anlarabangsa.

UBAT-UBATAN—BAHAN NAJIS

3. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) kenapakah terdapat bahan-bahan najis di dalam ubat-ubat yang digunakan di hospital-hospital seperti gelatin (tulang-tulang dan kulit yang direbus) yang terang-terang bercanggah dengan hukum Islam. Apakah pihak Kementerian bercadang untuk membetulkan keadaan ini;
- (b) Kenapakan tidak diadakan sual peraturan untuk mengizinkan kakitangan-kakitangan wanita Islam di semua peringkat untuk memakai pakaian yang menutup aurat yang dituntut oleh agama mereka (kalaupun tidak mewajibkannya). Sekiranya orang-orang berketurunan Sikh dibenarkan untuk tidak memakai topi keledar dari segi undang-undang jalanraya sebagai menghormati agama mereka, maka mengapa tidak dalam soal

pemakaian wanita Islam yang dari segi hukumnya adalah wajib; dan

- (c) sama ada pihak Kementerian bercadang untuk memastikan bahawa pesakit-pesakit wanita hanya dirawalj oleh doktor-doktor wanita sahaja dan begitu juga sebaliknya, pesakit-pesakit lelaki oleh doktor-doktor lelaki sahaja demi untuk memberi kesesuaian kepada pesakit-pesakit dan juga perawat-perawat yang terlibat.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):

Tuan Yang di-Pertua, Kenyataan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa bahan-bahan najis terdapat dalam ubat-ubatan yang digunakan di hospital adalah tidak betul kerana tidak terdapat bahan-bahan najis pada masa ini dalam ubat-ubat yang menggunakan gelatin sebab gelatin yang dibuat daripada bahan-bahan pada masa ini adalah dibuat dari bahan-bahan yang halal.

- (a) Gelatin digunakan dalam ubat-ubat tablet sebagai bahan pelekat ataupun binding agent. Gelatin juga digunakan dalam ubat-ubat kapsul sebagai sarung untuk kapsul berkenaan dan gelatin dibuat daripada bahan-bahan yang halal seperti dikatakan tadi. Kementerian Kesihatan telahpun mengambil langkah-langkah berikut berkaitan dengan ubat-ubat yang mengandungi gelatin:
 - (i) untuk ubat-ubat tablet yang dikilangkan oleh gedung ubat Kementerian Kesihatan di Petaling Jaya. Gelatin telahpun digantikan dengan bahan pelekat yang tidak berpunca daripada binatang dan diakui halal; dan
 - (ii) ubat-ubat yang dibeli oleh Kementerian Kesihatan daripada pembekal-

pembekal perlulah memastikan ataupun dipastikan mengikut syarat-syarat yang terlakuk dalam peraturan yang telah kita keluarkan dan mesti menyatakan bahan-bahan mentah yang digunakan untuk membuat ubat-ubat berkenaan adalah bukan haram di sisi agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarai tersebut adalah di antara lain seperti berikut:

- (i) pembekal-pembekal adalah diwajibkan memastikan atau memastikan bahawa bahan-bahan mentah yang digunakan serta cara pemerosesan untuk drugs, tablets and capsules adalah halal di sisi agama Islam menurut panduan-panduan itu seperti berikut iaitu:

- (a) ia mesti bukanlah dan tidaklah terdiri daripada ataupun mengandungi apa-apa bahagian ataupun benda dari binatang yang orang Islam dilarang oleh hukum syarak memakannya atau yang tidak disembelih mengikut hukum syarak;
- (b) tidak mengandungi apa-apa benda yang ditafsirkan sebagai najis mengikut hukum syarak;
- (c) tidaklah disediakan, diproseskan atau dikilangkan dengan menggunakan apa-apa alat yang tidak bebas dari apa-apa benda najis mengikut hukum syarak; dan

- (d) tidaklah dalam masa menyediakan, memproses atau menyimpannya bersentuhan ataupun berkaitan dengan apa-apa makanan yang tidak memenuhi kehendak-kehendak di perenggan (a), (b) dan (c) di atas ataupun apa-apa benda yang dititkirkan sebagai najis mengikut hukum syarak. Seterusnya, bahan-bahan untuk membuat kapsul hendaklah terdiri daripada bahan-bahan lembu, kambing, seaweed atau lain-lain bahan yang halal dan dihala oleh orang Islam yang memakannya seperti digaris di atas.

- (b) Pakaian seragam jururawat Kementerian Kesihatan telahpun ditetapkan seperti yang ada sekarang memandangkan ianya adalah yang paling sesuai dengan tugas-tugas mereka. Walau bagaimanapun, Kementerian masih menyelidik kehendak-kehendak yang perlu dan kenyataan mengenainya akan dikeluarkan bila tiba masanya;
- (c) Doktor-doklor dilatih merawat pesakit-pesakit sama ada wanita, lelaki, kanak-kanak atau sebagainya. Dengan latihan itu serta kekurangan bilangan doktor yang sedia ada, keutamaan Kerajaan adalah untuk memberi rawatan kepada semua pesakit. Walau bagaimanapun, untuk menentukan pesakit lebih selesa adalah menjadi peraturan bagi pesakit wanita ditemani oleh jururawat apabila dirawat oleh doktor-doktor lelaki.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan tambahan kepada soalan (a), adakah penswastaan itu meliputi hospital-hospital dan klinik swasta?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Soalan Yang Berhormat tadi berkenaan dengan hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, kita menggalakkan hospital-hospital swasta menggunakan alat-alat yang telahpun kita perakui.

BARANGAN EKSPORT— PEMBAHAGIAN PASARAN

4. Dr T. Marimuthu minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia untuk mengekalkan pembahagian pasaran (market share) Malaysia di luar negeri, khususnya di negara-negara rakan perdagangan tradisional apabila taraf GSP ditarik balik dalam tahun-tahun akan datang.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menentukan supaya barangan eksport Malaysia bukan sahaja dapat mengekalkan pembahagian pasaran di luar negeri tetapi juga supaya dapat dipertingkatkan jumlah dan nilai eksport Malaysia ke pasaran tersebut.

Dalam hal ini, untuk mengatasi masalah yang mungkin timbul jika taraf GSP dilarik balik pada tahun-tahun yang akan datang, Kerajaan telah menggalakkan penggunaan bahan-bahan tempatan dalam proses pembuatan supaya kos barangan import yang lebih tinggi dapat diatasi dan supaya barangan Malaysia dapat lebih bersaing di pasaran-pasaran antarabangsa. Insentif-insentif yang tertentu juga telah digubalkan bagi mencapai maksud ini.

Dalam pada itu juga Kerajaan sentiasa menyedarkan sektor swasta bahawa langkah untuk mengurangkan kos dan mencapai produktiviti yang tinggi serta menentukan proses yang efisien dan menepati piawai di pasaran antara-bangsa perlulah diamalkan.

Kerajaan sedar bahawa keistimewaan GSP bukanlah satu keistimewaan yang tetap. Dengan itu, Kerajaan telah mempertingkatkan usaha untuk merundingkan syarat-syarat yang lebih baik bagi kemasukan barangan Malaysia ke pasaran luar melalui GATT dan melalui inisiatif-inisiatif dua-hala.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun memeteraikan perjanjian-perjanjian perdagangan dua-hala dan peraturan pembayaran perdagangan dengan beberapa negara sedang membangun dalam usaha memperluaskan pasaran bagi eksport Malaysia.

BUKIT KIARA EQUESTRIAN & COUNTRY RESORT SDN. BHD.

5. Tuan Wee Choo Keong minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah sebabnya Datuk Bandar Kuala Lumpur memberi satu perjanjian sewa ("lease") aiau lesen selama 70 tahun ke atas sekeping tanah Kerajaan (di bawah taklukan H.S. (D) 64671, P.T. No. 3301, Mukim Kuala Lumpur, Daerah Wilayah Persekutuan) yang berjumlah 69.8ekarpadatahun 1989kepada sebuah syarikat yang dahulu dikenali sebagai Sports Toto Riding and Recreational Sdn. Bhd. (sekarang dikenali sebagai Bukit Kiara Equestrian & Country Resort Sdn. Bhd.);
- (b) sama ada adanya satu tender umum ("public tender") dan pengisytiharan umum dibuat sebelum pemberian perjanjian

sewa dan lesen kepada Sports Toto Riding and Recreational Sdn. Bhd. Kalau tidak, sila kemukakan sebab-sebabnya;

- (c) sama ada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Elyas Omar atau ahli keluarganya adalah seorang pemegang lesen ("licensee") atau ahli bagi Bukit Kiara Equestrian & Country Resort Sdn. Bhd.; dan
- (d) apakah premium tahunan atau jumlah wang yang dibayar oleh Bukit Kiara Equestrian & Country Resort Sdn. Bhd. kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi jangkamasa 70 tahun dalam perjanjian sewa ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah bercadang untuk menyediakan kemudahan rekreasi kepada orang ramai dan juga untuk menarik pelancong. Projek ini adalah satu projek yang melandaskan pembangunan tanah bagi tujuan di atas iaitu sebagai projek rekreasi dan pelancongan serta dilengkapi dengan berbagai kemudahan-kemudahan lain.

Kerajaan telah menswastakan projek ini kepada satu syarikat iaitu Toto Riding and Recreational Sdn. Bhd. yang kini tukar kepada Bukit Kiara Equestrian & Country Resort Sdn. Bhd. yang berkemampuan di mana Kerajaan tidak sedikitpun menanggung sebarang risiko. Pihak berkenaan tidak boleh mencagar tanah tersebut dan sebaliknya telah mengeluarkan modal pendahuluan yang besar dengan segala risiko adalah tanggungannya.

Selain daripada itu, pihak Kerajaan akan menerima sebahagian dari keuntungan yang diperolehi iaitu 5%. Tiada syarikat yang bersedia memberi tawaran dan berkemampuan untuk membiayai dengan risiko-risiko yang tinggi.

Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengkaji cadangan yang dikemukakan itu dan juga aspek-aspek lain seperti kewangan dan pulangan kepada Kerajaan. Datuk Bandar telah menandatangani projek ini kerana tanah tersebut telah diberikan kepada Datuk Bandar sebagai mewakili Kerajaan. Selain daripada itu, syarikat berkenaan juga telah mengeluarkan modal yang besar iaitu membayar segala premium tanah, cukai tahunan dan sebagainya. Dari itu, selaras dengan konsep penswastaaan, Kerajaan tidak mengeluarkan sebarang modal dan tidak perlu menanggung sebarang risiko di atas projek yang dicadangkan ini. Datuk Bandar dan ahli keluarganya adalah bukan seorang pemegang lesen atau ahli bagi Bukit Kiara Equestrian & Country Resort Sdn. Bhd.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak membuat jawapan yang sesuai oleh kerana dia belum beri jawapan kenapa tanah ini yang diberikan kepada syarikat Sports Toto tidak diumumkan ataupun diisytiharkan di pasaran.

Soalan tambahan saya ini ialah adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa jikalau Datuk Bandar Kuala Lumpur sentiasa memberi tanah secara lease, dengan izin, kepada orang-orang yang sudah kaya ataupun sekumpulan orang-orang yang menubuhkan syahkat seperti Sports Toto yang bersangkutan-paut dengan tokoh-tokoh politik Barisan Nasional iaitu Tun Daim Zainuddin akan mengelakkan negara kita mencapai matlamat di bawah RRJP yang diumumkan oleh Perdana Menteri kita baru-baru ini.

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri umumkan surat perjanjian di antara DBKL dan

Sports Toto oleh kerana ini bukan satu penswastaaan. Ini satu lease tanah ini kepada Sports Toto. Jikalau tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed:

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Ahli Parlimen dari Bukit Bintang jangantah fikir yang tidak-tidak. Saya bagi jaminan bahawa apa yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat langsung tidak ada sebarang penyelewengan berlaku. Wilayah Persekutuan ini tanahnya terhad. Tidak ada sebarang syarikat yang mahu membangun taman-taman rekreasi. Mereka hanya mahu membangun taman-taman perumahan sebab taman-taman perumahan walaupun holding cost atau carrying costnya tinggi tetapi returnnya juga cepat. Taman rekreasi returnnya lambat. Jadi, oleh kerana itu mana-mana syarikat yang mengemukakan cadangan untuk membangun taman-taman rekreasi akan dialu-alukan oleh Kerajaan. Lebih-lebih lagi satu taman rekreasi yang boleh menarik pelancong dan yang boleh memberi kemudahan kepada orangramai di Wilayah Persekutuan adalah merupakan satu perkara imperative, perlu diadakan di Wilayah Persekutuan. Jadi, oleh kerana itu apabila syarikat ini mengemukakan cadangan untuk membangun taman rekreasi, maka Kerajaan terus mengalu-alukan dengan mengadakan berbagai-bagai syarat.

Yang pertama seperti yang saya sebut tanah itu tidak boteh dicagar. Kemudian ada keuntungan menerima sebahagian kepada Kerajaan sebanyak 5% dan lebih-lebih lagi Kerajaan tidak menanggung sebarang risiko termasuk mengeluarkan sebarang modal di dalam perkara ini. Jadi, itulah sebabnya apabila cadangan dikemukakan oleh syarikat ini maka pihak Dewan Bandaraya mengkaji dengan lebih mendalam segera mengemukakan penerimaan secara penswastaaan.

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah cukup.

Tuan Wee Choo Keong: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak beri jawapan kenapa, bolehkah mengemukakan lease itu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dalam Soal Jawab tidak boleh berbahas.

Tuan Wee Choo Keong: Sebab Timbalan Menteri tidak jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Geoffrey Yee Lung Fook.

**BERKALAN ELEKTRIK
DI TAWAU, LAHAD DATU DAN
SEMPORNA**

6. Tuan Geoffrey Yee Lung Fook minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah mengambil perhatian ke atas masalah yang dihadapi oleh penduduk di sekitar Daerah Lahad Datu dan Semporna disebabkan oleh bekalan elektrik yang kerap kali terputus sehingga 10 jam dalam sehari. Kedua-dua daerah ini difahamkan selalu menerima set gncrator terpakai dari bandar besar. Adakah Kementerian berkenaan dapat memastikan bahawa mereka dapat membekalkan generator baru apabila Lembaga Letrik Sabah menambah tenaga bekalan elektrik?

55. Tuan Geoffrey Yee Lung Fook minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berkaitan dengan hal pada bulan April 1991 yang mana ia telah berjumpa dan mengemukakan sepucuk surat kepada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos sendiri di pejabat beliau menerangkan tentang masalah bekalan elektrik di Tawau berikutan dengan

potongan bekalan elektrik dengan jangkamasa selama 10 jam sehari dan ia telah difahamkan bahawa ini adalah disebabkan oleh injin dan generator sudah terlalu lama dan tidak bertenaga; maka adakah Kementerian bercadang untuk membekalkan beberapabuah injin baru dengan tenaga generator yang lebih besar dan juga bercadang kemajuan untuk masa hadapan agar masalah ini tidak berulang lagi.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat dengan soalan 55 mengenai rancangan menambah keupayaan penjanaan tenaga elektrik di Tawau, Lahad Datu dan Semporna sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terima kasih di atas lawatan dan perhatian berat Yang Berhormat mengenai mutu bekalan elektrik di Tawau, Lahad Datu dan Semporna. Dengan siapnya pemasangan dua buah janakuasa disel 8 megawatt pada penghujung bulan Jun 1991 ini keupayaan stesen untuk menampung beban akan bertambah baik dan mencukupi untuk kawasan Tawau. Lembaga Letrik Sabah akan memasang satu lagi janakuasa 8 megawatt pada penghujung tahun 1992 dan dalam rancangan jangka panjang pemasangan jentera yang lebih besar keupayaannya dan alternatif sumber hidro sedang dipertimbangkan.

Mengenai rancangan penjanaan di Lahad Datu, LLS akan memasang satu janakuasa disel 2 megawatt pada tahun 1994 dan satu janakuasa 1 megawatt di Semporna tahun 1995. Kadar pertumbuhan perminian di Tawau adalah tinggi iaitu 11% tetapi bagi daerah Semporna dan Lahad Datu adalah lebih kurang 3% sahaja.

Dengan perancangan dan pelaksanaan projek-projek yang disebutkan tadi, keperluan membekal elektrik di Lahad Datu, Semporna dan Tawau adalah mencukupi hingga tahun 1995.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja penduduk di Lahad Datu dan Semporna yang menghadapi masalah bekalan elektrik, malah di seluruh Malaysia pada masa sebelum pilihanraya banyak kilang-kilang telah menghadapi bekalan elektrik yang kerap-kali terputus. Di sektor awatan pun.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu terkeluar daripada pertanyaan asal.

Dr Kua Kia Soong: Okay, Menteri berkenaan kata tiada masalah di TNB tetapi kenapa ada banyak substation yang telah berlaku letupan dan kebakaran. Misalnya di Ampang selalu ada kegagalan tenaga. Adakah Menteri akan bertanggungjawab dan meletak jawatan kalau load shedding berlaku dan adakah kilang-kilang akan diberi ganti rugi jika load shedding berlaku?

Kedua, bolehkah Menteri yang berkenaan menerangkan kenapa dalam sistem kita yang mempunyai 2,000 megawatt over capacity, dengan izin, TNB memerlukan mesin-mesin kolot yang dijalankan sampai rosak?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, terkeluar daripada soalan asal.

Dr Kua Kia Soong: Ada berkenaan, oleh sebab.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak Yang Berhormat, tidak.

Dr Kua Kia Soong: Okay, misalnya di Amerika Syarikat dan negara lain.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat!

Dr Kua Kia Soong: Jelaskan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak kena-mengena.

Dr Kua Kia Soong: Okay, bolehkah Menteri menjawab soalan saya ini?

Tuan Yang di-Pertua: Jawab yang pertama sahaja.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ini Ahli yang baru, tidak mempunyai apa-apa pengalaman. (*Tepuk*)

Yang kedua, semua perkara-perkara yang dirujukkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah daripada surat layang, tidak ada bukti. Oleh kerana soalan-soalan yang diminta.....

Dr Kua Kia Soong: (*Bangun*)

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya beium habis berucap lagi. Yang Berhormat tidak tahukah, hormat Dewan yang mulia ini. Tidak tahu, tidak tahu!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Petaling Jaya, sila duduk!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Yang kedua, perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak ada kaitan dengan soalan asal.

JAWATANKUASA PETUGAS KHAS PEMBANGUNAN LABUAN

7. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Perdana Menteri menyatakan fungsi dan tanggungjawab Jawatankuasa Petugas Khas Pembangunan Labuan dan bilakah Lembaga Pembangunan Labuan akan diwujudkan.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa yang bertanggungjawab terhadap Pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan ialah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan dan bukannya Jawatankuasa Petugas Khas Pembangunan Labuan. Fungsi dan tanggungjawab Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan ialah:

- (i) merancang kegunaan tanah di Labuan;
- (ii) mengenalpasti projek-projek pembangunan di Labuan;
- (iii) mengesan kemajuan projek-projek pembangunan di Labuan.

Pthak Kerajaan sedang mengkaji untuk menggubal akta-akta bagi mewujudkan Lembaga Pembangunan Labuan dan apabila siap, ia akan dibentangkan di Dewan Parlimen ini,

Tuan Haji Shukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan lambahan. Apakah asas-asas yang telah digunakan oleh pihak Kerajaan untuk melantik bekas Menteri Kewangan selaku Pengerusi Jawatankuasa Petugas Khas Labuan dan yang keduanya, adakah ini sengaja telah dirancang supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan meletak jawatan dan beberapa bulan kemudian ia dilantik pula menjadi Pengerusi Jawatankuasa Petugas Khas ini.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kerajaan melantik Yang Berhormat Tun Daim Zainudin untuk mengetuai Pasukan Petugas Khas ini tidak mempunyai maksud yang tain dan tidak dirancangkan. Tetapi adalah untuk membantu menggubal undang-undang bagi mewujudkan Lembaga Pembangunan Labuan. Perlantikan ini dibuat memandangkan pengalaman beliau sebagai Bekas Menteri Kewangan serta pengalaman beliau juga sebagai

Pengerusi Bersama Lembaga Pembangunan Langkawi. Jadi, saya harapkanlah Yang Berhormatberfikiryang tidak-tidak.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Jawatankuasa Petugas Khas Pembangunan Labuari ini di dalam kawasan Parlimen Labuan, dan yang bertanya soalan ini adalah Ahli Parlimen Labuan, adakah Kerajaan bercadang untuk melantik Ahli Parlimen Labuan menjadi Ahli Jawatankuasa kepada Pasukan Petugas ini.

Seorang Ahli: Timbalan Pengerusi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Timbalan Pengerusi (*Ketawa*).

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, itu bolehlah dipertimbangkan. (*Ketawa*).

KEGANASAN OLEH PARTI PEMBANGKANG

8. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan untuk menghalang penyokong-penyokong parti pembangkang daripada melakukan keganasan seperti membakar bas-bas yang membawa penyokong-penyokong Barisan Nasional seperti yang berlaku di pilihanraya kecil di Baru baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga sebelum dan semasa sesuatu pilihanraya untuk memastikan supaya kejadian yang tidak diingini tidak berlaku dengan cara seperti berikut:

- (i) sebelum pilihanraya diadakan di sesuatu kawasan, Ketua Polis Daerah di kawasan berkenaan akan memanggil semua pemimpin-pemimpin Parti yang terlibat, meminta dan

menasihatkan mereka agar memberi kerjasama untuk mematuhi peraturan dan syarat-syarat pilihanraya yang ditetapkan serta mengawal penyokong-penyokong mereka agar jangan bertindakan di luar batas undang-undang.

- (ii) sepanjang musim pilihanraya pula pihak Polis akan melaksanakan kawalan yang lebih ketat dengan cara mengadakan sekatan jalanraya, membuat rondaan (beat and patrol) dan menempatkan anggota berpakaian preman untuk memastikan kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku.

Tuan Haji Shukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini menyatakan bahawa penyokong-penyokong Parti Pembangkang melakukan keganasan. Soalan yang saya hendak tahu daripada Ahli Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ialah yang pertama adakah satu laporan Polis yang khas telah dibuat berhubung dengan keganasan ini, dan jika ada, apakah benar daripada laporan dan penyiasatan Polis mereka yang tergolong daripada penyokong Parti Pembangkang sudah terlibat. Kalau tidak, soalan ini adalah terlalu bersifat prejudice.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada satu laporan khas diperlukan. (*Boo!*) Tuan Yang di-Pertua, (*Ketawa*) siasatan untuk pilihanraya kecil ini masih dalam siasatan.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dijawab oleh Setiausaha Parlimen, sebelum pilihanraya kecil ketua-ketua parti yang terlibat telah dipanggil, tetapi selepas kejadian ini di dalam pilihanraya Kecil itu, yang bertanding ialah Parti PAS dan Barisan Nasional sahaja. Yang terbakar ialah bas

Barisan Nasional. Jadi, tidak munasabah kalau hendak tuduh orang-orang Barisan Nasional membakar bas sendiri. (*Disampuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, soalnya.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Jadi, saya hendak bertanya, adakah selepas kebakaran, parti yang berkenaan itu dipanggil untuk dipersoal.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Periua, sepertimana yang telah saya jawab tadi, siasatan polis masih dijalankan. Jadi, siasatan termasuk memanggil mana-mana pihak yang berkenaan.

HUTANG KTM

9. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) mengapakah Kerajaan harus menanggung hutang KTM sebelum agensi tersebut diperbadankan; dan
- (b) tidakkah Kerajaan bercadang untuk menswastakan KTM dengan menjualkan pada harga nominal bersama tanggungan-nya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, kira-kira 95% daripada hutang KTM merupakan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pinjaman ini sebenarnya adalah terdiri dari peruntukan Kerajaan di bawah projek-projek Rancangan Pembangunan 5 tahun negara. Sebahagian besar daripadanya merupakan peruntukan projek-projek pembangunan infrastruktur Keretapi. Ini amat berbeza dengan peruntukan pembangunan bagi pembinaan infrastruktur jalanraya dan jambatan yang mana Kerajaan memperuntukkan

grani kepada Jabatan Kerjaraya bagi membina projek-projek berkenaan.

Bagi pengangkutan udara dan laut pula pengusaha pengangkutan seperti syarikat kapal terbang dan syarikat perkapalan tidak menanggung kos infrastruktur lapangan terbang dan pelabuhan. Oleh itu, bagi membolehkan mode-mode pengangkutan bersaing pada asas yang sama selepas diperbadankan dan diswastakan, maka adalah wajar jika kos pembangunan Keretapi yang lalu, yang mana sebahagian besarnya melibatkan infrastruktur ditanggung oleh Kerajaan. Ini amat penting untuk menentukan struktur kapilal KTM selepas diperbadankan adalah munasabah dan tidak membebankan bagi membolehkan syarikat berdayamaju. Kaedah Kerajaan membiayai kos infrastruktur Keretapi bukanlah perkara baru dalam industri ini yang mana ianya diamalkan juga di negara Jepun, Swizerland, Austria dan Sweden.

Jawapan kepada soalan yang kedua, tidak.

Tuan Haji Mohamed bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah benar pihak KTM akan menjualkan tanah kepunyaannya di Singapura dan selepas penjualan tanah itu diperolehi, baharulah KTM diswastakan iaitu seielah terdapat modal yang begitu besar daripada hasil jualan tanah di Singapura.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Perkara itu tidak benar.

Tuan Haji Shukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ladi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab soalan (b) dengan perkataan "tidak". Bermakna Kerajaan tidak bercadang untuk menswastakan KTM dengan menjualnya pada harga nominal bersama tanggungan. Soalan saya apakah rasionalnya Kerajaan menjual ataupun menswastakan KTM ini tidak

termasuk tanggungan. Tidakkah boleh Kerajaan menswastakan Keretapi ini termasuk tanggungan-tanggungan sekali. Di mana lojiknya kalau projek ini diswastakan sedangkan tanggungannya terletak di bahu Kerajaan.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan mengapa tanggungan itu tidak dimasukkan dan Keretapi Tanah Melayu akan diperbadankan. Yang Berhormat pun sudah tengok, bacaan pertama sudahpun dibuat. Jadi, bolehlah dibincangkan di dalam perbahasan Rang Undang-undang nanti.

KEMALANGAN INDUSTRI

10. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) jenis kemalangan industri yang biasa berlaku di pihak pekerja;
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan agar memastikan pihak majikan mematuhi segala langkah keselamatan di industri;
- (c) nyatakan jumlah denda yang telah dikenakan kepada pihak majikan yang mengabaikan aspek keselamatan di dalam industri sejak 1988 hingga kini; dan
- (d) nyatakan jumlah pampasan yang telah diberikan kepada pekerja oleh majikan dan pihak SOCSO terhadap pekerja yang mengalami kemalangan industri sejak-sejak 1988 hingga kini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jenis kemalangan industri yang biasa berlaku adalah seperti berikut:
 - (i) pekerja terpijak, terlanggar atau dilanggar oleh sesuatu

objek, tidak termasuk yang ditimpa oleh sesuatu objek, dengan izn, stepping on, striking against or struck by objects excluding falling objects;

- (ii) pekerja terperangkap atau terhimpit di antara objek, dengan izin, caught in or between objects;
- (iii) pekerja ditimpa objek (struck by falling objects).

Bagi menjawab soalan (b), Kementerian Sumber Manusia sentiasa mengambil langkah-langkah bagi menjamin dan mengawasi keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja di kilang-kilang di mana jentera digunakan.

Undang-undang seperti Akta Kilang dan Jentera 1967 dan 14 peraturan-peraturan di bawahnya serta Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 menerangkan kewajipan bagi majikan dan pekerja. Jurutera-jurutera dan pegawai-pegawai teknikal dari Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian Sumber Manusia sentiasa menjalankan pemeriksaan berjadual dan pemeriksaan mengejut dari masa ke semasa untuk memastikan agar taraf keselamatan di dalam kilang-kilang dan tapak binaan adalah mengikut peraturan.

Menjawab soalan (c), dalam tahun 1988 hingga 1990, jumlah denda dan yang telah dikenakan hasil pendakwaan yang dijalankan oleh Jabatan Kilang dan Jentera adalah sebanyak \$21,150.

Menjawab soalan (d), jumlah pampasan yang telah dikeluarkan kepada pekerja-pekerja akibat kemalangan industri sejak tahun 1988 sehingga kini adalah sebanyak, dengan izin, \$225,371,901.70.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam Bahasa Malaysia, Yang Berhormat! (Ketawa).

Dato' M. Mahalingam: \$255,371,091.70.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan mengenai langkah mengawal dan mencegah kemalangan di dalam industri pembalakan kayu. Saya tidak tahu keadaan di Pahang dan Kelantan tetapi di negeri Sarawak ini, setiap tahun lebih dari 100 orang mati dari kemalangan dalam hutan itu dan berpuluh-puluh tahun sudah begini. Maka soalan saya ialah adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hantar pegawai Kementeriannya pergi ke hutan-hutan di Belaga dan Baram, beribu-ribu kilometer dari Kuala Lumpur untuk mengawal keadaan mereka yang ada? Adakah pihak majikan mengikut peraturan keselamatan yang ada? Apakah yang telah dibuat?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini bukan berkaitan dengan soalan pokok. Saya minta notis dari Yang Berhormat berkenaan.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dibandingkan di antara denda yang dikenakan kepada pihak majikan dan juga pampasan yang dikeluarkan, adakah pihak Kerajaan berpuas hati dengan undang-undang yang ada yang boleh dijadikan sebagai langkah pencegahan?

Yang kedua, selain daripada langkah-langkah Kerajaan memastikan majikan mematuhi keselamatan di industri, apakah pula langkah-langkah Kerajaan sendiri dari segi menyediakan yang cukup dan cekap kerana baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri berkata di negeri Johor telah berlaku sebanyak 18,000 kemalangan industri tahun lepas.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab Yang Berhormat berkenaan, untuk menjaga keselamatan

dan kesihatan para pekerja di tempat kerja, Kementerian Sumber Manusia seniiasa mengambil langkah untuk memastikan Akta Kilang dan Jentera 1967 serta peraturan-peraturan di bawahnya dikuatkuasakan dengan rapi dan berkesan. Di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 pula, pegawai Jabatan Kilang dan Jentera sentiasa menjalankan pemeriksaankekilangdantempatbinaan dan juga berusaha, memberi pendidikan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerja melalui ceramah-ceramah dan kursus-kursus kepada para majikan dan pekerja bagi memastikan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan diambil mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada.

Bagi kilang-kilang yang menggaji lebih dari 30 orang pekerja, majikan juga dikehendaki menubuhkan jawatan-kuasa keselamatan bagi mengawasi keselamatan dan kesihatan di tempat pekerjaan. Kementerian Sumber Manusia juga sedang menggubal satu Akta baru bagi memperluaskan skop perlindungan keselamatan dan kesihatan pekerja.

PENERIMAAN PEGUAM SEMENANJUNG DI MAHKAMAH SABAH/SARAWAK

11. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Kehakiman menyatakan sebab-sebab untuk mengekalkan keperluan penerimaan-penerimaan *ad hoc* untuk peguam-peguam dari Semenanjung Malaysia sebelum mereka boleh mengendalikan kes di mahkamah-mahkamah Sabah dan Sarawak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, penerimaan peguam-peguam untuk mengendalikan kes-kes di mahkamah-mahkamah pada masa kini adalah

tertakluk dan dikawal oleh undang-undang yang berkuatkuasa di negeri masing-masing seperti berikut:

Di Sabah - Advocates Ordinance Sabah (Cap. 2), 1952;

Di Sarawak - Advocates Ordinance Sarawak (Cap. 110), 1953; dan

Di Semenanjung - Akta Profesion Undang-undang 1976, (Akta No. 166).

Walaupun Akta Profesion Undang-undang 1976 adalah bertujuan untuk menyeragamkan undang-undang berhubung dengan profesion undang-undang di seluruh negara, tetapi seksyen 2 dalam Akta tersebut memperuntukkan bahawa penguatkuasaan Akta ini di negeri Sabah dan Sarawak hendaklah dengan ubahsuaian-ubahsuaian tertentu dibuat dengan perintah Yang di-Pertuan Agong. Akta ini telah dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia mulai 1hb Jun 1977 akan tetapi sehingga sekarang masih belum dilanjutkan pemakaiannya di negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Kerajaan akan hanya mewartakan pemakaian undang-undang ini bagi membenarkan peguam Semenanjung mengamalkan secara bebas profesion undang-undang di Sabah dan Sarawak di masa yang sesuai dan setelah dipersetujui dengan kata sepakat di antara Majlis Peguam di sini dan Persatuan-persatuan Peguam di Sabah dan Sarawak.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bolehkah peguam di Sarawak mengamalkan undang-undang di Semenanjung dan kalau tidak boleh, kenapa tidak boleh?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sekatan bagi peguam dari Sabah dan Sarawak untuk mengamalkan undang-undang di Semenanjung.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, nampaknya kini adalah untuk seorang QC dari United Kingdom bertindak dalam kes-kes tertentu di Sabah dan Sarawak tetapi sukar untuk peguam-peguam dari Semenanjung untuk bertindak ke sana untuk tujuan yang sama. Bolehkah saya dapat tahu apa kriteria yang digunakan untuk meluluskan *ad hoc* admission yang dibuat bagi peguam-peguam dari Semenanjung?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cara yang digunakan oleh mahkamah ialah terletak pada budibicara mahkamah dan bukan terpulang untuk saya katakan bagaimana cara. Sebagaimana digunakan juga di Semenanjung, ini terpulang kepada hakim mahkamah untuk menetapkan kemasukan secara *ad hoc* peguam-peguam dari luar. Tetapi yang saya suka cadangkan kepada Yang Berhormat ialah supaya kita mengambil langkah-langkah untuk mencari kata sepakat di antara peguam-peguam dari Semenanjung dan peguam-peguam dari Sabah dan Sarawak supaya mereka dapat menerima kemasukan dan ianya dialu-alukan oleh peguam-peguam di Sabah dan Sarawak.

PENGEDAR DADAH DI PULAU PINANG

12. Tuan Ruhanie bin Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) benarkah dakwaan bahawa Pulau Pinang kini menjadi "syurga" kepada pengedar dadah kerana negeri tersebut kini dikatakan menjadi pusat memproses segala dadah mentah yang diseludupkan ke negara ini sebelum ianya diedarkan ke seluruh tanah air dan ke beberapa pasaran antarabangsa.

Jika benar apakah tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil; dan

- (b) berapa ramaiakah jumlah pengedar dadah yang telah dikenakan hukuman mati di seluruh negara, beri pecahannya kepada negeri, kaum jantina dan pekerjaan mereka. Berapa ramai pula yang sedang menunggu perbicaraan mahkamah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar Pulau Pinang menjadi "syurga" kepada pengedar-pengedar dadah. Memanglah secara kebetulan, kebanyakan sindiket-sindiket dadah yang besar-besar yang telah dapat dikesan adalah berpusat di Pulau Pinang dan pengedaran ke seluruh negara dibuat melalui Pulau Pinang. Ini disebabkan kedudukan Pulau Pinang sebagai bandaraya terbesar di utara yang berhampiran dengan Selatan Thailand iaitu pintu masuk-keluar sindiket-sindiket dadah antarabangsa. Keadaan pulau itu yang mempunyai kawasan pantai yang luas juga menjadikannya sangat sukar untuk diawasi dengan rapi dari segi kegiatan-kegiatan penyeludupan dari luar.

Aniara tindakan-tindakan positif yang telah diambil ialah dengan melancarkan operasi secara besar-besaran dari semasa ke semasa sejak tahun 1990 lagi. Hasil dari tindakan yang telah dilaksanakan di Pulau Pinang dari tahun 1980 ke bulan April 1991 dapat dilihat dari data-data berikut:

- (i) Jumlah tangkapan di bawah Seksyen 39B ADB (mengedar) yang boleh dikenakan hukuman gantung, sejak tahun 1980 ialah seramai 851 orang dan di bawah 39A seramai 1,033 orang.
- (ii) Jumlah tangkapan di bawah undang-undang Pencegahan

(O.D. (1969) & ADB-LLPK) sejak tahun 1980 ialah seramai 375 orang.

- (iii) Dalam tempoh yang sama. CAD Pulau Pinang telah berjaya merampas lebih 1,000 kg. candu, 550 kg. heroin dan 2,400 kg. ganja.

Selain dari itu, pihak Cawangan Anti Dadah juga bekerjasama dengan pihak-pihak penguatkuasa yang lain seperti Kastam, UPP dan Merin Polis untuk melaksanakan kawalan yang lebih ketat terhadap penyeludupan dadah dari sempadan Selatan Thailand ke Semenanjung Malaysia termasuk penyeludupan dadah ke Pulau Pinang, terutama melalui jalan laut.

- (b) Jumlah pengedar dadah yang telah dikenakan hukuman mati di seluruh negara sehingga 5 Jun 1991 ialah 385 orang. Dari jumlah ini seramai 126 orang telah pun menjalani hukuman mati, iaitu:

Perlis	21
Kedah	46
Pulau Pinang	72
Perak	29
Selangor	33
Kuala Lumpur	90
Negeri Sembilan	6
Melaka	3
Johor	30
Kelantan	19
Terengganu	6
Pahang	3
Sabah	24
Sarawak	3

Pecahan yang telah dijatuhkan hukuman gantung mengikut kaum:

Melayu	119
Cina	192
India	21
Warganegara Asing	
Australia	2
Singapura	9
Indonesia	5
Thailand	9
Filipina	15
British	1
Hong Kong	8
Pakistan	2
Myanmar	2

Pecahan orang yang telah dijatuhkan hukum gantung mengikut jantina:

	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Warganegara Malaysia	320	13	332
Warganegara Asing	51	2	53

Pekerjaan mereka adalah berbagai-bagai, iaitu seperti tukang kimpal, berniaga kecil-kecilan, penarik beca, buruh dan ada yang penganggur.

Bilangan orang yang ditangkap di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya dan masih menunggu perbicaraan ialah seramai 786 orang.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak Akta ini diperkenalkan khususnya berhubung dengan hukuman mati mandatori di bawah Seksyen 39B dikenakan ataupun dilaksanakan di negara ini, adakah ianya menunjukkan suatu trend bahawa kes-kes yang ditangkap berkait dengan kes 39B ini berkurangan. Jika ianya tidak berkurangan, adakah Kerajaan berhasrat

untuk memansuhkan hukuman mati mandatori bagi kesalahan di bawah Seksyen 39B?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah beberapa kali saya jawab di Dewan yang mulia ini, setelah kita laksanakan undang-undang mati mandatori ini, oleh kerana kecekapan daripada pihak berkuasa, tangkapan-tangkapan telah dijalankan, dengan sebab itu kes-kes yang bersangkutan-paut dengan 39B ini bukan sahaja berkurangan tetapi bertambah kerana kecekapan. Namun begitu, kalau kita lihat daripada penagihan sangat-sangat berkurangan kerana sebelum undang-undang dilaksanakan, kalau kita lihat pada tahun 1983 first timer addicts, dengan izin, bilangannya meningkat hingga 15,000 satu tahun; 1983 14,000; 1984 11,000; 1985 11,000 tetapi setelah kita laksanakan hukuman mati mandatori ini, first timer bagi tahun 1989, 1990 dan 1991 sangatlah berkurangan, iaitu 1989 6,000; 1990 7,000—ini kerana operasi besar-besaran sebelum CHOGM dan 1991 hingga Mac hanya 1,510 orang sahaja first timer penagih. Jadi, kalau kita lihat dengan terlaksananya undang-undang ini dapat kita mengawal keadaan penagihan, kalau tidak, saya jangka mungkin dadah dapat dibeli di kedai-kedai kopi dengan senang.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, hukuman mati mandatori ada berkuatkuasa di bawah Seksyen 39B dan undang-undang lain. Soalan ini saya ada bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini tahun lepas. Adakah hukuman mati bertentangan dengan agama Islam? Apabila saya ada tanya soalan ini, Timbalan Menteri yang berkenaan yang ada di sini sekarang ada beri jaminan di sini, beliau mahu merujuk kepada ulama dan dapat tahu dan beritahu kepada Dewan yang mulia ini. Sudahkah itu dibuat? Jikalau ya, apakah keputusan ulama?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bila saya menjawab soalan dan memberi jaminan kepada Yang Berhormat di Dewan ini, saya mewakili Kementerian saya. Saya sendiri belum lagi merujuk kepada ulama tetapi pegawai-pegawai saya sedang mencari jawapan dan saya berharap jawapan itu dapat saya berikan kepada Yang Berhormat sebelum tamat persidangan ini.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, barangkali boleh rujuk kepada ulama-ulama dalam PAS lagi baik. (*Ketawa*)

PERKHIDMATAN TELEFON DI LUMUT

13. Datin Ling Chooi Sieng minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapa ramai penduduk di kawasan Lumut yang sedang menunggu perkhidmatan telefon. Bilakah masalah ini akan diatasi.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, terdapat seramai 95 orang yang sedang menunggu untuk mendapat telefon di sekitar kawasan ibusawat di Lumut.

Beberapa projek penambahan talian sedang dibuat di kawasan itu dan sebahagian dari mereka yang sedang menunggu tersebut akan dapat diberi perkhidmatan dalam tahun ini dan yang selebihnya dalam tahun 1992.

Datin Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa ramai penduduk dari kawasan luar bandar belum dapat perkhidmatan telefon dan nampaknya keadaan sebelum Telekom diswastakan masih sama dengan sekarang. Soalan saya, sejauh manakah rakyat dari kawasan luar

bandar Lumut telah menikmati atau dapat faedah dari STM sejak penswastasaan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, untuk kawasan Lumut kita berharap untuk dapat membekalkan 15 telefon tahun ini dan yang selebihnya sebanyak 80 lagi pada tahun hadapan. Untuk negara kita, jumlah yang sedang menunggu talian telefon pada masa ini ialah 75,371 orang. Untuk negeri Perak sahaja 14,240. Dalam kawasan yang sedia ada perkhidmatan sebanyak 9,325 dan di kawasan luar bandar sebanyak 4,915 talian. Untuk keseluruhan negara kita yang menunggu kurang dari 3 bulan 18,000 orang 3 hingga 6 bulan 13,600 orang. 6 hingga 12 bulan 25,000 dan lebih daripada 12 bulan 18,602 orang. Jika dibandingkan sebelum Telekom diswastakan, pada tahun 1983 sebanyak 29% daripada jumlah mereka yang mendapat telefon menunggu untuk mendapatkan telefon. Pada tahun 1986 turun kepada 13%. Pada tahun 1987 (selepas diswastakan) ianya menurun kepada 7%. Tahun 1988 6%; 1989 5% dan insya Allah, pada tahun 1995 ianya akan menurun kepada 1.5%. Kita tidak mungkin dapat menyediakan telefon kepada 100% mereka yang memohon.

KADAR INFLASI

14. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah kadar inflasi bagi negara kita bagi tempoh 6 bulan pertama tahun ini. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kenaikan atau sebaliknya kadar inflasi negara kita. Apakah pula langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkannya.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini hanya

maklumat untuk 4 bulan pertama tahun 1991 yang diperolehi, maka dalam tempoh Januari sehingga April 1991, kadar inflasi adalah pada tahap 3.8% berbanding dengan 2.3% pada tempoh yang sama pada tahun 1990.

Faktor-faktor yang menyebabkan kadar inflasi meningkat daripada tahun 1990 ialah seperti berikut:

- (i) Kesemua indeks kecil mencatatkan pertambahan antara 0.5% hingga 4.7% dalam tempoh empat bulan pertama tahun 1991, tetapi indeks kecil bagi minuman dan tembakau telah menunjukkan pertambahan yang ketara sebanyak 9.7% berbanding dengan 1.3% dalam tempoh yang sama tahun 1990. Ini disebabkan oleh kenaikan dalam duti eksais bagi rokok, beer dan stout;
- (ii) Ekonomi Malaysia telah menunjukkan prestasi yang menggalakkan dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Sejak tahun 1988, pertumbuhan ekonomi telah mencapai kadar purata sebanyak 9% setahun. Permintaan agregat telah meningkat dengan ketara disebabkan oleh kemudahan kredit yang berlebihan serta kadar faedah yang rendah. Oleh yang demikian tekanan ke atas paras harga menjadi lebih nyata;
- (iii) harga-harga import juga telah bertambah sebanyak 4.8% dalam tempoh tiga bulan pertamatahan 1991 berbanding dengan hanya 2.0% yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1990. Kadar inflasi di negara-negara perindustrian yang semakin meningkat telah memberi kesan ke atas kos import untuk keperluan negara; dan

- (iv) peningkatan pelaburan di negara ini pada kadar yang amat pesat dalam tahun 1989/1990 telah menambahkan keperluan tenaga kerja dan meningkatkan kadar penggunaan keupayaan. Oleh yang demikian masalah kekurangan tenaga kerja khususnya tenaga mahir buruh menjadi lebih mendesak. Trend ini telah memberi tekanan ke atas upah dan kos buruh.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kadar inflasi adalah seperti berikut:

- (i) Menyelaraskan dasar-dasar fiskal dan kewangan supaya terus membantu pertumbuhan ekonomi tetapi tidak menjejaskan kedudukan paras harga;
- (ii) membenarkan kenaikan kadar faedah dalam negara untuk mengurangkan peningkatan ketara dalam tahap penggunaan swasta;
- (iii) menyerapkan mudahtunai, iaitu liquidity yang berlebihan dalam sistem bank melalui pertambahan keperluan simpanan berkanun institusi-institusi bank;
- (iv) menggalakkan pertambahan dalam pengeluaran domestik industri-industri kecil dan juga sektor pertanian supaya tidak wujud keadaan kekurangan bekalan; dan akhirnya,
- (v) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan terus mengawal harga barang-barang pengguna untuk memastikan bahawa harga tidak dinaikkan tanpa sebab-sebab yang munasabah.

DEMAM DENGGI DI SARAWAK

15. Tuan Wng Sing Nang minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah kes demam denggi di Sarawak dan di Bandar Sibu pada tahun 1990;
- (b) jumlah kematian yang diakibatkan oleh penyakit ini pada tahun 1990; dan
- (c) segala persediaan oleh Kementerian Kesihatan untuk mencegah serta mengawal serangan penyakit ini menjelang musim kemarau 1991,

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan bagi negeri Sarawak pada tahun 1990 adalah sebanyak 1,486 kes manakala bagi Bahagian Sibu pula sebanyak 569 kes.
- (b) Jumlah kematian akibat demam denggi pada tahun 1990 di negeri Sarawak adalah sebanyak 8 orang.
- (c) Persediaan-persediaan atau tindakan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mencegah serta mengawal serangan penyakit dengan menjelang musim kemarau 1991 adalah seperti berikut:

Pencegahan

- Melakukan kajian Aedes dari rumah ke rumah bagi seluruh kawasan supaya kawasan-kawasan tersebut bebas dari pembiakan nyamuk Aedes.
- Mengambil langkah-langkah menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes dengan kerjasama Penguasa Tempatan.

- Mendapatkan kerjasama dari orang ramai serta penguasa-penguasa tempatan dalam aktiviti pencegahan denggi.

Pengawalan Kes

- Mengesan punca jangkitan bagi kes-kes denggi dan mengambil langkah-langkah kawalan segera supaya tidak berlaku perubakan penyakit tersebut.
- Bagi kawasan yang berlaku kes denggi atau wabak, tindakan pengasapan akan diambil dengan serla-merta untuk menghapuskan nyamuk Aedes.

Pendidikan Kesihatan

- Memberi pendidikan kesihatan kepada orang ramai secara menyeluruh dalam pencegahan dan kawalan denggi apabila menjelang musim kemarau sama ada dilakukan secara individu, ceramah, dialog, tunjuk ajar dan tayangan gambar.
- Memberikan publisiti meluas melalui media massa tentang gejala-gejala demam denggi dan menasihatkan orang ramai mendapatkan rawatan awal.
- Menasihati orang ramai supaya menutup bekas-bekas simpanan air dengan sempurna untuk mencegah nyamuk dari bertelur di dalamnya atau membubuh ubat pembunuh jentik-jentik mengikut sukatan yang tertentu seperti yang dinasihat oleh kakitangan kesihatan. Ini kerana apabila kemarau, jumlah penghuni yang menyimpan air akan bertambah,

Tuan Yang Di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 16 hingga 57 adalah diberi di bawah ini).

**HUTANG KERAJAAN KELANTAN
DENGAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN**

16. Tuan Sukri bin Haji Mohamed minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah hutang Kerajaan Negeri Kelantan kepada Kerajaan Pusat sehingga 31 Disember, 1990.
- (b) bilakah hutang-hutang tersebut berlaku.
- (c) berapakah jumlah hutang yang sudah matang bagi tahun-tahun kewangan 1988, 1989 dan 1990 dan adakah hutang-hutang tersebut telah dibayar.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

- (a) Sehingga 31 Disember, 1990 hutang Kerajaan Negeri Kelantan dengan Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak \$694.30 juta.
- (b) Kerajaan Persekutuan telah memberi pinjaman kepada Kerajaan Negeri Kelantan sejak tahun 1962 untuk membiayai projek-projek pembangunan Negeri Kelantan.
- (c) Hutang-hutang yang sudah matang bagi tahun 1988 hingga tahun 1990 adalah seperti berikut:

Tahun:	Hutang Matang (SJuta)
1988	46.80
1989	48.58
1990	52.79

Hutang-hutang yang matang tersebut hanya sebahagian kecil sahaja yang telah dibayar-balik.

UNIVERSITI TERBUKA

17. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah benar dakwaan Ketua Satu GAPENA, Prof. Ismail Husein baru-baru ini bahawa

konsep Universiti Terbuka seperti yang dijalankan oleh kolej-kolej swasta bersama universiti-universiti luar negeri bertentangan dengan falsafah pendidikan negara yang berteraskan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Rasmi Kebangsaan. Jika benar, apakah Kerajaan bercadang mengkaji semula aiau menetapkan syarat-syarat tertentu supaya ianya tidak bertentangan dengan Dasar Pendidikan Negara.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga sekarang Kementerian Pendidikan belum memberikan kepada mana-mana pihak di Malaysia untuk menjalankan program universiti terbuka. Sebarang penubuhan universiti terbuka masih lagi diperingkat negeri. Bagaimanapun Kementerian Pendidikan hanya memberikan beberapa institusi pendidikan swasta tempatan menjalankan program pendidikan tinggi dengan kerjasama beberapa buah universiti luarnegeri dengan sebahagian kursus pendidikan tinggi peringkat Ijazah dikendalikan di Malaysia. Kebenaran untuk tujuan ini diberi adalah berasaskan kepada beberapa faktor. Antaranya ialah:

- (i) untuk menampung pelajar yang gagal memohon masuk ke universiti tempatan.
- (ii) untuk membantu mereka yang tidak mampu melanjutkan pelajaran ke luar negeri.
- (iii) supaya dapat mengurangkan bilangan pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke luar negeri dan menjimatkan kos pembiayaan.
- (iv) bagi mengatasi keperluan tempatan dalam gunatenaga mahir dan separa mahir yang mendesak.

Mengikut rekod yang terdapat di Kementerian Pendidikan terdapat 11 buah institusi pendidikan swasta

tempatan yang menjalankan program-program berkembar dengan kerjasama universiti-universiti luar negeri. Antaranya ialah:

- (i) Kolej Sunway.
- (ii) Taylor's College.
- (iii) Kolej Damansara Utama.
- (iv) Institut HELP.
- (v) Kolej Bisted.
- (vi) Kolej Mahkota.
- (vii) Kolej Arief.
- (viii) Sedaya Kolej.
- (ix) Institut Informatics.
- (x) Institut Shafique.
- (xi) Prime College.

KWSP DALAM PELABURAN LUAR NEGERI

18. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) mengapakah Kerajaan perlu melabur di luar negeri dengan peruntukan pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja; dan
- (b) bukannya lebih bermanfaat jika semua pelaburan KWSP ditumpu sepenuhnya kepada projek-projek perumahan, terutamanya perumahan kos rendah yang amat diperlukan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penglibatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dalam pelaburan luar negeri adalah salah satu cara untuk KWSP mempelbagaikan aktiviti-aktiviti pelaburannya. Walau bagaimanapun, pelaburan di luar negeri hanya akan dibuat setelah dikaji dengan teliti dan KWSP berpuas-hati pelaburan tersebut akan memberi pulangan yang baik.

- (b) sebagai dasar, KWSP mempelbagaikan jenis-jenis pelaburan yang diceburi demi untuk mengurangkan risiko berhubung dengannya. Oleh itu, saranan Ahli Yang Berhormat supaya KWSP menumpukan pelaburannya kepada projek-projek perumahan sahaja adalah tidak wajar kerana pertimbangan harus juga diberi terhadap projek-projek yang boleh memberikan hasil dan pulangan sebaiknya untuk para pekerja.

PELANCONG KE MALAYSIA

19. Tuan Richard Riot Anak Jaem minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) bilangan pelancong dari Malaysia yang melawat ke Indonesia melalui Kompteks Imigresen Tebedu semenjak ianya dibuka dengan rasmi pada 25 Februari 1991; dan
- (b) bilangan pelancong dari Indonesia yang melawat ke Malaysia melalui Kompteks Imigresen Tebedu semenjak ianya dibuka dengan rasmi pada 25 Februari 1991.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Pelancongan (Dato Chan Kong Choy):

- (a) Berdasarkan maklumat terakhir yang diperolehi daripada Jabatan Imigresen Malaysia, seramai 12,940 orang rakyat Malaysia direkodkan keluar melalui Kompleks Imigresen Tebedu semenjak ianya dibuka pada 25 Februari 1991 sehingga bulan Mei 1991.
- (b) Berdasarkan sumber yang sama daripada Jabatan Imigresen Malaysia, seramai 29,793 rakyat Indonesia telah masuk melalui

Kompleks Imigresen Tebedu ke Sarawak semenjak ianya dibuka pada 25 Februari 1991 sehingga bulan Mei 1991.

BALAI BOMBA DIKOTA MARUDU

20. Tuan George Sankin minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membina balai bomba di Pekan Kota Merudu. Kalau ia, bilakah perlaksanaannya bermula.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sentiasa memberi perhatian terhadap keperluan balai bomba di seluruh negara termasuk di pekan Kota Marudu. Adalah dimaklumkan peruntukan telah dipohon di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk membina sebuah balai bomba di Kota Marudu. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keenam akan dibincangkan di dalam persidangan Parlimen kali ini. Pembinaan balai bomba tersebut akan dilaksanakan sebaik sahaja peruntukan yang dipohon diluluskan oleh Kerajaan.

DASAR NAUNGAN DALAM PERNIAGAAN

21. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang beliau telah ambil semenjak mengambil alih Kementerian tersebut untuk mengurangkan dan menghapuskan hubungan korporat-politik yang telah menimbulkan satu keadaan penaungan politik yang amat tidak sihat dalam hal ehwal korporat negara ini, khususnya yang melibatkan empayar korporat UMNO yang sedang berkembang.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Kerajaan tidak mengamalkan dasar naungan dalam perniagaan. Peranan Kerajaan ialah mewujudkan suasana yang baik untuk membolehkan sektor swasta berkembang serta membantu golongan-golongan tertentu, terutama sekali kaum bumiputera menceburi bidang perniagaan. Melalui Dasar Ekonomi Baru Kerajaan telah menyediakan peluang kepada syarikat-syarikat bumiputera untuk ikut serta dalam perniagaan. Tetapi mereka harus bersaing dengan syarikat-syarikat yang lain berdasarkan kemampuan dan kecekapan. Kalau mereka berjaya adalah kerana syarikat mereka, dengan izin, "competitive" dan telah membuktikan kemampuan menjalankan projek-projek yang diberikan.

Peluang-peluang perniagaan dan tender-tender adalah diberikan berasaskan kepada peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Hubungan antara lokoh korporat dengan pemimpin-pemimpin Kerajaan tidak dijadikan asas untuk menentukan pemberian peluang perniagaan atau kontrak.

Saya sedar bahawa khabar-khabar angin tentang naungan politik sengaja disebarkan oleh golongan tertentu di kalangan masyarakat perniagaan untuk kepentingan mereka sendiri. Saya telah berkali-kali menegaskan bahawa naungan politik tidak bertaku. Telah banyak syarikat yang muncul sebagai gergasi korporat tanpa mengenal ahli politik. Mereka berjaya kerana mereka cekap dan memiliki daya saing. Ramai juga ahli-ahli perniagaan yang mengenali ahli-ahli politik tetapi perniagaan mereka terus menerus menghadapi masalah kerana tidak cekap dan tidak memiliki daya saing.

Oleh kerana naungan politik kepada tokoh-tokoh korporat tidak ada, maka isu sama ada langkah telah diambil oleh

saya bagi mengurangkan atau menghapuskan naungan ini tidak timbul sama sekali. Jika ada parti-parti politik di negara ini sama ada anggota komponen Barisan Nasional atau pembangkang yang menjalankan perniagaan atau memiliki syarikat, ini tidak bermakna syarikat-syarikat ini mendapat naungan Kerajaan. Mereka perlu bersaing dengan syarikat-syarikat lain, atas asas yang sama.

KLINIK DESA DI KUALA LINGKABAU

22. Tuan Michael Asang minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) Sebab mengapa Klinik Desa di Kuala Lingkabau masih belum sedangkan tawaran "tender" bagi projek berkenaan telah berulang kali dikeluarkan;
- (b) kontraktor yang mendapati tawaran kerja bagi projek Pembinaan Desa dikeluarkan; dan
- (c) tindakan Kementerian ke atas kelewatan dan kegagalan kontraktor berkenaan untuk melaksanakan projek di atas.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Klinik Desa Lingkabau masih belum dibina kerana kontraktor gagal mengambil alih tapak. Surat-surat amaran telah dikeluarkan oleh JKR. Amaran terakhir dikeluarkan pada bulan Pebruari 1991.
- (b) Kontraktor yang mendapat tawaran kerja adalah ABA Construction.
- (c) Kementerian Kesihatan Malaysia telah meminta pihak JKR menamatkan kontrak dan membuat tender semula untuk projek ini pada bulan Jun 1991.

LAWATAN TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KE JPJ WILAYAH PERSEKUTUAN

23. Tuan Foo Piew Kok minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan telah ataupun akan diambil terhadap seorang pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan, Wangsa Maju, Wilayah Persekutuan itu yang diadakan bahawa beliau itu enggan bertemu Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat beberapa bulan lalu dengan alasan-alasan tiada temujanji dibuat sebelum itu.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Lawatan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ke Tapak Ujian Memandu JPJ Wilayah Persekutuan di Wangsa Maju pada 21 Mac 1991 adalah dibuat secara mengejut. Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan tidak dimaklumkan terlebih dahulu tentang program lawatan dan tujuan lawatan berkenaan. Oleh hal yang demikian, Kementerian Pengangkutan tidak dapat mengatur program sewajarnya untuk menyambut ketibaan Yang Berhormat Timbalan Menteri tersebut.

Mengenai dakwaan yang menyatakan seorang pegawai JPJ Wilayah Persekutuan di Wangsa Maju enggan berjumpa dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini adalah tidak tepat. Pada hari tersebut beliau sebenarnya bercuti kerana tidak sihat. Pegawai berkenaan hanya datang ke pejabat sekejap sahaja untuk memastikan semua gerak kerja berjalan dengan sempurna dan sesudah itu beliau balik untuk berehat. Pegawai ini juga tidak mengetahui bahawa pada hari tersebut, Yang Berhormat Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan membuat lawatan ke pejabat beliau. Kementerian

Pengangkutan berpuas hati dengan prestasi kerja pegawai berkenaan, dan tidak bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan lanjut.

EAEG—PERBEZAAN DENGAN EC

24. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) perbezaan di antara ASEAN dan EAEG dan sama ada EAEG adalah sama seperti EC di Eropah; dan
- (b) bilangan negara setakat ini yang sudah menjadi ahli EAEG.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Saya ingin menekankan kembali bahawa antara tujuan inisiatif ini ialah untuk berusaha memperkukuhkan sistem perdagangan pelbagaihalal dan bebas. Ini dengan sendirinya membezakan EAEG, di mana ianya bukanlah satu pasaran bersama (common market) seperti EC ataupun satu kawasan perdagangan bebas (free trade area) seperti di bawah Peraturan Perdagangan di Amerika Syarikat dengan Kanada.

ASEAN, seperti yang Dewan yang mulia ini sedia maklum, adalah satu kumpulan kerjasama di kalangan negara-negara di Asia Tenggara sementara EAEG, seperti yang dapat dilihat dari namanya sendiri, merupakan forum yang lebih luas merangkumi negara-negara Asia-Timur. Namun begitu, apa yang ingin kita lihat ialah ASEAN dijadikan sebagai pusat (core) bagi pengluasan kerjasama serantau ini kerana melalui proses ini, ASEAN dengan sendirinya dapat diperkukuhkan serta kerjasama di kalangan negara-negara anggotanya dipertingkatkan. Ini adalah penting di dalam ASEAN menghadapi cabaran dan peluang-peluang di dalam dekad 90'an dan seterusnya di abad ke 21 nanti.

Bagi menjawab soalan (b), saya ingin memaklumkan bahawa keahlian EAEG adalah di antara perkara yang bakal dibincangkan oleh Kumpulan Kerja ASEAN mengenai EAEG.

PERSIDANGAN KOMANWEU- PERLAKSANAAN KEPUTUSAN

25. Tuan Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah keputusan-keputusan yang diambil di semua persidangan Commonwealth dilaksanakan dan adakah pelaksanaan itu dihalangi oleh mana-mana pihak.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tindakan oleh negara-negara Komanwel ke atas keputusan-keputusan yang dibuat semasa Persidangan Komanwel diambil sebaik sahaja tamatnya persidangan. Sekretariat Komanwel di London bertugas memerhatikan supaya keputusan-keputusan yang diambil di persidangan dilaksanakan sepenuhnya.

Laporan kedudukan keputusan-keputusan yang diambil dibentangkan kepada Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel yang diadakan dua tahun sekali. Ini memberi peluang kepada Ketua-ketua Negara untuk mengetahui peringkat pelaksanaan. Di samping itu, mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan juga diadakan selang satu tahun di waktu Ketua-ketua Negara tidak bersidang, di mana mereka juga mengambil kesempatan meneliti pelaksanaan keputusan-keputusan yang diambil di Persidangan Ketua-ketua Negara. Persidangan-persidangan Komanwel, selain dari membincang dan menentukan pendirian Komanwel mengenai perkembangan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial dunia, jugabertujuan meneliti keputusan-keputusan yang telah diambil supaya ianya dilaksanakan sepenuhnya.

Keputusan-keputusan yang diambil secara sebulat suara di persidangan Komanwel memberi erti yang semua ahli akan mematuhi dan melaksanakan keputusan-keputusan yang telah dipersetujui. Maka penghalangan oleh mana-mana pihak tidak timbul.

SUBSIDI BAJA/HARGA PADI

26. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Pertanian menyatakan apakah kepastian yang dapat diberikan oleh pihak Menteri tentang keberkesanan dan pencapaian 'matlamat subsidi' kepada petani-petani ktt.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, subsidi yang utama yang ada diberi kepada petani-petani sekarang ini adalah subsidi baja dan subsidi harga padi dalam sektor padi. Bagi subsidi baja yang telah mula dilancarkan sejak 1979, objektifnya adalah untuk membantu petani-petani mengurangkan kos pengeluaran padi, memodenkan perusahaan penanaman padi dengan penggunaan baja mengikut kuantiti yang diperakukan dan meninggikan pengeluaran hasil padi serta seterusnya menambah pendapatan mereka. Objektif subsidi harga padi pula adalah untuk memastikan harga beras di pasaran dapat dikekalkan untuk kepentingan para pengguna dan pendapatan pesawah-pesawah tidak terjejas berikutan kenaikan kos pengeluaran tanaman padi.

Kementerian ini sentiasa memastikan keberkesanan dan pencapaian objektif subsidi-subsidi tersebut. Kementerian telah menetapkan supaya hanya petani-petani yang layak sahaja diberi subsidi. Bagi subsidi baja padi, petani-petani yang layak menerimanya adalah mereka yang disahkan mengusahakan lanaman padi sama ada atas tanah sendiri, disewa, dipawah atau dipajak. Keluasan maksima yang layak

mendapat subsidi bagi setiap petani ialah sebanyak 2.43 hektar (6 ekar) sahaja setiap musim.

Kementerian juga sentiasa menggalakkan supaya penanaman padi diamalkan secara moden, termasuk penggunaan baja yang sesuai. Dalam hal ini, pengurusan penanaman padi secara kelompok dan mini-estet adalah juga digalakkan supaya dapat memastikan padi diamalkan dengan betul melalui khidmat pengembangan.

Bagi subsidi harga padi pula, semua petani yang mengusahakan sawah dan lot-lot sawah yang diusahakan telah daftarkan dalam Buku Daftar Pesawah dan Buku Kawalan Lot Tanah. Satu sistem bayaran subsidi melalui akaun GIRO Bank Simpanan Nasional telah juga diperkenalkan di mana wang subsidi petani dikreditkan terus ke dalam akaun mereka. Peraturan-peraturan Skim Subsidi Harga Padi (1991) telah juga dibuat untuk memberi kuasa kepada Lembaga Padi Negara mendakwa pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti pengilang, pelesen, kakitangan dan orang tengah dengan kes-kes penipuan berhubung dengan subsidi harga padi. Di samping itu, kawalan dalaman dari segi rekod-rekod subsidi diperketatkan, sistem pengurusan maklumat diperbaiki dan beberapa siri kursus kesedaran kepada kakitangan subsidi diadakan.

SUBSIDI BANTUAN MODAL KEPADA SEKOLAH

27. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian Pendidikan akan memberi subsidi kepada modal perbelanjaan dalam pembinaan bangunan sekolah dan pembelian kelengkapan sekolah-sekolah rendah Cina dalam bentuk asas ringgit ke ringgit seperti yang terdahulunya.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak mempunyai dasar untuk memberi subsidi bantuan modal berasaskan ringgit ke ringgit kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan atau sekolah-sekolah Bantuan Modal bagi pembiayaan pembinaan bangunan dan juga pembelian kelengkapan sekolah.

Bagi sekolah-sekolah yang dikategorikan sebagai Sekolah Bantuan Penuh Milik Kerajaan, Kementerian Pendidikan menyediakan peruntukan bagi menampung kos pembinaan dan pembelian yang dibuai.

SURUHANJAYA SIASATAN DIRAJA MENGENAI KESELAMATAN SEKOLAH

28. Tuan James Jimbun Pungga minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah keputusan oleh penyiasatan Suruhanjaya DiRaja (Royal Commission of Inquiry) mengenai keselamatan sekolah yang telah ditubuhkan dalam tahun 1989 dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam menjalankan serta pelaksanaan cadangan yang telah direkomen oleh Suruhanjaya tersebut.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kerajaan setakat ini belum lagi menerima keputusan penyiasatan Suruhanjaya Siasatan DiRaja (Royal Commission of Inquiry) mengenai keselamatan sekolah.

PROGRAM PENDIDIKAN PRASEKOLAH

29. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang kelulusan Akta Pendidikan 1991 memperuntukkan Kelas Pra-Tahun Satu (Tadika) di sekolah-sekolah rendah yang ada sekarang. Bilakah program itu hendak dijalankan. Apakah usaha

Kementerian untuk memastikan ruang yang mencukupi untuk menampung pelajar pra-tahun satu ini di sekolah-sekolah rendah di kawasan pendalaman.

Dr Leo Michael Toyad: Mengikut rancangan program pendidikan prasekolah akan dilaksanakan pada akhir tahun ini di kawasan-kawasan yang belum mempunyai kemudahan-kemudahan prasekolah. Pada permulaan semesta pertama tahun persekolah 1991/1992 Kementerian Pendidikan bercadang untuk menyediakan 2,081 kelas prasekolah di 1,082 buah sekolah.

Pada peringkat permulaan pelaksanaan 1 program ini, bilik-bilik darjah yang kosong akan digunakan dengan konsep "pre school annexe" (kemudahan prasekolah yang diadakan di sekolah-sekolah rendah yang sedia ada dengan menggunakan kemudahan-kemudahan fizikal yang ada). Walau bagaimanapun, dalam RM6 Kementerian Pendidikan merancang untuk membina bilik-bilik darjah yang baru beranggaran \$40,000 bagi sebuah bilik darjah.

GURU-GURU SEKOLAH DI SARAWAK—KEKURANGAN

30. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pendidikan menyatakan keadaan kekurangan guru-guru sekolah di negeri Sarawak sekarang, berapakah orang guru-guru masih berkurang di sekolah-sekolah rendah dan di sekolah-sekolah menengah masing-masing, serta tindakan yang akan diambil dalam merekrutkan lebih ramai anak Sarawak ke dalam kursus-kursus perguruan di universiti-universiti dan maktab perguruan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan dan kekurangan guru-guru di sekolah-sekolah menengah dan di sekolah-sekolah rendah di negeri Sarawak pada masa sekarang adalah

sebanyak 946 orang guru siswazah dan sebanyak 2,684 orang guru bukan siswazah.

Kekurangan guru-guru siswazah yang terlatih seramai 946 orang itu akan berkurangan apabila Kumpulan Kedua Guru-guru Siswazah Terlatih iaitu kira-kira seramai 277 orang guru akan ditempatkan di negeri Sarawak mulai bulan Jun 1991.

Berhubung dengan pengambilan calon-calon untuk memasuki maktab perguruan dan universiti, Kementerian Pendidikan telah memberi pertimbangan khas kepada pelajar-pelajar dari Sarawak dan Sabah bagi membolehkan mereka diterima masuk ke maktab-maktab perguruan dan universiti-tempatan. Sehubungan dengan itu, kemasukan pelajar-pelajar ke maktab-maktab perguruan dan universiti-universiti adalah mengikut kelayakan kerana Kementerian Pendidikan menitikberatkan kualiti guru bagi keperluan pembangunan negara.

DEMAM DENGGI DI SIMUNJAN DAN SERIAN

31. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan bercadang menambah bilangan doktor, jururawat dan kakitangan hospital di kawasan luar bandar bagi mengatasi masalah demam denggi di Sarawak khasnya di Daerah Simunjan dan Serian yang sering dilandapenyakit berkenaan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Keadaan demam denggi di Daerah Simunjan dan Serian adalah terkawal. Dua pasukan petugas telah dibentuk untuk mengawat dan mengawasi keadaan. Dengan bantuan Majlis Daerah Tempatan, pasukan petugas tersebut telah dan sedang mengambil tindakan pencegahan wabak demam denggi seperti pemeriksaan kawasan rumah untuk mengesan pembiakan nyamuk Aedes, membuat "fogging" di kawasan

terlibat dan meningkatkan kesedaran awam mengenai demam denggi menerusi pameran, ceramah, dialog dan sebagainya.

Setakat ini pasukan petugas belum memerlukan bantuan dari luar kerana mereka masih mampu mengawal keadaan. Sekiranya perlu tambahan kakitangan akan dihantar ke kawasan tersebut untuk membantu kelak.

MATAPELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP PERALIHAN

32. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak-pihak Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah-sekolah; dan
- (b) sejauh manakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menghadapi dan mengatasi masalah tersebut.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Peralihan untuk pelajar peringkat menengah rendah telah mula dilaksanakan pada tahun 1989. Dengan itu beberapa masalah yang dikatakan terdapat di peringkat awal pelaksanaan seperti kemahiran guru, kedatangan pelajar, ruang pengajaran dan pembelajaran dan juga peruntukan masa telah dapat diatasi. Masalah yang timbul baru-baru ini ialah mengenai salah faham atau kekurangan pengetahuan sebuah kesatuan guru terhadap rasional dan bentuk pelaksanaan Program Khas Kemahiran Hidup untuk pelajar Tingkatan I dan V 1991-1992 yang baru dilaksanakan mulai Penggal II tahun ini.

(b) Beberapa langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah-masalah tersebut ialah dengan mengadakan kursus-kursus dalam perkhidmatan di peringkat kebangsaan dan negeri untuk guru-guru yang mengajar mata pelajaran ini menyesuaikan jadual waktu sekolah; meminta sekolah mengubahsuai ruang untuk bengkel dan memberikan peruntukan secukupnya untuk sekolah-sekolah. Di samping itu buku-buku sumber dan teks untuk pelajar, dan buku panduan guru juga disediakan dan diedarkan untuk membantu pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini. Masalah satah taham kesatuan guru yang berkenaan terhadap program khas Kemahiran Hidup Menengah Atas telah juga diatasi dengan adanya majlis penerangan mengenai program tersebut yang diberikan oleh pegawai Kementerian Pendidikan kepada kesatuan berkenaan pada 31hb Mei, 1991. Dengan adanya penerangan itu pihak kesatuan berkenaan telah menyatakan sokongan mereka terhadap program ini.

JALAN PERSEKUTUAN DI SEBERANG PRAI— MELEBARKAN

33. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Jalan Persekutuan di antara perkampungan Permatang Tinggi dan Simpang Ampat di Seberang Perai, Negeri Pulau Pinang merupakan sebatang jalan yang amat bahaya dan selalu berlaku kemalangan maut dan jika ya, apakah Kerajaan bercadang melebarkan jalan itu, jika ya, bila. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Kementerian saya

menyedari keadaan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya di kawasan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Jalan yang dimaksudkan merupakan sebahagian Jalan Persekutuan Laluan I yang mana kerja membaikpulih dan melebarkannya akan dilaksanakan di bawah projek Bank Dunia. Di bawah program tersebut jalan berkenaan akan dibaikpulih dan dilebarkan dari 7 meter kepada 8 meter, bermuladaripadasempadanPerak/Pulau Pinang hingga sempadan Pulau Pinang/Kedah. Kerja-kerja dijangka akan dilaksanakan pada tahun ini juga.

EAEG—TUJUAN PENUBUHAN

34. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah tujuan beliau mengesyorkan Penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG);
- (b) apakahkeuntunganataukerugian bagi Malaysia jika Jepun menyertai atau tidak menyertai gagasan tersebut; dan
- (c) apakah reaksiKesatuanEkonomi Eropah (EEC) terhadap gagasan ini.

37. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) tindakbalas Kerajaan untuk meyakinkan negara di rantau ini menyangkal pendirian Kerajaan Amerika Syarikatbahawa EAEG tidak berjaya tanpa penyertaan Amerika Syarikat; dan
- (b) slrategi Kerajaan untuk menafikan pendirian Kerajaan Amerika Syarikat bahawa APEC boleh menjalankan sepenuhnya fungsi-fungsi yang dicadangkan dijalankan oleh EAEG.

Tuan Chua Jui Meng: Jawapan bagi soalan-soalan ini telahpun dijawab bagi pihak Kementerian saya oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat pada 18hb Jun, 1991. Oleh itu, saya tidak berhajat untuk mengulanginya.

**KAWASAN PEMBANGUNAN
BERSAMA MALAYSIA—
THAILAND**

35. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Perdana Menteri menyatakan tentang kawasan Pembangunan Bersama (Joint Development Authority) Malaysia-Thailand:

- (a) sejauh manakah kejayaan di dalam usaha untuk membangun dan mengeksploitasi kawasan tersebut (JDA); dan
- (b) Adakah benar ketiga-tiga perkara seperti Ibu Pejabat JDA, Pusat Memproses dan Supply Base diletakkan di Songkla, jika benar mengapakah tiada satu pun di antara tiga (3) perkara tersebut diletakkan di bandar Malaysia seperti di Kota Bharu.

3

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Wong See Wah):

- (a) Kemajuan setakat ini ialah kedua-dua negara sedang berusaha menubuhkan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand dan menggubal draf teks Perjanjian Perkongsian Pengeluaran (PSC) untuk kerjasama eksploitasi sumber-sumber petroleum di dalam Kawasan Pembangunan Bersama.
- (b) Perkara-perkara mengenai penempatan ibu pejabat Pihak Berkuasa Bekalan masih dalam peringkat rundingan di antara kedua-dua buah negara.

**BAHASA IBAN DI SEKOLAH
RENDAH SARAWAK**

36. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar yang Bahasa Iban sedang diajar semula di Sekolah Rendah di Sarawak;
- (h) kalau beliau sedar, bagaimanakah peruntukan mengeni-nya:
 - (i) Buku-buku teks;
 - (ii) Lantikan guru-guru Bahasa tersebut;
- (c) sama ada Kerajaan akan melanjutkan pengajaran Bahasa Iban ke peringkat Sekolah Menengah Tinggi dan Universiti.

Dr Leo Michael Toyad:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sememangnya sedia maktum bahawa Bahasa Iban sedang diajar di sekolah-sekolah di Sarawak.
- (b) (i) Buku teks Bahasa Iban iclah dimasukkan dalam Skim Pinjaman Buku Teks yang diuruskan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.
- (ii) Lantikan guru-guru untuk mengajar kelas Bahasa Iban adalah berdasarkan bekalan guru yang sedia ada dan keperluan semasa.
- (c) Buat masa ini pengajaran Bahasa Iban hanya dapat dilaksanakan di peringkat sekolah rendah dan menengah sahaja. Kementerian Pendidikan akan mengkaji cadangan untuk melanjutkan pengajaran bahasa Iban sehingga ke peringkat lepas menengah dan pendidikan tinggi.

(Soalan No. 37. Sila lihat jawapan No. 34)

SETINGGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

38. Lt. Kol (B) Ibrahim bin Sareh minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah rumah setinggan (termasuk penghuninya) yang sekarang wujud di sekitar Kuala Lumpur dan apakah rancangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mengatasi masalah setinggan ini.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Jumlah setinggan yang terdapat di Wilayah Persekutuan adalah seperti berikut:

Rumah (Unit)	Keluarga	Penduduk
14,087	35,223	179,270

DBKL mempunyai rancangan untuk mengwujudkan Wilayah Persekutuan bersih dari setinggan pada tahun 2000. Di antara program yang telah dan sedang dilaksanakan untuk mencapai matlamat ini adalah seperti berikut:

- (i) menawarkan rumah pangsa/ rumah panjang DBKL kepada keluarga setinggan dan merobohkan rumah-rumah tersebut sebaik sahaja mereka berpindah ke rumah yang ditawarkan itu;
- (ii) membangunkan semula kawasan-kawasan setinggan dengan mendirikan lebih banyak rumah-rumah kos rendah dan sederhana rendah serta memberi keutamaan kepada setinggan yang tinggal di kawasan berkenaan membeli rumah-rumah itu;
- (iii) memberi keutamaan kepada setinggan membeli rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh DBKL;
- (iv) pihak swasta diwajibkan membina dan mengarahkan rumah-rumah kos rendah kepada DBKL sendiri akan

mengendalikan jualan rumah-rumah itu. Keutamaan juga akan dijual kepada setinggan;

- (v) membeli rumah yang diperuntukkan kepada Bumi-putera daripada pihak swasta dan menyewakan rumah tersebut kepada setinggan; dan
- (vi) mengawal dan mengambil tindakan terhadap setinggan-setinggan baru.

PEKERJA LADANG

39. Tuan G. Palanivel minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah apa-apa langkah diambil untuk membantu pekerja-pekerja ladang yang mungkin disingkirkan akibat dari permodenan di ladang-ladang getah dan juga oleh kerana perubahan taraf ladang-ladang menjadi kawasan-kawasan perindustrian. Bolehkah Kerajaan meminta pihak pengurusan ladang-ladang membenarkan pekerja-pekerjanya menjalankan perusahaan industri kecil bagi menambah pendapatan mereka.

Dato' M. Mahalingam: Kementerian Sumber Manusia sedar bahawa pekerjaan pekerja-pekerja ladang terjejas apabila tempat pekerjaan mereka diambilalih untuk dibangunkan sebagai kawasan-kawasan perindustrian. Walau bagaimanapun, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, industri ladang merupakan industri yang memerlukan banyak tenaga pekerja dan pekerja-pekerja, yang dikelepikan kerana ladang-ladang tempat mereka bekerja telah dibangunkan boleh mendapatkan pekerjaan lain dengan mudah di industri-industri di kawasan-kawasan yang dibangunkan atau berpindah ke ladang-ladang lain. Oleh itu, pembangunan kawasan-kawasan ladang untuk dijadikan kawasan perindustrian tidak menjadi masalah kepada pekerja-pekerja ladang.

Kementerian Sumber Manusia juga sedar akibat pembangunan kawasan ladang pekerja-pekerja yang telah lama bekerja di sesuatu ladang kehilangan tempat kediaman mereka. Ini merupakan satu perkara di mana mereka patut diberi pertolongan. Dalam hal ini Kementerian Sumber Manusia telah merayu kepada pemaju-pemaju di kawasan-kawasan tersebut supaya keistimewaan diberi kepada pekerja-pekerja yang terlibat khususnya dalam peruntukan rumah kos rendah.

Mengenai penglibatan pekerja-pekerja ladang dalam industri kecil untuk menambah pendapatan mereka, Kerajaan sentiasa mengambil berat tentang perkara ini. Pekerja-pekerja di ladang adalah bebas di luar waktu kerja untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti bagi menambahkan pendapatan mereka, Satu peruntukan khas untuk mengkehendaki majikan-majikan ladang membantu pekerja-pekerja ladang dalam hal ini telahpun disediakan dalam Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990. Di bawah Akta tersebut majikan-majikan ladang adalah dikehendaki mengeneppikan tanah yang telah dibersihkan untuk diagih-agihkan kepada pekerja-pekerja bagi tujuan ternakan atau bercucuk tanam untuk menambah pendapatan mereka. Seseorang pekerja ladang layak diperuntukan kawasan sekurang-kurangnya seluas 250 meter persegi bagi tujuan tersebut.

TETRACON—KEROSAKAN TURBIN 3C PAKA

40. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) mengapa Tetracon tidak didakwa disenaraikan dan diminta membayar kerana merosakan turbin 3C Paka yang menyebabkan kerugian sebanyak 36 juta ringgit Malaysia;

- (b) mengapa Menteri mengelirukan Dewan dengan mengatakan tiada laporan dari Danish Power Consultants berkenaan dengan kualiti pengimpalan bersama-sama Tetracon yang buruk sedangkan laporan tersebut telah pun diterima oleh Lembaga LLN;
- (c) mengapakah MINCO dibenarkan membuat lawaran dengan 5 atau lebih perunding asing bagi perundingan Combined Cycle Power Station untuk Pasir Gudang, di mana semua kontraktor lain dihadkan untuk membuat tawaran dengan satu perundingan asing sahaja;
- (d) mengapa penawaran ini diketepikan selepas MINCO telah dikalahkan oleh pesaing yang lain dalam tawaran ini; dan
- (e) bagaimana TNB boleh membuat perjanjian untuk membeli 1.4 juta ton arang batu China bila mana gudang arangnya hanya dapat mengendalikan maksimum 700,000 ton sahaja.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tetracon memang dipcr-tanggungjawabkan terhadap kerosakan Turbin Stim 3C di Paka.

Jawapan (a):

Pada masa ini Tetracon telah ditahan daripada menjalankan:

- (a) semua kerja kontrak di Stesyen Janaelektrik Paka;
- (b) semua kerja kontrak yang melibatkan turbin gas dan stim kepunyaan TNB.

Jawapan (b):

Sebagaimana yang telah dinyatakan dahulu tiada laporan dibuat oleh Danish Power Consultants mengenai kerja-kerja mengimpal yang dijalankan oleh Tetracon.

Jawapan (c):

TNB tidak menghadkan kontraktor-kontraktor membuat tawaran dengan satu perunding asing sahaja. Di dalam proses untuk mendapatkan perunding, TNB telah mensyaratkan bahawa syarikat perunding hendaklah terdiri daripada consortium syarikat perunding yang mana rakan tempatan hendaklah memainkan peranan utama. Tiga belas buah syarikat perunding telah menyertai tender ini di mana lima buah telah mengambil Minco sebagai rakan sekutu mereka. Minco tidak mengambil peranan syarikat perunding di dalam kelima-lima penender. Penender-penender telah disenaraipendek kepada lima yang mendapat markah teknikal yang tertinggi dan seterusnya dihubungi untuk membuat penilaian semula tentang harga mereka. Di dalam lima penender yang disenaraipendekkan ini, hanya dua sahaja yang telah mengemukakan Minco selaku rakan sekutu mereka.

Jawapan (d):

Penawaran ini tidak diketepikan. Penilaian tawaran-tawaran di dalam senaraipendek sedang diteruskan.

Jawapan (e):

TNB telah membuat satu perjanjian untuk pembekalan arangbatu China selama 3 tahun mulai 1 Jun 1989. Kuantiti asas perjanjian ini ialah 120 ton setahun. Mengikut kontrak ini, kuantiti tambahan secara opsyen boleh juga dibekalkan dengan persetujuan kedua pihak.

Pada laluan kontrak pertama (Jun 1989-Mei 1990) TNB telah menerima sebanyak 240,000 ton. Pada tahun kontrak kedua (Jun

1990-Mei 1991) TNB telah menerima 360,000 ton bekalan. Dalam tahun kontrak ketiga (Jun 1991-Mei 1992), TNB dijangka akan menerima 360,000 ton lagi.

Penggunaan arangbatu TNB sekarang ialah lebih kurang 120,000 ton sebulan atau 1.4 juta ton setahun. Sungguhpun terminal arangbatu mempunyai keupayaan maksima 700,000 ton tetapi pergerakan stok arangbatu yang dibeli dan digunakan oleh stesyen janakuasa adalah diuruskan supaya tidak berlaku kesesakan di terminal tersebut.

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI—PERLETAKAN JAWATAN PENSYARAH

41. Dato' Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat ramai tenaga pengajar pusat-pusat pengajian tinggi yang kecewa dengan skim perkhidmatan, peluang-peluang kenaikan pangkat dan kemudahan-kemudahan (perks) yang menyebabkan ramai di antara mereka yang meninggalkan profesion mereka kerana tawaran yang jauh lebih menarik di sektor swasta. Jika ia, apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan keadaan sedemikian tidak berterusan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Pendidikan sememangnya menyedari bahawa terdapat beberapa orang pensyarah yang meletakkan jawatan dari semasa ke semasa di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan. Walau bagaimanapun, jumlah yang terlibat adalah tidak ramai berbanding dengan jumlah tenaga pengajar yang ada di institusi-institusi berkenaan. Contohnya bagi tahun 1991 terdapat hanya 8 perletakan jawatan yang telah diterima sehingga April 1991.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim perkhidmatan pensyarah universiti adalah merupakan salah satu skim yang terbaik di dalam perkhidmatan awam persekutuan. Ini adalah kerana kelayakan Ijazah Sarjana, seseorang calon akan ditempatkan atas Gred A14 sedangkan di dalam perkhidmatan awam lazimnya ia mungkin akan diletakkan di atas Gred gaji A20 atau A19 sahaja. Dari segi peluang kenaikan pangkat pula, seseorang pensyarah yang telah disahkan di dalam jawatan akan dinaikkan ke Gred A11 dalam tempoh 5 tahun dan ke Gred A10 dalam tempoh dua tahun selanjutnya. Kenaikan pangkat ke tingkatan yang lebih tinggi seperti professor madya dan professor tidak lagi bergantung kepada tempoh tertentu, malah dengan kecemerlangan akademik yang ditunjukkan oleh seseorang pensyarah itu ianya boleh dinaikkan ke tingkatan yang berkenaan dengan sewajarnya.

Sekiranya seseorang pensyarah ingin meletakkan jawatan, pihak universiti tidak mempunyai kuasa untuk menolaknya melainkan seseorang itu mempunyai ikatan biasiswa dengan pihak Kerajaan. Sebarang kekosongan akan diiklankan dan diisi dengan calon-calon lain yang layak.

Kerajaan juga peka dengan perkembangan dan keperluan untuk memperbaiki skim perkhidmatan termasuk skim perkhidmatan pensyarah yang mana perlu mengambilkira kepentingan pelbagai perkhidmatan Kerajaan dan keupayaan Kerajaan.

BOLASEPAK SEMI PRO— PERLAWANAN

42. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abd. Rahman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) semenjak Liga Semi Pro Bolasepak diadakan di negara ini,

beberapa ramaikan pemain-pemain semi pro dan individu-individu yang terlibat dalam rasuah bolasepak yang telah diambil tindakan berhubungan dengan kes ini; dan

- (b) apakah langkah-langkah perlu yang telah diambil atau dalam peringkat perbincangan bagi memerangi gejala-gejala yang kurang sihat ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Sejak perlawanan Liga Bolasepak Semi Pro diadakan, tiada pemain-pemain ataupun orang perseorangan atau individu dari mana-mana Persatuan Bolasepak Negeri di Malaysia, Singapura atau Brunei yang dituduh di mahkamah bersabit dengan kesalahan rasuah bolasepak. Sekarang ini Polis sedang menjalankan siasatan ke atas tiga pemain bolasepak Pahang yang dikatakan terlibat dengan rasuah. Sekiranya terdapat bukti-bukti yang mencukupi, mereka itu akan dihadapkan ke mahkamah.
- (b) Pihak Polis telah bekerjasama dengan Persatuan Bolasepak Malaysia dan Persatuan Bolasepak Negeri-negeri untuk membanteras kegiatan sindiket rasuah bagi musim semi pro kali ini. Maklumat-maklumat yang diterima oleh pihak polis berkaitan penglibatan pemain-pemain dan individu akan disampaikan kepada Persatuan Bolasepak Negeri-negeri yang terlibat di mana Persatuan terlibat akan menjalankan penyiasatan mereka sendiri. Sebaliknya pula sekiranya laporan polis dibuat oleh Persatuan bolasepak Malaysia atau Negeri-negeri, siasatan akan dijalankan dan jika terdapat keterangan/bukti yang mencukupi/kukuh, pemain-

pemain atau individu yang terlibat akan dituduh di mahkamah.

BANJIR SELUT DI WILAYAH PERSEKUTUAN

43. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar pembangunan kawasan-kawasan perumahan dan pembinaan lebuh raya baru Lembah Kelang telah menyebabkan banjir selut yang amat teruk kepada penduduk-penduduk kampung di Segambut Dalam, Segambut Bahagian, Segambut Masjid, Kg. Sg. Jernih, Kg. Sg. Penchala, Kg. Pasir Baru, Kg. Pasir Dalam dan Kg. Pasir Kiri di kawasan Parlimen Lembah Pantai. Apakah usaha-usaha Jabatan beliau untuk memperbaiki keadaan tersebut daripada berulang lagi.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Punca utama banjir selut yang berlaku adalah disebabkan oleh kerja tanah yang dijalankan secara besar-besaran oleh pihak Lembaga Lebuh raya Malaysia (LLM) untuk pembinaan Lebuh raya Baru Lembah Kelang. DBKL telah mengarahkan pihak LLM supaya mengambil tindakan segera untuk membina perangkap lodak yang berkesan bagi mencegah masalah hakisan tanah dan banjir selut dan pihak LLM telah bersetuju untuk mengambil tindakan segera.

Berhubung dengan masalah banjir selut akibat pembangunan perumahan, DBKL sentiasa memastikan kerja-kerja tanah dijalankan oleh pemaju dengan kawalan hakisan yang sempurna.

SIARAN YANG DIHARAMKAN DI TV—GARISPANDUAN

44. Tuan Ibrahim bin Jendol minta Menteri Penerangan menyatakan:

(a) selain dari unsur seks ganas, apakah ciri-ciri lain yang

dianggap negatif bagi membolehkan sesuatu bahan siaran diharamkan; dan

(b) ada slot drama keluarga dari barat yang memaparkan cara hidup masyarakat mereka yang tidak sesuai dan bertentangan dengan keperluan pembangunan soal masyarakat kita disiarkan di TV. Adakah Kementerian Penerangan mempunyai garis panduan yang jelas bagi menilai bahan siaran seperti ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman): Selain dari unsur-unsur seks, keganasan atau unsur-unsur pendewaan terhadap jenayah, ciri-ciri lain yang dianggap ngeri' adalah unsur-unsur yang boleh merosakkan keharmonian kaum, gejala-gejala yang menonjolkan nilai-nilai keji seperti pendewaan kepada kejahatan atau penagihan dadah, serta gejala-gejala yang menyentuh sensitiviti kaum dan agama, pengaruh-pengaruh politik atau ideologi yang bertentangan dengan aspirasi serta citarasa rakyat Malaysia.

Berkenaan dengan soalan (b), sebuah drama yang disiarkan oleh RTM telah ditapis oleh Lembaga Penapisan filem (LPF) di bawah Kementerian Dalam Negeri. Semua stesyen televisyen adalah dikehendaki dan memang akur kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Lembaga Penapisan Filem.

Kementerian Penerangan mengakui bahawasanya memang terdapat unsur-unsur budaya barat yang dipaparkan melalui drama-dramaimport. Menyedari hakikat inilah, maka Kementerian Penerangan telah mengarahkan RTM supaya pengimportan filem-filem ataupun drama-drama dari luar negara dikurangkan dan satu matlamat bahawasanya pada tahun 2000 RTM

hendaklah menyiarkan 80% daripada drama dan filem yang dihasilkan dari dalam negeri kita sendiri.

Dengan secara demikian, bukan sahaja industri-industri perfileman dalam negara ini dapat dikembang, dimaju dan dipertingkatkan, malahan adalah diharapkan penerbit filem dan drama tempatan yang lebih memahami dan menghayati budaya negara ini akan menyelitkan unsur-unsur atau mesej-mesej yang bersesuaian dengan budaya ketimuran.

BIASISWA DAN PINJAMAN KEPADA PELAJAR

45. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah wang dan bilangan biasiswa yang diberikan kepada pelajar-pelajar ITM dan universiti tempatan mengikut pecahan kaum;
- (b) ekoran kenaikan yuran universiti tempaian yang besar tahun ini adakah pihak Kerajaan akan menubuhkan satu Tabung Pinjaman/Biasiswa Khas untuk membantu golongan pelajar miskin dan berapakah jumlahnya.

Dr Leo Michael Toyad:

- (a) Kementerian Pendidikan menawarkan hadiah latihan kepada pelajar-pelajar di universiti lempatan datatn bentuk biasiswa dan pinjaman. Soalan ini tidak begitu jelas kerana tidak menentukan masa yang tertentu. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, bilangan penerima hadiah biasiswa dan pinjaman Kementerian ini mengikut

universiti mulai 1987 hingga 1990 adalah seperti berikut:

(1) BIASISWA:	1987	1988	1989	1990
1. Unwertiti Miliy*	16	27	38	44
2. l.mv.mt_ Kebmgium MiUyiu	5	11	1	145
3. Univornli Perluuiui Miliyti	2	3	121	45
4. Univen i Siiiu Mil-yii	3	14	25	11
5. Univen i Teknologi Md-y»	-	-	-	3
6. Univeri i Utmrt Mliyi i	-	-	-	-
7. Univen i Iilun Anl*»b ngu	-	-	-	-
	26	66	185	248

(j) PINJAMAN:	1987	1988	1989	1990
1. Umveraiti Milyt	355	330	335	93
2. Univ_«U Kebingii» Miliyna	215	155	146	-
3. Univen i P_rt_n.« MiUyna	69	58	106	132
4. Umv.ri i S.IM M.laylla	223	196	249	227
5. Univen i Tekncdogi Mliyi»in	-	-	17	S9
6. Univen i Unr» Miliyit	30	26	-	-
7. Univen i IHun Antu-itungu	20	11	-	-
	914	776	853	511

Jumlah peruntukan biasiswa/ pinjaman yang terlibat bagi tempoh 1987 hingga 2990 adalah sebanyak \$11.8 juta. Kementerian Pendidikan tidak menawarkan biasiswa atau pinjaman kepada pelajar-pelajar yang menuntut di Institut Teknologi MARA (ITM). Biasiswa untuk pelajar-pelajar ITM adalah diberikan oleh agensi-agensi lain seperti Perkhidmatan Awam (JPA), MARA dan lain-lain.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telahpun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 18-6-91. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, Kerajaan bersetuju menubuhkan tabung bantuan kewangan untuk membantu pelajar-pelajar yang tidak mampu untuk membiayai pelajaran mereka berikutan

kenaikan yuran pengajian. Jumlah wang tabung bantuan kewangan tersebut belum dapat ditentukan lagi.

**PENGERUSI MAJUS
KESELAMATAN NEGERI
KELANTAN**

46. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan atas pertimbangan apa maka Menteri Besar Kelantan sekarang diketepikan dari menjadi Pengerusi Majlis Keselamatan Negeri itu malah dinafikan seterusnya dari menjadi ahlinya sedang Allahyarham Tun Abdul Razak ketika menjadi Perdana Menteri dulu meminta Menteri Besar Kelantan ketika itu membentuk majlis itu demi keselamatan dan pembangunan negeri. Tidakkah sikap Kerajaan Barisan Nasional sekarang ini menggambarkan satu diskriminasi dan ia juga menggambarkan yang Perdana Menteri tidak dapat menerima keputusan rakyat Kelantan dalam pilihanraya umum lalu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Perkara-perkara yang bersangkutan dengan keselamatan negara baik di peringkat negeri ataupun Persekutuan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan perkara-perkara yang dibincangkan dalam Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) adalah bersangkutan secara langsung dengan kepentingan keselamatan negara secara keseluruhan. Dalam keadaan di mana Kerajaan Negeri sukar bagi perbincangan-perbincangan yang berkaitan dengan perkara-perkara keselamatan dapat dilakukan dalam JKKN yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Menteri Besar/Ketua Menteri daripada parti pembangkang. Oleh yang demikian, adalah wajar bagi Kerajaan Persekutuan membuat pindaan kepada kedudukan Pengarah Gerakan Negeri di Negeri-negeri Sabah dan Kelantan demi menjaga keselamatan negara, memandangkan kedua-dua negeri

tersebut banyak mempunyai isu-isu keselamatan yang sangat sensitif" terutamanya bagi isu-isu yang melibalkan hubungan dua hala dengan negara-negara jiran yang tertentu. Berdasarkan kepada Perkara 26 Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 12 bertarikh 11 Mac 1982, Y.A.B. Perdana Menteri seiaku Pengarah Gerakan (Negara) bolchi membuat pindaan kepada anggota JKKN untuk menyesuaikan dengan keadaan di dalam sesuatu negeri. Oleh yang demikian, dengan menggunakan kuasa yang ada kepada Perdana Menteri selaku Pengarah Gerakan ketetapan telah dibuat untuk meminda kedudukan Pengarah Gerakan di Negeri Sabah dan Kelantan sesuai dengan keadaan pentadbiran di kedua-dua negeri berkenaan.

**PENUBUHAN IOFC
DI LABUAN—LANTIKAN**

47. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sejauhmanakah tidak wujud percanggahan kepentingan berikutan dengan pengumuman Menteri Kewangan mengenai perlantikan Datuk Paduka Daim Zainuddin untuk mengetuai pasukan petugas khas menjadikan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisiran Antarabangsa (IOFC); dan
- (b) apakah penjelasan Kementerian terhadap kecurigaan orang ramai mengenai perlantikan itu memandangkan Datuk Paduka Daim Zainuddin ketika menjadi Menteri Kewangan bertanggungjawab merancang penubuhan IOFC di Labuan dan dilantik beliau mengetuainya.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Jawapan berkaitan dengan perkara ini telah pun dibuat pada 18 Jun 1991 iaitu semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang

Berhormat daripada Kepong. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapannya.

PENCEN—JUMLAH BAYARAN 1989-1992

48. Tuan Haji Buniyamin bin Yaacob minta Perdana Menteri menyatakan berapakah bayaran pencen yang telah dan yang akan perlu dibayar oleh Kerajaan kepada pesara-pesara kakilangan awam mengikut kategori Pesara Menetap Dalam Negeri dan Pesara Menetap di luar negeri bagi tahun 1989, 1990, 1991 dan 1992.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Jumlah pencen yang dibayar bagi pesara-pesara yang menetap di Malaysia adalah sebanyak \$854,341 juta bagi tahun 1989, dan sebanyak \$907.688 juta bagi tahun 1990. Untuk tahun 1991, pembayaran pencen adalah dianggarkan sebanyak \$944.702 juta, manakala bagi tahun 1992 adalah sebanyak \$1,101.496 juta.

Bagi pesara-pesara yang menetap di luar negeri, dalam tahun 1989, jumlah yang dibayar adalah sebanyak \$5.477 juta dan dalam tahun 1990 adalah sebanyak \$9.157 juta. Bagi tahun 1991, anggarannya adalah sebanyak \$10.988 juta, manakala bagi tahun 1992 jumlah yang perlu dibayar adalah dianggarkan sebanyak \$13.185 juta.

PENGERUSI YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH

49. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab Yayasan Dakwah Islamiah, sejak ditubuhkan awal tahun 70an dahulu tidak pernah ditadbirkan oleh pengerusi yang terdiri dari ulama sedang Malaysia mempunyai ramai ulama

lulusan dalam dan luar negeri. Adakah negara masih beranggapan bahawa lulusan agama masih belum mampu menandingi pentadbir-peniadbir yang dididik melalui sistem pendidikan barat.

Dato' Dr Haji Abdul Hamid bin Othman: Pengerusi Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia adalah sebenarnya Pengerusi Lembaga Amanah Yayasan tersebut. Tugas Lembaga Amanah antara lain mendapatkan wang untuk membiayai aktiviti-aktiviti dakwah dan pendidikan Islam. Pengerusi YADIM dilantik dari kalangan orang yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang pengurusan di samping mempunyai pengetahuan dalam bidang agama Islam.

PENJARA BARU DI KEPONG

50. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Dalam Negeri menyatakan perkembangan semasa projek membina penjara baru di Kepong. Mengapakah maklumat-maklumat mengenai perkembangan projek ini sukar diperolehi. Apakah masalah-masalah yang menghalang projek dilaksanakan mengikut jadual. Bagi projek sedemikian, adakah pemaju swasta diberi kontrak membinakannya. Bagaimana pula dengan pembangunan di persekitaran lapak penjara baru. Sudahkah Kementerian menetapkan jenis-jenis projek pembangunan yang akan dilaksanakan. Jika sudah, apakah jenis pembangunan yang dirancangan serta mengapakah projek-projek tersebut terpilih. Sudahkah Kementerian menyediakan senarai pembekal sistem keselamatan (security systems) untuk pertimbangan. Jika belum, mengapa. Bilakah perkara ini akan diuruskan. Bukankah Kementerian sudahpun mempunyai idea-idea mengenai ciri-ciri teknologi keselamatan yang akan diadakan dalam penjara baru.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
 Tapak tanah bagi projek pembinaan Penjara Kepong telah pun diluluskan oleh Jawatankuasa Tanah Wilayah Persekutuan. Sekarang ini Kementerian Dalam Negeri sedang membuat perediaan feasibility studies mengenai "soil survey" dan lain-lain ke aias lapak tersebut.

Projek ini akan diusahakan uniuik bermula dalam masa yang singkat.

Kemenlerian ini tidak merancang mengwujudkan apa-apa pembangunan di sekeliling kawasan tersebut kerana ia adalah di luar kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Mengenai dengan senarai pembekal dan lain-lain maklumat, tentang sistem keselamatan penjara tidak perlu Kementerian memberitahu sesiapa kerana ia adalah merupakan maklumat terperingkat termasuklah sistem tender mengikut aturcara kewangan negara.

Walaupun Kementerian mempunyai idea-idea apakah cara dan teknologi sistem keselamatan yang perlu diwujudkan dalam penjara yang baru ini, sistem itu tidak akan didedahkan kepada orang ramai kerana ia merupakan maklumat terperingkat keselamatan bagi penjara tersebut.

TAPAK HOSPITAL LAMA TELOK INTAN

51. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) mengapa tapak hospital lama Telok Intan sampai hari ini belum diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri Perak untuk dimajukan, walaupun hospital Telok Intan telah pindah ke tapak baru 6 tahun dahulu;

- (b) adakah Kementerian Kesihatan sedar bahawa rancangan untuk memajukan tapak ini tidak dimujakan selama ini kerana tapak tersebut belum diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri Perak; dan
- (c) bilakah Kementerian Kesihatan akan serah balik tapak tersebut kepada Kerajaan Negeri Perak untuk dimajukan oleh Kerajaan Negeri Perak atau Kerajaan Tempatan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Kementerian Kesihatan Malaysia pada 9-9-1987 telah melepaskan kegunaan kawasan tapak Hospital Daerah Lama Telok Intan seluas 18 ekar 2 rod 35 pol kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan selaku pemilik tanah. Kementerian Kesihatan Malaysia dari tarikh tersebut tidak lagi mempunyai kuasa ke atas tanah tapak berkenaan. Permohonan Kerajaan Negeri untuk memajukan tanah tersebut hendaklah dirujukkan kepada pihak berkuasa berkenaan.
- (b) Kementerian Kesihatan Malaysia sedar di atas peraturan berkenaan tetapi sepertimana telah dijelaskan, Kementerian Kesihatan Malaysia tidak lagi berkuasa ke atas tanah tersebut. Ia adalah di bawah bidangkuasa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.
- (c) Kementerian Kesihatan Malaysia leiah melepaskan tanah Hospital Daerah Lama Telok Intan pada 9-9-1987. Pada masa ini Kementerian Kesihatan Malaysia hanya bertanggungjawab ke atas penjagaannya (maintain) sehingga satu keputusan oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dicapai mengenai kegunaannya.

URUSAN BEKALAN AIR— KAJIAN SEMULA

52. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengapa Kerajaan-kerajaan negeri yang tidak bersetuju dengan rancangan pemusatan urusan bekalan air oleh Kerajaan Pusat perlu mengkaji semula pendirian masing-masing dan juga diminta mengemukakan satu cadangan balas yang dikatakan oleh Timbalan Menteri Kerja Raya pada 22-5-91 di Kuala Lumpur.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Saya mohon izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan daripada kawasan Kota Melaka pada 25-6-91, Yang Berhormat dari Parit Sulong pada 26-6-91, Yang Berhormat dari Pagoh pada 10-7-91 juga Yang Berhormat dari Kuala Kedah pada 12-7-91 dan Yang Berhormat dari Arau pada 15-7-91 sekaligus memandangkan soalan-soalan tersebut adalah berkaitan dengan perkara yang sama iaitu berkenaan dengan pengambilalihan fungsi bekalan air oleh Kerajaan Pusat.

Pada 22 Mei 1991 tersebut saya telah menasihatkan pihak Kerajaan Negeri-negeri tertentu yang kurang bersetuju atas cadangan pengambilalihan fungsi bekalan air oleh Kerajaan Pusat supaya bersabar menunggu pihak Kerajaan Pusat merundingkan perkara ini dengan mereka masing-masing secara rasmi. Ketika itu, pihak Kerajaan Pusat masih mengkaji cadangan pengambilalihan fungsi bekalan air ini. Reaksi pihak Kerajaan Negeri-negeri berkaitan adalah berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan di dalam akhbar-akhbar yang setengahnya adalah tidak tepat.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, baru-baru ini Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan pengambilalihan fungsi-fungsi bekalan air oleh Kerajaan Persekutuan daripada Kerajaan Negeri dan samping itu telah

memutuskan supaya cadangan ini dibentangkan di dalam persidangan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri yang akan datang. Nescaya, di dalam persidangan tersebut cadangan pengambilalihan ini akan dijelaskan dengan terperinci dan Ketua-ketua Kerajaan Negeri masing-masing berpeluang untuk menanya dan menyoalkan kesemua aspek pelaksanaannya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, cadangan untuk mengambilalih fungsi-fungsi bekalan air oleh Kerajaan Persekutuan adakah dihadkan kepada fungsi-fungsi perancangan, kawalan dan pembangunan sumber-sumber air sahaja. Tujuannya adalah untuk memastikan air yang mencukupi untuk kegunaan domestik dan industri bagi seluruh negara dalam tahun-tahun depan, memandangkan terdapat ketidakseimbangan terletaknya punca-punca air di antara negeri-negeri di Semenanjung. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, negeri-negeri kecil seperti Melaka dan Perlis berkurangan punca air dan perlu memastikan sumbernya daripada negeri jiran. Ini melibatkan "inter-basin" dan dengan itu "inter-state transfer" yang boleh diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan secara lebih berkesan dan ekonomik. Sekiranya Kerajaan-kerajaan Negeri bersetuju atas cadangan ini, ianya bermakna semua perbelanjaan atas pembinaan "source works" yang meliputi pembinaan empangan-empangan yang menelan belanja yang besar akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tidak payah membebaskan dirinya untuk mendapatkan pinjaman untuk maksud ini. Dalam cadangan pengambilan fungsi-fungsi air juga, aktiviti-aktiviti "down-stream" seperti pembinaan loji rawatan air dan pemasangan paip masih dijalankan oleh pihak berkuasa air di peringkat negeri. Ini bermakna Kerajaan Negeri masih dijalankan oleh pihak berkuasa air di peringkat negeri. Ini

bermakna Kerajaan Negeri masih boleh mengutip hasil daripada bayaran-bayaran pengguna-pengguna air.

Kementerian Kerja Raya buat setakat ini masih dalam menjalankan kajian secara terperinci dengan agensi-agensi dan Kementerian-kementerian berkenaan untuk sistem yang paling sesuai bagi Kerajaan Persekutuan mentadbirkan punca-punca air apabila diambilalih nanti, dan cadangan ini akan dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri. Setakat ini terlalu awal untuk menlafirkan reaksi Kerajaan Negeri secara rasmi oleh kerana pembentangan perkara ini ke Persidangan Menteri Besar dan pegawai peringkat negeri belum lagi dilakukan. Izinkan saya menegaskan di sini, bahawa pengambilan fungsi-fungsi terhadap sumber air oleh Kerajaan Persekutuan adalah satu usaha Kerajaan untuk memastikan bekalan air yang cukup bagi pembangunan industri negara ini menjelang tahun 2020 serta pengguna-pengguna domestik yang akan meningkat, dengan tujuan krisis kekurangan air yang telah berlaku di Melaka tidak berulang lagi dalam masa hadapan.

MEMODENKAN NELAYAN

53. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) setakat manakah kejayaan dicapai bagi memodenkan nelayan kita sebagaimana Menteri berkenaan sentiasa menyebut dalam ucapan-ucapannya.
- (b) berapakah pendapatan nelayan-nelayan dalam keadaan biasa dan adakah pendapatan mereka bertambah baik jika dibandingkan pada masa lalu.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:

- (a) Usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian Malaysia bagi memodenkan nelayan telah menunjukkan kejayaan. Di dalam bidang penangkapan ikan, kejayaan yang dicapai ialah mewujudkan nelayan-nelayan yang menerokai perikanan laut dalam di mana bilangan bot telah bertambah dari 200 buah dalam tahun 1986 kepada 498 buah bot pada tahun 1991. Kebanyakan bot-bot ini telah dilengkapi dengan peralatan moden seperti "sonar", "echo-sounder", "satellite navigator", "power block" komunikasi radio, radar, RSW (refrigerated sea water) dan sebagainya yang mampu membantu nelayan menerokai laut dalam. Nelayan-nelayan telah dapat mengusahakan bot yang lengkap dan moden dengan adanya kemudahan pinjaman yang disediakan oleh Bank Pertanian di bawah Skim Pinjaman Khas Pertanian, di mana kemudahan pinjaman untuk memiliki bot atau meningkatkan bot yang sedia ada. Sehingga akhir tahun 1990, seramai 314 orang nelayan telah mendapat pinjaman di bawah skim ini. Daripada jumlah tersebut seramai 44 orang adalah peminjam untuk bot laut dalam.

Di samping menyediakan kemudahan pinjaman, nelayan juga telah diberikan pendedahan, latihan dan kursus yang meliputi pengenalan kepada penggunaan teknologi moden, pengurusan, sertakeselamatan semasabekerja di atas bot.

- (b) Pendapatan nelayan secara amnya telah bertambah baik berbanding dengan masa-masa yang lalu kerana dengan menggunakan peralatan moden,

nelayan dapat menangkap ikan dengan lebih efisien seterusnya dapat meningkatkan kuantiti hasil tangkapan dan pendapatan. Secara puratanya kadar pendapatan nelayan sebulan adalah di dalam lingkungan berikut:

- (i) Pukat Tunda Laut Dalam:

Taikong	- \$1,500	- \$2,000
Awak-awak	- \$350	- \$700
- (ii) Pukat Jerot Laut Dalam:

Taikong	-\$1,500	-\$2,500
Awak-awak	- \$350	- \$650
- (iii) Nelayan Pantai- \$300 - \$600

ANGGOTA PARTI KOMUNIS MALAYA—KEBENARAN BALIK

54. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah anggota PKM yang memohon kebenaran untuk balik ke Malaysia setakat 31-5-91 dan dari jumlah itu, berapakah yang telah diluluskan dan berapa pula yang ditolak.
- (b) apakah syarat-syarat yang dikenakan ke atas mereka bagi membolehkan mereka balik ke negara ini dan apakah tindakan Kerajaan jika mereka gagal memenuhi syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Jumlah bekas ahli-ahli dan anggota-anggota Parti Komunis Malaysia yang memohon kebenaran untuk balik ke Malaysiasetakat31hbMei, 1991 adalah seramai 442 orang. Permohonan ini masih dalam proses.
- (b) Syarat-syarat yang dikenakan ke atas permohonan tncrcka adalah seperti berikut:
 - (i) Mereka dikehendaki membuat permohonan

untuk kembali dan menetap di negara ini.

- (ii) Setiap permohonan hendaklah dikemukakan sebelum Ihb Disember 1990.
- (iii) Setiap pemohon hendaklah menghadiri temuduga oleh Cawangan Khas dan mereka diisyaratkan menyediakan dokumen-dokumen latarbelakang pengenalan diri seperti Sijil Kerakyatan, Kad Pengenalan, Sijil Beranak dan lain-lain dokumen yang berkaitan. Sekiranya syarat tersebut tidak dipenuhi, permohonan mereka tidak akan dilayan.
- (iv) Setiap permohonan dikehendaki membuat pengakuan bahawa mereka tidak lagi menganggotai Parti Komunis Malaya (PKM).

(Soalan No. 55. Sila lihat jawapan No.6)

BANTUAN KEPADA GOLONGAN MISKIN

56. Tuan S.S. Subramaniam minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bantuan yang diberi kepada golongan miskin oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat amat rendah dan tidak mencukupi untuk membeli keperluan yang mustahak dalam rumah. Bilakah kenaikan elaun telah diberikan kepada golongan miskin ini dan berapakah kadar kenaikan tersebut; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan yang telah diberi kepada golongan-golongan miskin pada

tahun 1988, 1989 dan 1990 dan bilakah kenaikan dalam peruntukan ini akan berlaku; dan

- (c) adakah beliau memberikan kesedaran dan kepada kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang tidak begitu bersimpati dengan banyak golongan miskin yang masih berada di desa kita. Ada satu kumpulan miskin yang mempunyai seorang anak yang bekerja dengan pendapatan rendah dan dengan itu ibu bapanya dikira tidak layak menerima bantuan dari Kerajaan. Adakah ini satu langkah yang berpatutan. Bilakah Kerajaan akan mengkaji syarat-syarat seperti ini untuk membolehkan Kerajaan memainkan satu peranan yang lebih bersimpati kepada golongan-golongan yang paling miskin dalam Negara kita tanpa mengira kaum.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoo Seng):

- (a) Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sedar bahawa kadar bantuan yang dibayar pada masa ini adalah rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar yang digunakan pada masa ini telah ditetapkan pada tahun 1979. Tindakan untuk mengkaji semula kadar bantuan yang diberi oleh Kerajaan sedang dijalankan dan dijangka akan diputuskan dalam sedikit masa lagi.
- (b) Jumlah bantuan yang telah dibayar oleh Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:
- | | | |
|------------|---|--------------|
| Tahun 1988 | - | \$12.8 juta. |
| Tahun 1989 | - | \$13.2 juta. |
| Tahun 1990 | - | \$13.6 juta. |

Sebagaimana yang boleh diperhatikan, tiap-tiap tahun peruntukan bagi bantuan telah dinaikkan walaupun dengan jumlah yang kecil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenaikan peruntukan bagi bantuan adalah berdasarkan kepada keperluan serta keupayaan dan kedudukan kewangan Kerajaan.

- (c) Saya tidak bersetuju dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak begitu bersimpati dengan golongan yang termiskin. Saya dapati bahawa kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa peka terhadap masalah dan keperluan golongan termiskin.

Dalam hubungan ini, adalah sukar untuk saya menjawab tentang kes yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu oleh kerana tidak mencukupi maklumat. Kes itu akan dikaji oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, jika Ahli Yang Berhormat dapat mengemukakan maklumat yang lengkap.

BURSA SAHAM KUALA LUMPUR—URUSNIAGA SAHAM

57. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementerian telah membuat kajian atau tidak ke atas pengembangan ADR (American Depository Receipts) di kalangan syarikat tempatan, khususnya dari segi dasar:

- (a) menggalakkan urusniaga saham tempatan di Bursa Saham Kuala Lumpur sahaja;
- (b) kawalan hakmilik ekuiti asing dalam syarikat tempatan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Kementerian Kewangan tidak membuat apa-apa kajian yang khusus mengenai perkembangan instrument "American Depository Receipts (ADR)" di kalangan syarikat tempatan sama ada dalam konteks untuk menggalakkan urusniaga saham tempatan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) atau dari segi kawalan hakmilik ekuiti asing dalam syarikat tempatan.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ADR adalah merupakan satu instrumen pelaburan secara tidak langsung bagi pelabur-pelabur asing, yang dianjurkan oleh Bank-bank di Amerika Syarikat, melabur dalam syarikat-syarikat tempatan. Kesannya adalah serupa dengan pelaburan secara langsung yang dibuai oleh pelabur-pelabur asing dalam syarikat-syarikat tempatan. Dari segi amalan yang berjalansekarang, pelabur-pelabur asing (sama ada pelaburan secara langsung aiau tidak langsung), misalnya melalui ADR, adalah tidak dibenarkan menyertai di dalam, dengan izin, "primary market", iaitu melabur di dalam saham-saham baru yang ditawarkan atau dikeluarkan kepada orang ramai ketika pengapungan di BSKL dibuat. Ini adalah kerana, buat masa ini, permintaan pelabur-pelabur tempatan terhadap saham-saham tawaran awam pada peringkat pengapungan adalah sentiasa berlipat kali ganda melebihi tawaran. Walaubagaimanapun, pelabur-pelabur asing sama ada secara langsung atau tidak langsung adalah dibenarkan dan digalakkan menyertai di peringkat dengan izin "secondary market", iaitu pembelian saham-saham syarikat tempatan yang telah diapungkan dan disenaraikan di BSKL. Berdasarkan kepada fakta-fakta ini, Kementerian Kewangan berpendapat kajian khusus tidak perlu dibuat mengenai perkembangan ADR dalam syarikat-syarikat tempatan.

USUL

RANGKA RANCANGAN JANGKA PANJANG KEDUA 1991-2000 DAN DASAR PEMBANGUNAN BARU

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan aias masalah:

Bahawa Dewan ini,

menyedari kemajuan pesat yang telah dicapai dalam pembangunan sosio-ekonomi negara bagi tempoh dua puluh tahun yang lalu di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama, 1971-1990 dan Dasar Ekonomi Baru;

mengambil maklum dan merestui usaha-usaha Kerajaan yang berterusan dalam melaksanakan dasar-dasar, strategi-strategi dan program-program untuk mencapai matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama, menerusi Dasar Ekonomi Baru, bagi mencapai perpaduan negara serta mengekalkan pembangunan yang stabil dan berterusan di dalam persekitaran yang aman, stabil dan selamat;

melulus dan menyetujui Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991-2000 dan Dasar Pembangunan Baru, yang menetapkan matlamat pembangunan negara dan dasar-dasar yang akan diikuti di dalam usaha negara mencapai matlamat yang dirancangkan untuk dekad akan datang seperti yang ditetapkan di dalam Kertas Perintah Bil. 8 Tahun 1991;

Bahawa, dalam meluluskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Dasar Pembangunan Baru, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari berbagai lapisan masyarakat bekerja dengan lebih gigih dan bersedia menghadapi cabaran-cabaran sosio-ekonomi dan

politik masa depan selaras dengan semangat Rukunegara dan bersama-sama bersatu-padu dalam usaha yang berterusan untuk membangunkan sebuah negara yang adil, progresif dan berdayatahan. (*18hb Jun, 1991*)

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas, panjang lagikah? Bolehkah minta pendekkan sedikit kerana banyak lagi Ahli-ahli yang hendak berucap.

3.37ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Insya Allah Tuan Yang di-Pertua, tak panjang kalau tak ada gangguan. Kalau ada gangguan mungkin sampai besok, tetapi kalau tidak ada gangguan, 10 atau 15 minit mungkin boleh habis.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta habiskan dalam 10 minit ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Pendek sangat, Tuan yang di-Pertua, 10 minit itu pendek sangat. Saya akan cubalah sedaya-upaya supaya apa yang saya hendak kemukakan di sini dapat diketengahkan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui perbahasan RRJP 2 ataupun yang saya namakan semalam Dasar Pembangunan Kebangsaan, yang dicadangkan sebagai Dasar Pembangunan Kebangsaan, yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai masalah penahanan 8 orang pegawai perhutunan Kelantan oleh pihak berkuasa Thailand baru-baru ini.

Penahanan ini mengejutkan dan nama negara kita tercemar apabila ianya mendapat liputan sebahagian besar berita-berita dunia terutama di negeri Thailand sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa tidak ada sangkutan apa dengan perkara yang dibincangkan sekarang.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini bersangkut Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan masalah yang ada di hadapan kita mencakup dengan masa depan negara kita yang kita bincang dalam RRJP 2.

Tuan Yang di-Pertua: Itu jauh sangat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini sebagai peringatan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu jauh sangat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini dalam konteks ASEAN—kepentingan ASEAN Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak. Sekarang bukankah benda yang kita bincangkan ialah berkenaan dengan ekonomi?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini masalah ekonomi, bab kayu balak, Tuan Yang di-Pertua! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, Yang Berhormat, jikalau macam itu, kesemua boleh diucapkan sebagaimana hendak berucap di bawah Budget. Jadi saya rasa itu tak bersangkam.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Baiklah, Tuan Yang di-Pertua, saya terima nasihat Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana itu saya bawa dalam perbahasan Rancangan Malaysia Keenam. Macam mana, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Itu ter-pulanglah. Nantilah dahulu. Sekarang tak boleh.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merumuskan apa yang saya bangkitkan semalam. Yang pertama mengenai dengan teguran saya kepada Majlis Perdagangan Malaysia, ataupun Malaysian Business Council yang kita kira mempunyai peranan penting, tetapi kita harap Majlis Perdagangan Malaysia ini bukan sahaja menjadi tontonan, diberi dan diambil kesempatan oleh tokoh-tokoh korporat untuk meningkatkan imej mereka semata-mata apabila berdamping dengan pihak berkuasa, tetapi sudah sampai masanya tokoh-tokoh korporat ini, ataupun syarikat-syarikat swasta yang besar ini mengambil langkah dan menunjuk contoh yang ikhlas di mana saya mencadangkan supaya mereka ataupun pihak swasta menubuh Tabung Pembangunan Prasarana Swasta Luar Bandar sebagai langkah sumbangan mereka bagi memenuhi cita-cita Dasar Pembangunan Kebangsaan ini.

Bukan setakat kita lihat sumbangan pihak swasta dengah hanya memberi derma kepada kegiatan sosial dan sukan semata-mata, tetapi sekurang-kurangnya mengambil bahagian dalam membina prasarana diluar bandar, jalan-jalan kecil, madrasah ataupun seumpamanya.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya dalam proses penswastaan, rakyat diberi saham wajib iaitu di kalangan rakyat yang berpendapatan \$500 ke bawah apabila agensi ataupun badan-badan Kerajaan yang besar seperti TEN, Lembaga Keretapi Tanah Melayu, Jabatan Telekom dan Pos dan baru-baru ini Sistem Telekom Malaysia Berhad apabila ianya disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, rakyat berpendapatan \$500 ke bawah seharusnya diberi saham wajib sepertimana saham ASN—\$10 jadi \$100 kerana mereka mempunyai hak terhadap pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan selama ini yang bernilai beratus billion

ringgit. Manakala jika tidak dilakukan demikian, sudah barang tentu ada pihak yang mendapat nikmat daripada penswastaan ini melalui pembelian saham, yang mampu dan yang tidak mampu tidak akan berpeluang menikmati saham tersebut.

Saya juga ingin menekankan di sini kepada pengurus ataupun mereka yang bertanggungjawab dalam mengendalikankan ASN dan ASB. ASN dan ASB telah melabur dalam banyak syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur melalui pelabur-pelabur ASN ini. Bukan sahaja ianya sudah berjaya tetapi yang saya ingin bangkitkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai dengan peningkatan eksekutif bumiputera dalam syarikat-syarikat di mana ASN dan ASB melabur. Bukan sahaja dari segi dividen dan keuntungan yang kita harap tetapi juga kita harap melalui pelaburan yang dibuat, pihak ASN dan ASB yang menguasai syarikat-syarikat ini memastikan eksekutif bumiputera bertambah dari masa ke semasa dan mempunyai kedudukan yang penting dan kukuh dalam syarikat-syarikat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat, saya ingin mencadangkan golongan ataupun rakyat yang termiskin; yang dikenali atau ditakrifkan sebagai rakyat termiskin, sudah sampai masanya sesuai dengan masyarakat penyayang di mana Kerajaan mengenal pasti mereka ini dengan memberi kemudahan sebanyak \$200 sebulan di mana ianya saya kira tidak banyak untuk dipikul oleh Kerajaan dan cara untuk mengatasi masalah ini ialah dengan mengenakan cukai kepada rakyat Malaysia yang melancong ke luar negeri.

Yang kelima, saya ingin menarik perhatian mengenai dengan kebijakan polis dan tentera. Kebijakan polis dan tentera mempunyai peranan yang penting dalam melaksanakan visi Perdana Menteri dalam melaksanakan Dasar Pembangunan Kebangsaan yang

dimaksudkan ini, baik dari segi keamanan mahupun dari segi kestabilan politik. Tetapi kita sedar kedudukan gaji dan peluang naik pangkat, kebajikan mereka walaupun selama ini diberi perhatian tetapi sesuai dengan perkembangan sekarang, kedudukan polis dan tentera haruslah dipertimbangkan supaya gaji mereka disusun semula, peluang kenaikan pangkat dibuat dengan seluas mungkin dan kebajikan mereka dari segi tempat tinggal hendaklah dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Perkara yang keenam, Tuan Yang di-Periua, saya ingin menarik perhatian mengenai dengan konsep "universiti terbuka". Kerana pendidikan menjadi tulang belakang kepada pelaksanaan Dasar Pembangunan Kebangsaan ini dan juga Wawasan 2020 yang saya cadangkan semalam yang dikenali sebagai Wawasan Kebangsaan Malaysia, yang tidak menghadkan tempoh dan masanya. Kerana konsep universiti terbuka sekarang ini sudah berlaku berleluasa di negara kita ini dengan memberi peluang kepada semua rakyat untuk mendapat kemudahan belajar tetapi kita bimbang ianya nanti jika tidak dikawal dengan ketat boleh bertentangan dengan Dasar Pendidikan Negara. Kebimbangan ini telah pun dilahirkan oleh Ketua Satu GAPENA, Professor Ismail Hussein dalam Mesyuarat Agung GAPENA baru-baru ini. Kerana kebimbangan beliau perkembangan ini tidak dapat dikawal dan boleh mencetuskan pertembungan dari segi cita-cita nasional dan apa yang sedang dilakukan oleh kolej-kolej swasta yang sedang wujud di negara kita sekarang ini.

Yang ketujuh, penekanan kepada pembangunan luar bandar, iaitu penubuhan indusiri bukan sahaja tertumpu di Lembah Pantai dan juga di Johor semata-mata. Walaupun kita harap kawasan ini akan terus membangun tetapi negeri-negeri lain yang mundur harus diberi perhatian dengan

sewajarnya supaya perkembangan pembangunan industri akan wujud secara yang merata di seluruh negara kita ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah merumuskan apa yang saya sampaikan semalam dan melalui cadangan yang saya sebut sebentar tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di sini apabila kita merenung politik negara pada hari ini, meneliti perkembangan-perkembangan yang berlaku di bidang pembangunan, ekonomi dan sosial, tidak dapat dinantikan kita boleh berbangga dengan pencapaian-pencapaian yang ada. Meskipun masih banyak yang boleh dilakukan kita bersyukur kerana negara tercinta ini masih lagi memberi harapan yang indah kepada setiap rakyat untuk merealisasikan cita-cita masing-masing. Dan di dalam menuju cita-cita tersebut, di samping berbagai perkembangan yang sihat dan meyakinkan tadi, kemantapan politik negara yang kini ada haruslah dipertahankan.

Di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ternyata iklim politik negara sesudah pilihanraya umum 1990 sedang menuju ke arah yang menjanjikan Malaysia gemilang. Bagaimanapun, kegemilangan tersebut tidak mungkin bertahan lama jika unsur-unsur yang membawa kepada kestabilan diambil mudah dan ditenggelami dengan tindakan-tindakan seperti yang saya sampaikan dalam Dewan yang mulia ini semalam. Jika ada masanya di mana Malaysia dan rakyatnya dapat bergerak ke hadapan dengan keharmonian, kepimpinan politik dan kestabilan ekonomi; inilah masanya. Semoga untuk beberapa tahun yang akan datang keharmonian politik bukan sahaja dapat bertahan tetapi dapat terus memberi sumbangan kepada pembangunan bangsa dan negara tanpa diganggu-gugat oleh apa jua bentuk halangan.

Sebuah negara yang membangun seperti Malaysia bukan sekadar memerlukan hasil bumi, kepakaran, teknologi dan generasi yang gigih; lebih daripada itu Malaysia memerlukan pemimpin dan kepimpinan yang dapat melangsungkan cita-rasa rakyat dan negara selaras dengan cita rasa bangsa-bangsa yang maju di dunia ini.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menunjukkan kesetiaan yang unggul di dalam memikul amanah bersama kepimpinan negara. Dari sudut kepartian, beliau bukan sahaja telah menunjukkan satu contoh kesetiaan yang cemerlang, malah dalam memenuhi tanggungjawab sebagai pemimpin kedua terpenting, beliau ialah berjaya menjadi benteng ketahanan yang kukuh untuk memudahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjalankan tugas kepimpinan yang penuh vision tanpa sebarang rasa takut atau ragu-ragu terhadap tikaman dari belakang. Dengan ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan sahaja boleh meneruskan kepercayaan tersebut malah boleh terus mencetuskan idea dan kepimpinan yang lebih canggih sesuai dengan falsafah dan kreativiti kepimpinan beliau sendiri.

Tidak dapat dinafikan setelah beberapa lama masa terbuang untuk menghilangkan sisa-sisa pergeseran politik yang banyak membazirkan masa, tenaga dan wang ringgit; malah kekayaan negara, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kini dengan sokongan berterusan melalui mandat rakyat 1990 sedang melangkah ke fasa kedua kepimpinan beliau dalam membawa rakyat Malaysia menuju era kegemilangan negara ini.

Pengembelian tenaga semua pihak khususnya generasi muda negara haruslah menjadi titik-tolak yang mencetuskan realiti pada harapan dan

vision kepimpinan negara agar ianya akan terus tercatat dalam lipatan sejarah sebagai satu warisan anak bangsa, sebagai jejak-jejak meniti zaman yang ketahanan dan kecanggihannya tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas, tidak reput dek hujan. Sebaliknya vision dan harapan pemimpin itu akan terus membara sebagai satu kebangkitan generasi baru Malaysia dalam memperlengkapkan diri ke abad 21.

Ketika dunia sedang menuju perubahan-perubahan yang pesat melalui iklim politik yang berubah-ubah, ketika dunia barat dan timur mula bercantum; ketika Eropah Timur dan Eropah Barat cuba melenyapkan jurang pemisahan di bidang ideologi dan ekonomi, ketika Jepun, Korea, Jerman dan Perancis muncul sebagai juara negara maju; ketika computer, cellular phone, supersonic dan hi-tech menjadi petanda kecapaian kreativiti manusia, vision yang dilahirkan oleh kepimpinan Malaysia adalah satu kehadiran yang tepat pada masanya selaras dengan kehendak dan cita-rasa generasi baru bangsa Malaysia. Dan inilah takrif saya mengenai dengan Dasar Pembangunan Kebangsaan yang kita harapkan sebagai mewakili generasi muda bangsa Malaysia sekarang ini.

Kepimpinan Malaysia sejak dari awal kemerdekaan sehingga ke hari ini telah mampu seiring dengan peredaran masa di berbagai bidang. Semua ini hanya dapat tercapai melalui adunan dan tanggungjawab kepimpinan yang rasional dan praktikal. Oleh itu dalam merentasi hari-hari yang akan datang, marilah kita semua bertekad bersama membina Malaysia ke jalan yang lebih sejahtera dan gemilang. Sebab kata pepatah, Tuan Yang di-Pertua, "Biduk lalu kiambang bertaut".

Saya mohon menyokong usul ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Gua Musang.

3.48plg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah (Gua Musang): Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat kata-kata Allahyarham Tun Abdul Razak kepada saya sewaktu mula-mula hendak memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru dulu. Katanya "Pada tahun 1991 kelak, orang Melayu dan kaum bumiputera lain sudah boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum bukan bumiputera lain. Orang Melayu tidak lagi ditihat sebagai kaum yang lebih miskin berbanding dengan kaum bukan Melayu. Anak-anak orang Melayu tidak lagi dianggap ketinggalan dari segi pendidikan berbanding dengan anak-anak bukan Melayu. Orang Melayu bukan lagi dikenali sebagai kaum yang tinggal di kampung-kampung dan bekerja sebagai petani sahaja, Ketika itu di bandar-bandar besar kita akan lihat kaum Melayu dan bukan Melayu sudah hampir sama banyak. Orang-orang Melayu dalam bidang profesional juga sama banyak kalau dibandingkan dengan kaum bukan Melayu. Tidak ada lagi rasa cemburu antara satu kaum terhadap kaum lain kerana mereka sama-sama menikmati kemewahan dan kemakmuran negara berkat kejayaan Dasar Ekonomi Baru."

Itulah sedikit kata-kata hikmat daripada penganjur Melayu yang telah mengusulkan Dasar Ekonomi Baru tempoh hari. Dan tidak dinafikan sejak Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan kita telah sama-sama menyaksikan pertumbuhan ekonomi negara yang pesat, penyertaan orang Melayu dan bumiputera yang lain, yang lebih besar dalam pelbagai bidang ekonomi. Malah dari segi gunatenaga pun kita turut menyaksikan sudah ramai profesional dan teknokrat Melayu dalam pelbagai bidang yang dahulunya hanya mampu diceburi oleh mereka dari kaum lain. Ini adalah hakikat yang perlu kita akui dan semua orang akui baik kawan atau lawan,

penyokong Kerajaan ataupun pihak Pembangkang bahawa Dasar Ekonomi Baru yang diasaskan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak tadi telah berjaya menyediakan tapak yang kukuh kepada kemajuan negara kita.

Namun begitulah dalam keghairahankita menilai kejayaan Dasar Ekonomi Baru melahirkan lebih ramai usahawan Melayu dan teknokrat Melayu ladi kita juga perlu akui bahawa masalah kemiskinan masih lagi menjadi masalah yang besar. Malah perpaduan kaum yang menjadi matlamat utama Dasar Ekonomi Baru masih belum tercapai.

Setelah 20 tahun Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan ternyata apa yang menjadi harapan Allahyarham Tun untuk membasmikan kemiskinan belum tercapai sepenuhnya. Kemiskinan di kalangan orang Melayu masih ketara. Baru-baru ini di Kedah sendiri akhbar melaporkan 40 orang kanak-kanak tidak ke sekolah kerana ibu bapa mereka tidak mampu menanggung anak-anaknya. Apa yang berlaku di Kedah adalah sebahagian kecil daripada gambaran sebenar keadaan kemiskinan yang berlaku di kalangan penduduk desa, terutamanya orang Melayu yang bergantung kepada punca pendapatan tradisional seperti getah, padi dan mereka yang menangkap ikan.

Walaupun laporan yang diberikan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua ataupun (RRJP2) peratus kemiskinan telah turun daripada 49.3% dalam tahun 1970 kepada kira-kira 17% dalam tahun 1990, namun seperti yang kita ketahui angka ini tidak memberi gambaran sebenarnya kepada keadaan kemiskinan di seluruh negara. Di Kedah, Kelantan dan Terengganu kadar kemiskinan adalah jauh lebih tinggi daripada peratusan ini, iaitu antara 29% hingga 36%. Seterusnya di Sabah dan Sarawak kadarnya lebih tinggi daripada Semenanjung.

Lebih aneh lagi ialah dalam tempoh yang sama Terengganu naik daripada tempat keempat dalam senarai negeri-negeri yang mempunyai kadar kemiskinan tertinggi kepada tempat pertama. Ia aneh kerana dalam masa yang sama Terengganu juga adalah sebuah negeri yang mempunyai pendapatan per kapita antara yang tertinggi di Malaysia iaitu empat kali ganda pendapatan negeri Kelantan. Namun kadar kemiskinannya lebih tinggi daripada negeri Kelantan, Apa yang berlaku di Terengganu sebenarnya menjadi petunjuk yang jelas kepada apa yang boleh dan sering berlaku di seluruh negara. Kekayaan yang bertambah bagi sesebuah negeri tidak semestinya mendatangkan kemakmuran bagi keseluruhan rakyat negeri itu. Begitu juga dengan cara Kerajaan hari ini melahirkan jutawan-jutawan di akhir-akhir ini, ia juga tidak mencerminkan cara sebenarnya Kerajaan meningkatkan taraf hidup rakyat keseluruhannya. Sebab itulah kita melihat di celah-celah pembangunan gedung-gedung masih banyak rumah-rumah usang yang uzur menggambarkan betapa ramai lagi rakyat kita yang menderita. Kita mengakui bahawa banyak peruntukan telah dibuat untuk membasmi kemiskinan, tetapi ini tidak bermakna statistik kemiskinan yang dikurangkan itu benar-benar mencerminkan bahawa golongan lermiskin serta jurang perbezaan pendapatan antara yang terkaya dengan yang termiskin turut berkurangan. Apa yang kita saksikan melalui mata kepala kita walaupun di kalangan orang miskin ini meningkat pendapatannya, tetapi kenaikan kos hidup dan kejatuhan nilai wang kita menyebabkan kehidupan mereka lebih menderita daripada dahulu.

Sebab itulah kalau kita bandingkan kejayaan pengurangan kemiskinan peringkat awal pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, kadar kemiskinan dapat dikurangkan secara drastik. Menurut statistik yang dibekalkan oleh Kerajaan kadar kemiskinan turun daripada 49.3%

dalam tahun 1970 kepada 39.6% dalam tahun 1976, iaitu sebanyak 9.6%. Kadar kemiskinan ini turun lagi kepada 18.4% di tahun 1984 iaitu sebanyak 21.2% bagi tempoh tahun 1976 hingga tahun 1984. Malangnya daripada tahun 1984 hingga 1990 kadar kemiskinan negara kita hanya mampu diturunkan sebanyak 1.4% sahaja, kerana menurut angka kadar kemiskinan dalam buku Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua ini, kadar kemiskinan pada tahun 1990 masih di tahap 17%. Jadi, saya ingin ulangi, sejak tahun 1984 hingga tahun 1990, kadar kemiskinan kita hanya mampu diturunkan oleh Kerajaan hari ini hanya sebanyak 1.4%. Satu pengurangan yang amat lembab kalau dibandingkan dengan zaman sebelum ini.

DEB diilham dan dicipta atas cita-cita murni untuk membina sebuah negara Malaysia yang maju atas landasan masyarakat berbilang kaum yang saling berpadu dan mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah. Perpaduan ini lidak mungkin tercapai kalau ia dibina atas asas yang tidak kukuh. Yakni kedudukan sosio-ekonomi antara kaum-kaum negara ini tidak sama rata, iaitu ramai Melayu dan bumiputera yang lain miskin, tinggal di kampung bekerja sebagai pesawah, nelayan atau penoreh getah, sedangkan kaum bukan bumiputera lebih ramai yang maju, tinggal di bandar menjadi peniaga, usahawan dan profesional.

Sebab itu, mahu tak mahu, satu dasar diperkenalkan untuk mempertingkatkan kemampuan dan taraf hidup orang Melayu dan bumiputera yang lain. Data-data yang dikeluarkan oleh Kerajaan membuktikannya antara 1970 hingga 1983, peningkatan pemilikan saham orang Melayu dan bumiputera yang lain telah meningkat sebanyak 15.5% iaitu daripada 2.5% di tahun 1970 kepada kira-kira 18% di tahun 1983. Tetapi malangnya kepesatan peningkatan itu terencat dan menjadi begitu lembab sekali di bawah kepimpinan hari ini. Daripada tahun 1983 hingga 1990

pemilikan saham bumiputera hanya meningkat daripada 18% kepada 20.3% sahaja, iaitu hanya 2.3% sahaja. Kalau Almarhum Tunku yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah diperingkat awal negara merdeka seperti zaman darurat, konfrontasi dan bergantung hanya kepada hasil dari getah dan bijih timah, mampu mewujudkan 2.5% pemilikan saham Melayu dan bumiputera yang lain, tetapi di zaman sekarang yang serba aman dan lebih stabil, mampu hanya memberi peningkatan sebanyak 2.3% sahaja. Bukankah ini membuktikan kegagalan pemerintah menjayakan cita-cita asal Dasar Ekonomi Baru tadi?

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Malah saya merasa bertambah gelisah apabila membandingkan statistik dalam Laporan Rancangan Separuh Penggal Malaysia Kelima dan RRJP2 ini, di mana daripada tahun 1988 hingga 1990, pertambahan pemilikan modal saham bumiputera hanya sebanyak 0.9% sahaja, iaitu daripada 19.4% kepada 20.3%, kurang dari satu peratus, sedangkan pertambahan pemilikan modal saham kaum Cina meningkat dengan mendadak dalam masa dua tahun terakhir ini sebanyak 12.3% iaitu daripada 32.6% di tahun 1988 kepada 44.9% di tahun 1990.

Kita harus memikirkan betapa matlamat asal DEB untuk perpaduan negara selama-lainnya akan gagal kerana kelemahan kita ini. Tempoh masa 20 tahun lalu cukup untuk kita melihat pengorbanan daripada pelbagai pihak bagi mencapai keseimbangan sosio-ekonomi di kalangan kaum-kaum di negara kita ini.

Di kalangan bumiputera, peruntukan kuota sepatutnya membantu mereka yang kurang bernasib baik mencapai kemajuan yang setinggi-tingginya tetapi mereka masih juga tidak ke mana-mana. Sebaliknya yang terus mengambil

kesempatan dari dasar ini ialah sebilangan kecil bumiputera yang mempunyai hubungan tertentu dengan mereka yang berkuasa. Hidup mereka inilah sebenarnya yang paling lumayan, bukannya petani, nelayan dan penoreh getah di kampung. Kemiskinan dan kesusahan orang Melayu ini diambil kesempatan oleh golongan tertentu, dan ini menambahkan lagi ketegangan kaum di negara ini. Keadaan mereka yang susah ini sebenarnya menyebabkan mereka percaya kepada apa sahaja yang dilaungkan oleh golongan-golongan tertentu.

Saya tidak tahu apakah impian sebenar mereka merancang Dasar Pembangunan Baru ini. Apakah ianya dibuat semata-mata kerana terpaksa membuatnya oleh kerana tempoh dasar terdahulu telah tamat? Ataupun sebenarnya bertujuan untuk memberikan kebaikan kepada rakyat negara ini?

Semua orang boleh berkata yang ianya untuk kebaikan rakyat, tetapi kalau ianya untuk kebaikan seluruh rakyat negara ini kenapa sewaktu berpeluang untuk melaksanakan dasar terdahulu yang juga bertujuan untuk kebaikan rakyat kita gagal melaksanakannya? Malah yang lebih menghairankan dokumen ini pula cuba menumpang populariti dasar terdahulu dengan mengatakan Dasar Pembangunan Baru ini adalah penerusan Dasar Ekonomi Baru.

Kita ingin bertanya kalau benar Dasar Ekonomi Baru itu baik, kenapa tidak diteruskan Dasar Ekonomi Baru itu sahaja? Kenapa dibuat dasar baru yang sebenarnya bukan Dasar Ekonomi Baru? Kalau benar ianya penerusan Dasar Ekonomi Baru kenapa ciri-ciri penting Dasar Ekonomi Baru ditinggalkan? Misalnya, Dasar Ekonomi Baru dengan jelas menyebutkan kuota 30: 40: 30 sebagai salah satu daripada matlamat pencapaian. Dasar Pembangunan Baru langsung tidak menyebutkan soal itu.

Bukan itu sahaja, Dasar Ekonomi Baru telah berusaha untuk mencerminkan nilai-nilai nasionalisme Malaysia yang lebih kukuh sebagai asas pembangunan negara. Ianya menyebut dengan jelas impian negara agar orang Melayu dan bumiputera yang lain seimbang dengan kaum bukan bumiputera dan juga pemodal asing dari segi pemilikan saham modal di negara ini. Sebagai negara yang merdeka, kita tidak mahu kemerdekaan itu hanya disebut pada namanya sahaja tetapi pada hakikatnya, dari segi kekayaan negara, ia dimiliki oleh pemodal asing dengan sewenang-wenangnya. Dasar ini tidak lagi menyentuh tentang soal ini. Kini di bawah dasar liberal Kerajaan mengenai modal asing, setiap pemodal asing tidak lagi disyaratkan mengimbangkan pemilikan modal mereka dengan modal tempatan. Seterusnya mengenai peluang pekerjaan, pengurusan dan sebagainya. Nampaknya mereka bebas untuk menentukan segala-galanya.

Saya tidak menafikan bahawa dasar liberal ini boleh menarik banyak pelabur asing, apatah lagi akibat dari kejatuhan nilai wang kita segala-galanya kelihatan murah dan menarik di kaca mata mereka. Kita diberitahu sejak dua tahun lalu kira-kira \$50 ribu juta modal asing telah masuk ke dalam negara kita. Ini bermakna komponen tempatan semakin berkurangan dari segi peratusannya. Malah dasar Kerajaan hari ini yang memberi jaminan yang pemilikan ini tidak akan disusun semula buat selamatamannya adalah merisaukan kita. Ini bermakna orang Melayu ataupun rakyat Malaysia yang lain tidak dapat memiliki ekuiti dalam syarikat-syarikat yang baru kerana pemodal asing sekarang dibolehkan memilikinya 100%. Ini juga bermakna orang Melayu tidak lagi dapat mengumpulkan asas kewangan mereka seperti mana di peringkat awal pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dahulu.

Pada saya dasar ini sama sekali tidak mencerminkan penerusan Dasar Ekonomi Baru sebagaimana yang disebut-sebut. Sebaliknya ia terus memperkecilkan niat Dasar Ekonomi Baru yang cuba mengimbangkan pemilikan asing dan tempatan. Saya bimbang tanpa kawalan dan panduan yang jelas mengenai dasar kemasukan pelabur asing, lambat laun negara kita, rakyat kita dan nasib pekerja kita tidak banyak bezanya dengan nasib mereka di zaman penjajah dahulu. Cuma penjajahan kali ini lebih sophisticated dan berselindung di sebalik kemajuan kebendaan yang kita nampak.

Sebab itulah kita tidak hairan kalau dasar Kerajaan sekarang mengenai kaum pekerja sentiasa dikritik. Undang-undang Buruh semakin tidak mencerminkan unsur-unsur demokrasi, malahan ianya bercanggah dengan konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), piagam bagi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan lebih-lebih lagi Perkara 10 Perlembagaan negara.

Apa yang berlaku pada kaum pekerja akan bertambah parah kerana dasar pengambilan buruh asing kita yang juga amat liberal. Pemodal bukan sahaja dibenarkan memiliki dan menentukan urusan mereka sekehendak hati, mereka juga bebas mengambil buruh-buruh asing yang lebih murah. Kini hampir 1.5 juta buruh asing berada di negara kita. Jumlah ini akan meningkat. Oleh kerana tenaga mereka lebih murah, maka buruh tempatan juga terpaksa menurunkan nilai diri mereka untuk bertanding dengan buruh asing tadi. Akibatnya pemodal asing terus mengecapi nikmat keuntungan besar, tetapi nasib rakyat kita tidak ke mana-mana. Sebenarnya, demi kebaikan rakyat, buruh asing tidak diperlukan di saat negara kita masih menanggung beban pengangguran yang masih tinggi iaitu kira-kira 6% mengikut kenyataan rasmi Kerajaan, mengikut angka yang ada kepada saya kira-kira 7%.

Sektor pertanian masih merupakan sektor ekonomi yang penting di negara kita. Tetapi sektor ini tidak akan mencapai kemajuan yang kita kehendaki kalau tidak ada dasar pembangunan yang lebih dinamik. Dalam hubungan ini, saya berpendapat bahawa reformasi pertanian ataupun, dengan izin, agricultural reform, termasuklah reformasi tanah perlu diadakan di negara ini. Di antara masalah utama yang dihadapi oleh petani kita hari ini ialah soal tanah, soal kelaparan tanah, soal hakmilik tanah yang tidak terjamin, soal tanah terbiar, soal produktiviti rendah, soal harga barang-barang keluaran tani rendah, soal upah rendah di ladang besar dan soal beban hutang kaum petani.

Ini seharusnya mendapat perhatian yang sewajarnya dalam sebarang rancangan reformasi pertanian dan reformasi tanah. Tidak kurang pentingnya juga ialah usaha untuk memodenkan sektor pertanian termasuklah unsur-unsur mekanisasi. Selagi sektor pertanian tidak dimodenkan dan dimekanisasi, maka selama itulah kaum tani kita terus mundur dan menderita. Dan selama itulah juga segala masalah rakyat luar bandar yang kita hadapi hari ini tidak mungkin dapat diselesaikan.

Dengan melakukan proses modenisasi dan mekanisasi kita akan dapat menambahkan produktiviti pertanian. Pendapatan kaum tani akan bertambah. Bahkan tenaga petani pun boleh dikurangkan. Dan tenaga buruh asing yang sanggup menerima upah yang rendah pun tidak lagi diperlukan. Oleh kerana tenaga petani dapat dikurangkan dengan proses modenisasi dan mekanisasi, maka anak-anak muda di kampung akan sanggup bekerja di sektor pertanian apabila diberi upah yang tinggi setanding dengan upah-upah yang dibuat di kawasan-kawasan bandar atau mendapat pendapatan yang lebih tinggi. Tenaga selebihnya akan berpindah ke sektor-sektor kegiatan ekonomi yang

baru. Kalau sektor perindustrian dan perkilangan diperluaskan bukan sahaja di bandar-bandar tetapi juga di kawasan luar bandar maka ia akan dapat menampung tenaga kerja lebihan yang meninggalkan sektor pertanian di kampung. Ini adalah satu dari berbagai cara yang kita boleh lakukan untuk meninggalkan taraf hidup rakyat luar bandar.

Di bidang pendidikan pula, apakah yang akan terjadi kepada masa depan anak cucu kita yang keluarganya datang dari kampung dan dari keluarga yang miskin. Jangan kala ingin bertanding di kolej-kolej swasta yang akan menyediakan kemudahan yang lebih lengkap tetapi bayarannya tinggi, mahu masuk universiti Kerajaan pun semakin susah akibat kenaikan kos pengajian. Kalau dapat masuk universiti pun belum tentu majoriti mereka lebih terlatih dan lebih mahir berbanding dengan mereka yang lulus daripada kolej-kolej swasta tadi. Maklum sahajalah tidak ramai pensyarah terbaik kita tahan bekerja di universiti Kerajaan kerana gaji mereka yang rendah yang tidak pernah diubahsuai skimnya sejak berbelas tahun yang lalu. Akibatnya, dalam jangkapanjang, keluaran universiti Kerajaan kita yang kebanyakannya datang dari kampung, dan majoritinya orang Melayu akan terus ketinggalan dalam semua segi.

Keadaan ini menjadi lebih parah dengan dasar bahasa kita yang tidak konsisten. Dahulunya rakyat disuruh belajar di sekolah aliran Melayu dan mereka dijanjikan yang bahasa Melayu akan menjadi bahasa yang mampu bersaing dengan bahasa-bahasa lain di dunia. Hari ini mereka diberitahu pula yang bahasa Melayu tidak mencukupi kerana bahasa Inggeris diperlukan sebagai bahasa komersial. Saya tidak menafikan faedahnya bahasa Inggeris, tetapi apakah akan jadi kepada rakyat yang sudah memilih jurusan bahasa Melayu di dalam sistem pendidikan

negara kita? Kesemua mereka ini tidak berpeluang mendapat pendedahan mempelajari bahasa Inggeris, kerana kurangnya tenaga pengajar dan ketiadaan kelengkapan pembelajaran. Maka rakyatlah, terutamanya orang Melayu, yang akan menjadi mangsa kepada cara pemerintahan kita mengendalikan soal ini. Akibatnya orang Melayu, yang dinamakan Bumiputera di bawah DPB ini, akan terus ketinggalan di belakang kaum lain yang berpeluang menguasai pelbagai bahasa.

Saya tidak nampak pengenalan dasar ini memberi apa-apa makna pada masa depan rakyat kita, terutamanya orang Melayu, sebagaimana kita meragui kemampuan Kerajaan tidak akan mengulangi kegagalan mereka melaksanakan Oasar Ekonomi Baru dulu. Kita terus meragui kemampuan pemerintah melaksanakan Dasar Pembangunan Baru ini dengan lebih berkesan lagi.

Saya berpendapat bahawa Dasar Pembangunan Baru ini tidak akan memuaskan rakyat terutamanya orang Melayu dan ia tidak akan berjaya selagi keseimbangan ekonomi tidak dapat dicapai baik dari segi antara kaum ataupun antara Wilayah. Ia akan menjadi lebih sulit apabila bahasa Melayu hilang nilai ekonominya menyebabkan peluang pekerjaan bagi anak-anak Melayu juga akan berlambak buruk di masa akan datang apabila dengan Dasar Pembangunan Baru, bahasa Inggeris akan dititikberatkan sebagai bahasa perdagangan dan bahasa komunikasi antarabangsa.

Nampaknya dasar Kerajaan tidak mempunyai 'consistency' dengan izin, apabila banyak pengubahsuaian dilakukan secara *ad hoc*. Bagi saya Dasar Pembangunan Baru ini lebih menitikberatkan pertumbuhan ekonomi. Kita nampak bahawa Kerajaan sanggup berkompromi dengan pihak pemodal terutama sekali pemodal asing, semata-

mata kerana mahu melihat negara kita mencapai pertumbuhan yang lebih pesat dengan harapan ianya akan meningkatkan kedudukan ekonomi negara kita ke taraf negara perindustrian. Oleh itu, tidak hairanlah kalau kepentingan rakyat kita, terutamanya orang Melayu dan bumiputera yang lain tidak lagi akan mendapat layanan istimewa seperti di bawah Dasar Ekonomi Baru dulu sebab golongan mereka ini diberi priority yang rendah dalam percaturan Dasar Pembangunan Baru. Ini dilakukan kerana Kerajaan hari ini lebih memenlingkan pertumbuhan ekonomi daripada segala-galanya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun keadaan ekonomi kita telah pulih, nilai ringgit kita terus merosot dan harga barang-barang keperluan sedang meningkat. Rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa masih berleluasa. Selagi unsur yang tidak diinginkan ini masih bermaharajalela, selama itu cita-cita Dasar Pembangunan tidak mungkin tercapai sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita senantiasa akan memainkan peranan yang positif sebagai warganegara yang bertanggungjawab. Kita akan memberi kerjasama di dalam sebarang rancangan yang dikira akan membawa manfaat serta kesejahteraan kepada seluruh rakyat. Adalah diharapkan supaya Kerajaan akan melaksanakan dasar pembangunannya dengan adil dan saksama mengambil kira perasaan dan hasrat rakyat kita yang berbilang kaum. Kita berdoa supaya tindakan-tindakan kita bersama akhirnya akan mendorong rakyat kita untuk bersatu. Itulah harapan dan cita-cita kita semua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Marang.

4.16 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Wassalamu- 'ala-man-ittaba'a al-huda. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengemukakan pandangan terhadap Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerana ia sangat penting bukan sahaja untuk kita tetapi juga untuk generasi yang akan datang. Sebarang kejayaannya adalah kejayaan untuk kita semua dan sebarang kegagalannya menimpa kita semua tanpa mengira penyokong Kerajaan ataupun pembangkang.

Kalau kita melihat kepada perkara-perkara yang dijadikan teras kepada pembangunan dekad 90an, ia adalah memberi penekanan yang tidak nyata sama ada pada dasar dan prinsipnya seperti juga Dasar Ekonomi Baru yang menjadi tajuk di masa lalu. Oleh itu saya bimbang jika perkara-perkara negatif di masa lampau akan berulang dan menjadi slogan yang tidak banyak berpijak di alam nyata, realiti dan situasi yang sebenarnya di mana penekanan kepada aspek materialistik hanya akan mengulangi kegagalan ideologi-ideologi ciptaan manusia yang pesat berlaku di seluruh pelusuk dunia. Keadilan tidak berlaku sepenuhnya. Slogan membasmi kemiskinan hanyalah 'indah cakap dari bikin'.

Nilai harga diri manusia sama sahaja seperti benda-benda yang diperintah dan ditadbir oleh manusia. Peranan Islam sebagai *ad-din* yang merangkumi cara hidup manusia tidak diberi peranan yang sepatutnya dan masih takut-takut walaupun untuk mencubanya yang menunjukkan seolah-olah tidak yakin kepada peraturan Allah, Tuhan semesta alam termasuk manusia dan segala bahan-bahan yang dimanfaatkan untuk manusia menurut batas-batas yang ditentukan oleh Allah Yang Maha Mengetahui.

Tuan Yang di-Pertua, dasar negara termasuk yang diluahkan oleh RRJP 2 ini tidak mengambil kira ajaran-ajaran

Islam secara menyeluruh, di amarnya peranan khilafah yang ditafsirkan dengan *itqamatad-din-wasiaridsatud-dunya*. Menegakkan agama dan mentadbir dunia dengannya, yakni dengan agama. Peranan Islam dalam RRJP 2 terlalu kecil dan tidak menyeluruh. Kita yakin akan berlaku amaran Allah kepada Bani Israel, yang bermaksud: "Adakah kamu beriman dengan sebahagian daripada kiab dan kamu kufur dan engkar dengan sebahagian yang lain, maka tiada balasan kepada mereka yang melakukan demikian melainkan kerugian hidup di dunia dan di akhirat nanti dicampakkan ke dalam azab yang pedih". Islam tidak menentang pembangunan kebendaan asalkan ianya bermanfaat dan di aias prinsip keadilan untuk semua lapisan penduduk negara tanpa mengira kaum dan agama, bermula daripada pemimpin sehinggalah setiap rakyat, bukan untuk kalangan-kalangan tertentu sahaja.

Aktiviti ekonomi adalah sebahagian dari tugas yang harus dipikul oleh Kerajaan. Ekonomi bukannya penentuan bagi dasar sesebuah Kerajaan tetapi Kerajaanlah yang menentukan dasar dan corak ekonomi yang perlu wujud di dalam negara itu. Kekuatan ekonomi dan pengagihan kekayaan secara adil, jaminan keadilan kepada rakyat dan seumpamanya adalah tertakluk kepada dasar dan konsep pemerintahan yang didukung oleh Kerajaan itu sendiri. Kestabilan sesebuah Kerajaan dan juga kekuasaannya hendaklah dijadikan sebagai kuasa penentu dalam menjamin kekuatan ekonomi negara bukan kekuatan ekonomi sebagai alat untuk mengukuhkan sesuatu Kerajaan. Jika kekuatan ekonomi dijadikan alasan untuk memantapkan sesuatu Kerajaan, maka sudah pasti akan berlaku penyelewengan dan diskriminasi dalam perancangan ekonomi, Ini adalah disebabkan oleh pihak yang menerajui Kerajaan akan mengutamakan perancangan ekonomi yang diyakini

dapat menolong mereka terus berkuasa sekalipun perancangan tadi akan menjejaskan kepentingan berbagai peringkat rakyat dan kaum.

Pengalaman kita dengan apa yang berlaku di bawah Rancangan DEB sudah cukup untuk membuktikan kesahihan teori di atas. Untuk menjamin RRJP2 benar-benar dipercayai, ianya mestilah dilihat kepada tiga perkara penting. Yang pertama, dasar yang betul. Yang kedua, pelaksana yang beramanah, bertanggungjawab dan berilmu. Yang ketiga, sumber yang digunakan dengan betul.

Dasar yang betul maka aktiviti yang dilakukan itu mestilah selaras dengan nilai-nilai agama dan moral. Ianya tidaklah bergantung dengan unsur-unsur materialistik semata-mata maka unsur-unsur haram yang meruntuhkan akhlak seperti riba, judi hendaklah dihapuskan. Kerajaan hendaklah mempertingkatkan usahanya bagi menubuhkan seberapa banyak badan institusi kewangan yang tidak mengamalkan sistem riba, sebagai alternatif kepada sistem yang ada kerana ia melahirkan penindasan yang tidak mewujudkan timbang rasa dan kasih sayang di antara satu sama lain.

Projek-projek mewah yang berbentuk pembaziran hendaklah dihapuskan. Kawalan perlu dikenakan ke atas penggunaan dan penerokaan hasil bumi negara supaya tidak berlaku tindakan boros dalam usaha mencari kemewahan secepat mungkin. Amalan diskriminasi juga hendaklah dihentikan. Perkara pelaksana yang bertanggungjawab itu terdiri dari dua pihak yang memainkan peranan yang penting bagi menjayakan rancangan jangka panjang itu, iaitu pemimpin dan rakyat. Untuk menjamin kelancaran ekonomi negara tidak terjejas, serla perlindungan kepentingan yang saksama di kalangan para usahawan di dalam negara, maka para pemimpin seharusnya menjauhkan diri

dari mengambil kesempatan untuk diri, keluarga dan orang-orang di kelilingnya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Mereka jangan menjadi opportunist dengan kebaikannya sebagai pemimpin dengan mengambil kesempatan dari kebaikannya secara langsung atau tidak langsung.

Kiranya pemimpin ini sudahpun dibayar gaji dan diberi keistimewaan dengan kedudukannya supaya menjalankan tugas asasnya menjaga dan memelihara kepentingan rakyat tiba-tiba terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam bidang perniagaan, maka konflik kepentingan sudah pasti akan timbul. Dalam keadaan begini, keadilan sudah pasti akan sukar dicapai maka kilang-kilang yang mudah terbakar seperti kilang mercun yang meragut korban yang ramai boleh diluluskan pembinaannya walaupun tidak dapat memenuhi syarat-syarat keselamatan yang sepatutnya. Pemimpin hendaklah sedar bahawa memelihara dan melaksanakan keadilan ke atas rakyat adalah tugas pokok yang begitu penting. Keadilan undang-undang, masyarakat dan ekonomi adalah asas penting bagi mewujudkan sebuah negara yang makmur, aman dan damai. Keadilan hendaklah dilaksanakan tanpa sebarang perbezaan dan pilih kasih sekalipun ianya terkena ke atas pemimpin atau keluarganya sendiri. Keadilan dalam apa bentuk sekalipun hendaklah diberi kepada setiap mereka yang berhak sekalipun mereka adalah musuh kepada pemimpin. Pemimpin juga tidak hipokrit. Segala yang dilakukan mestilah dengan ikhlas di atas tanggungjawab bukan kerana untuk memancing undi bagi menjamin kemenangan pilihanraya dan mengukuhkan kerusinya semata-mata di musim pilihanraya atau dalam masa pilihanraya kecil. Selalunya projek-projek kilat yang tergesa-gesa diluluskan atau dijanjikan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjamin keadilan yang sebenarnya, saya mencadangkan supaya satu suruhanjaya bebas, seperti yang dicadangkan oleh Ketua Pembangkang, yang bertanggungjawab terus kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Parlimen hendaklah ditubuhkan di mana suruhanjaya ini telah dinyatakan oleh ulamak-ulamak Islam di dalam kitab-kitab Feqah. Mereka menamakannya dengan Suruhanjaya Al-Hisraq.

Suruhanjaya ini hendaklah badan bebas yang ahlinya mewakili berbagai lapisan masyarakat yang berwibawa yang diberi bidang kuasa yang pertama, bertanggungjawab mengawasi perjalanan pentadbiran Kerajaan agar ianya bebas dari penyalahgunaan kuasa, penindasan pihak berkuasa ke atas rakyat, penyelewengan yang jelas menggugat hak rakyat. Yang kedua, mempunyai kuasa mendengar pengaduan rakyat dan membuat laporan untuk dikemukakan kepada Parlimen dan seterusnya mengemukakan laporan-laporan tertentu kepada Peguam Negara untuk tindakan undang-undang.

Kita hendaklah melaksanakan perkara-perkara yang seperti ini kerana ia bukan sahaja menjadi hasrat untuk menegaskan keadilan tetapi juga menjadi suatu perkara yang dituntut oleh Islam. Tidak seharusnya kita mengamalkan Islam yang dikira dapat menguntungkan kita dari segi kebendaannya dan kita menolak perkara yang dianggap menyekat peluang-peluang yang tidak betul.

Oleh kerana, seterusnya saya ingin menyebut, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pegawai Kerajaan adalah penggerak utama kepada perancangan dan pelaksanaan pembangunan maka layanan setimpal kepada mereka hendaklah diberi lebih baik daripada layanan yang diberi oleh sektor swasta kepada kakitangannya atau sekurang-

kurangnya bersamaan. Oleh itu, maka langkah hendaklah diambil untuk mengkaji semula dan memperbaiki tentang gaji dan layanan perkhidmatan dan kebajikan pegawai-pegawai Kerajaan bagi semua kategori supaya setimpal dengan khidmai yang mereka curahkan.

Yang kedua, mengembalikan status dan wibawa pegawai dan kakitangan Kerajaan di kalangan masyarakat supaya ia dipercayai oleh masyarakat. Maka ia jangan di antaranya seperti menggunakannya untuk kepentingan-kepentingan politik.

Yang ketiga, memberi kemudahan pinjaman membeli rumah dan kenderaan tanpa faedah. Pada penglibatan rakyat pula, di antaranya ialah para usahawan tempatan ketika Kerajaan menerima pelabur-pelabur asing maka dalam keghairahan menjemput dan menerima mereka maka para usahawan tempatan janganlah pula dianakiihkan sehingga Kerajaan menjadi pelindung kepada pelabur asing sehingga para usahawan tempatan tersepit di antara dua gergasi iaitu usahawan-usahawan asing yang meraih keuntungan dari kekayaan negara tanpa memberi perhatian kepada pemindahan teknologi dan yang keduanya, gergasi politik yang menggunakan usahawan kita untuk kepentingan mereka di samping memberi perlindungan kepada usahawan asing akibatnya usahawan tempatan tidak mampu bersaing dengan usahawan asing maka ekonomi negara ini dijajah di bawah pengaruh kekuasaan pihak dari luar. Akhirnya usahawan tempatan menjadi usahawan jadian atau boneka yang lebih hebat daripada "Alibaba", akan menjadi usahawan jadian ataupun boneka kepada usahawan asing.

Oleh itu, penyelesaian ialah pihak Kerajaan mestilah memberi keutamaan kepada usahawan tempatan supaya tidak memainkan peranan pembangunan ekonomi negara dan masyarakat, di

samping perlu diatur strategi baru bagi meramaikan dan meningkatkan keupayaan para usahawan tempatan dalam melibatkan diri dengan aktiviti pembangunan ekonomi negara dan membimbing mereka dalam melibatkan diri dalam sektor pelaburan dalam dan luar negeri.

Di sana terdapat rakyat yang berpendapatan rendah, Islam membahagikan mereka kepada dua golongan, iaitu golongan fakir dan golongan miskin. Fakir ialah mereka yang berada di bawah paras kemiskinan manakala golongan miskin ialah mereka yang berada di paras kemiskinan dan agak bernasib baik daripada golongan fakir. Menurut ajaran Islam, keutamaan bantuan dan pertolongan hendaklah diberi kepada kedua-dua golongan ini. Walau bagaimana sekalipun tahap kemajuan dicapai, golongan ini tidak tergambar dapat dihapuskan kerana akan tetap berlaku di dalam masyarakat orang-orang yang kaya boleh menjadi miskin dan boleh menjadi muflis dan menunggu untuk diisytiharkan muflis dan ada orang-orang yang miskin boleh menjadi kaya kerana ada faktor-faktor tabii yang tidak boleh dielakkan, Walaupun ketika Kerajaan menonjolkan Wawasan 2020 menuju ke arah menjadikan negara ini ke tahap negara maju, tetapi usaha mengatasi dan meringankan masalah mereka perlu dilakukan secara serius bukan dengan cara menyogok subsidi sehingga mereka menjadi manja dan tidak berubah sikap sehingga sepanjang masa bergantung kepada subsidi dan hanyul bersama-sama subsidi walaupun alasan yang dikemukakan kerana anak-anak peneroka dan nelayan sudah ada yang berpelajaran tinggi tetapi kadar peratusnya terlalu kecil kalau dilihat jumlah mereka secara keseluruhannya.

Maka saya mencadangkan supaya bantuan kepada golongan ini diberi dalam dua bentuk yang berbeza; bagi golongan Takir mereka hendaklah diberi bantuan terus sehingga membolehkan

mereka meningkatkan taraf hidup ke paras miskin. Bila mereka sudah sampai ke tahap miskin, bantuan yang akan diberi hendaklah berbentuk program ekonomi seperti bantuan modal untuk tujuan perniagaan, pertanian, ternakan dan seumpamanya yang selayak diberikan kepada golongan miskin. Manakala golongan miskin hendaklah diberikan bantuan tetapi bantuan yang diberikan lebih merupakan bantuan untuk menggerakkan mereka hidup berdikari selain daripada bantuan yang dicadangkan di atas. Kerajaan hendaklah mengadakan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan oleh golongan ini seperti kemudahan tempat tinggal, pelajaran, rawatan dan makanan asasi di samping mengadakan peruntukan khas yang boleh ditambah dan semasa ke semasa.

Kita perlu memastikan program ini menepati sasaran dengan adanya tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan. Di antaranya, Tuan Yang di-Pertua, ialah yang pertama, penglibatan keluarga. Satu undang-undang perlu diadakan bagi melibatkan mana-mana ahli-ahli keluarga yang berkemampuan yang kaya ikut serta membanting golongan sasaran dari kalangan keluarganya, bukan Kerajaan semata-mata. Pirman Allah Subhanahu-waTa'ala, maksudnya: "Hendaklah orang-orang yang baik itu mengurniakan hartanya kepada kalangan kaum keluarga yang miskin". Bukan sahaja diletakkan kepada Kerajaan tetapi juga kepada keluarganya yang berada. Ahli-ahli keluarga yang terlibat diberi galakan pengecualian cukai dan lain-lain kemudahan. Dengan demikian, penyelewengan agak sukar berlaku kerana yang membantu ada pertalian keluarga dengan pihak sasaran dan dapat memupuk masyarakat yang saling hormat-menghormati dan muhibah antara golongan yang terlibat dengan golongan sasaran yang berantara yang berada dengan yang tidak berada. Juga, secara tidak langsung membantu matlamat perpaduan negara.

Yang kedua, tabung pembebasan kemiskinan. Satu tabung pembebasan kemiskinan patut diwujudkan yang bertungsi mengeluarkan bantuan kepada golongan fakir dan miskin secara berprogram sehingga mereka bebas dari belenggu kemiskinan dan dapat berdikari. Rancangan ini dilaksanakan secara berperingkat dan bermula di beberapa buah negeri. Negeri-negeri yang dikenalpasti terdapat paling ramai golongan miskin akan diberi kemamaan, iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu walaupun tidak disebut dalam ucapan Perdana Menteri, Kedah dan Perlis. Royalti minyak bagi Sabah, Sarawak dan Terengganu hendaklah dikaji semula supaya diberi peruntukan khusus digunakan bagi mengatasi masalah kemiskinan di negeri-negeri tersebut. Bagi negeri Kelantan, Kedah dan Perlis satu peruntukan khas perlu diwujudkan untuk tujuan yang sama dengan perkara-perkara yang tersebut di atas. Tabung ini tetap dimanfaatkan di negeri lain, seperti Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Melaka, Perak, Pahang, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan tetapi keadaan dan masalah kemiskinan tidak separah dengan negeri-negeri di atas tadi. Langkah-langkah di atas diyakini dapat mengatasi masalah kemiskinan dalam masa yang singkat. Rancangan pembangunan negara yang menyeluruh akan menjadi rancangan sokongan kepada skim tabung pembebasan kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, betapa kegagalan awal RRJP 2 ini telahpun didedahkan oleh Perdana Menteri. Pada hari ia diusulkan dalam Dewan ini, Isnin lalu, pada hari kelahiran DPB ini juga, Perdana Menteri telah mengemukakan kemenangan golongan kapitalis. Berikut dengan kegagalan dasar itu dan kemenangan kaum kapitalis itulah agaknya menyebabkan Perdana Menteri meninggalkan negara bersama lebih 100 orang pengiringnya menuju negara

Amerika Latin yang bankrap di tangan kapitalis, iaitu Argentina, Brazil dan Chile. Perdana Menteri yang menyebutkan kegagalan rancangan ini untuk tenaga buruh di ladang-ladang FELDA dalam masa 10 tahun akan datang, 1991 hingga tahun 2000. Sekalipun angka peratus kumpulan umur 15 hingga 64 tahun beriambah dari 58.8% di dalam tahun 1990 kepada 60.8% dalam tahun 2000, lingkungan umur ini adalah golongan yang memenuhi pasaran buruh negara, tetapi Kerajaan gagal membangunkan mereka sebagai tenaga buruh yang diperlukan hingga menjadikan 10 tahun yang akan datang negara menghadapi masalah buruh yang serius. Lihat ucapan Perdana Menteri perenggan 41, mukasurat 27.

Rancangan ini juga tidak berjaya menanamkan semangat minat bekerja di ladang bagi anak-anak peneroka PELDA. Mereka tidak berminat menguruskan kebun-kebun ayah mereka, sebaliknya mereka berminat bekerja di sektor lain. Jika sikap yang sama masih terdapat juga dalam pelaksanaan DPB, maka ini bererti tidak ada suatu yang baru dalam dasar strategi dan pelaksanaan DPB. Ini bererti dasar baru ini mengulangi kegagalan yang sama. Akibat dari kegagalan itu, Kerajaan tidak berusaha untuk menanamkan semangat cintakan ladang dan kebun kepada rakyat, tetapi mengambil peluang dari kelemahan tadi untuk tidak memberi tanah kepada rakyat. Sebaliknya tanah-tanah baru untuk pertanian hanya akan diberikan kepada syarikat pengurusan eslet yang berpengalaman. Apabila tanah FELDA tidak lagi diberi kepada peneroka yang laparkan tanah, tetapi diberi kepada pengurusan ladang yang berpengalaman, maka dengan sendirinya kapitalis ladang telah berjaya menekankan dasarnya kepada Wawasan 2020. Peluang tidak ada bagi rakyat untuk mendapat tanah dan mengusahakan tanah. Peluang juga

tidak adabagi pelaburdalam negeri yang tidak berpengalaman untuk memulakan urusan perladangan. Kejayaan kaum kapitalis ini akan menjadikan peneroka PELDA dan rakyat negara, khususnya petani yang bertukar menjadi buruh ladang sebagai hamba baru dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini ladang-ladang di Malaysia menjelang tahun 2020 sepenuhnya dikuasai oleh syarikat gergasi dan hilangnya minat anak peneroka terhadap kebun, juga adalah kesan pengaruh yang dimainkan oleh gergasi ladang. Jika rangka rancangan ini sebenarnya suatu rancangan yang baik, sudah tentu soal minat kepada kebun, kekurangan buruh ladang dan menghalang rakyat meneroka tanah tidak berbangkit. Masa depan pertanian di negara ini nampaknya bergantung kepada saudagar-saudagar ladang dan ini akan mengembalikan negara ini kepada kekuasaan tuan tanah segelintir yang menguasai pengusaha tanah yang ramai. Keperluan pertanian letap suatu yang penting bagi negara. Tumpuan kepada ekonomi industri kilang dan pembuatan semata-mata akan mendedahkan negara kepada masalah yang dihadapi oleh Iraq dan Iran yang kurang bahan makanan, terpaksa tunduk kepada kemahuan penguasa muafakat luar dan jika berlaku sesuatu, seperti kebuluran di Habshah dan selatan Sudan, maka negara bergantung kepada pihak luar adalah tinggi risikonya jika negara bergantung kepada kilang dan kepada beberapa kerat saudagar ladang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu maka program pertanian dalam strategi ekonomi selepas 1990 hendaklah dirangkakan dengan sebaik-baiknya. Dalam bidang pertanian, sumber makanan merupakan keperluan asas negara. Sehingga sekarang belum lagi diwujudkan rancangan ekonomi jaminan makanan untuk memenuhi keperluan negara. Rancangan tanah PELDA yang seluas 784,800 hektar hanyaditumpukan

kepada program pertanian yang bukan merupakan sumber makanan asas negara. Tanaman seperti kelapa sawit, getah dan sedikit koko dan tebu lebih merupakan pertanian komersial yang tidak menjamin keperluan makanan asasi rakyat. Sumber makanan negara sehingga kini masih bergantung kepada import dari luar negeri. Selepas tahun 1990 Kerajaan hendaklah memberi penumpuan yang lebih dalam membangunkan projek pertanian makanan, penggunaan teknologi moden untuk meningkatkan keluaran pertanian hendaklah dilaksanakan. Dengan cara yang demikian, ratusan juta ringgit akan dapat diselamatkan setiap lahun. Apatah lagi pada tahun 2000 rakyat Malaysia dijangka akan meningkat kepada 22 juta orang. Ini bererti keperluan kepada bahan makanan semakin meningkat. Untuk menjamin keberkesanan kejayaan rancangan pertanian ini, maktab-maktab rendah pertanian hendaklah didirikan di seluruh negara. Para petani juga hendaklah dilatih cara-cara penggunaan teknologi moden dalam pertanian. Universiti Pertanian Malaysia hendaklah memainkan peranan untuk mengeluarkan pegawai-pegawai pertanian yang betul-betul cekap dan berkebolehan dalam bidang pertanian, bukan seperti yang wujud sekarang ini di mana mereka lebih merupakan pegawai tadbir bahkan kadangkala keluaran UPM terpaksa dilatih oleh petani biasa untuk melayakkan mereka melibatkan diri dalam pertanian atau ternakan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penanaman padi yang merupakan sumber makanan asasi negara, keluasan tanah dan pengeluarannya semakin menurun. Pada tahun 1985, keluaran padi negara ialah 1,826,000 tan metrik telah menurun kepada 1,745,400 tan metrik pada lahun 1986, dan pada lahun 1987 kepada 1,620,900 tan metrik dan pengeluaran itu terus menurun pada tahun-tahun berikiunya. Keadaan ini adalah berpunca daripada kawasan sawah yang dibiarkan oleh para petani tanpa diusahakan.

Pada tahun 1985, kawasan sawah padi di seluruh negara ialah 661,443 hektar tetapi pada tahun-tahun berikutnya, keluasan sawah ini semakin berkurang. Pada tahun 1986, keluasan sawah ialah 627,565 hektar dan pada tahun 1987, keluasannya ialah 623,828 hektar. Sungguhpun anggaran telah dibuat bahawa kawasan sawah padi akan bertambah pada tahun 1988 hingga tahun 1990, hakikat yang wujud ialah penambahan keluasan sawah tidak pernah berlaku. Oleh kerana keluasan tanah sawah padi semakin berkurangan dan seterusnya pengeluaran padi juga semakin merosot maka Kerajaan hendaklah memperhebatkan usahanya dalam mengatasi perkara ini.

Sungguhpun kos pengeluaran agak begitu tinggi dan hasil padi tidak mampu menampung kos keluaran padi, Kerajaan hendaklah sedar bahawa penyelesaian kemiskinan para petani juga menunjukkan keperluan rakyat tidak seharusnya diasaskan kepada keuntungan semata-mata. Peruntukan yang lebih untuk pesawah padi hendaklah diadakan, cara yang demikian akan dapat menolong para petani tempatan di samping negara akan lebih berganiung kepada sumber makanan dari dalam negeri. Wang negara yang beratus juta ringgit dibelanjakan setiap tahun untuk mengimport beras dari luar negeri akan dapat disalurkan untuk penggunaan para petani tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi berhubung dengan ternakan. Rancangan ternakan secara komersial hendaklah dilaksanakan selepas tahun 1990-Tanah-tanah pertanian terbiar bolehlah dijadikan kawasan ternakan secara berkelompok. Rakyat yang tidak mempunyai tanah hendaklah digalakkan menyertai rancangan ini. Satu program jangka panjang untuk menjadikan negara sebagai pengeluar daging utama di rantau ini hendaklah dirancang mulai

sekarang. Rancangan ternakan berkelompok ini hendaklah dikendalikan oleh Kerajaan dengan lain-lain pihak, termasuk Persatuan Peladang.

Peruntukan Kerajaan untuk ternakan dalam Rancangan Malaysia Kelima adalah begitu kecil jika dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan pertanian yang lain. Peruntukan asal dalam rancangan tersebut untuk tujuan pertanian ialah \$10,468 juta di mana 1.8% daripada peruntukan tersebut adalah untuk tujuan ternakan. Selepas kajian separuh penggal, peruntukan ini telah dikurangkan kepada \$7,807 juta dengan dikekalkan juga 1.8% daripada peruntukan tersebut untuk tujuan ternakan.

Oleh kerana peruntukan yang begitu kecil dan matlamat rancangan ternakan juga bukan untuk tujuan komersial maka negara menghadapi kekurangan daging yang berterusan. Kerajaan hendaklah menambah peruntukan yang lebih untuk program ternakan dan rancangan ini hendaklah juga dilaksanakan di tanah-tanah PELDA di mana kawasan PELDA yang seluas lebih kurang 800,000 hektar itu boleh juga dijadikan kawasan ternakan. Cara yang demikian akan dapat menolong para peneroka menambah pendapatan mereka di samping pendapatan pertanian yang sedia ada.

Seterusnya, berhubung dengan perkaraperikanan. Peruntukan Kerajaan untuk program perikanan agak lebih tinggi jika dibandingkan dengan peruntukan ternakan. Peruntukan asal adalah sebanyak 2.5% daripada jumlah \$10,468 juta selepas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima. Peruntukan \$10,468 juta telah diturunkan kepada \$7,800 juta tetapi peratusan untuk perikanan telah dinaikkan dari 2.5% kepada 2.8%.

Sungguhpun demikian, peruntukan tadi masih gagal untuk menyelesaikan keperluan ikan negara dan seterusnya

gagal untuk mengatasi penghidupan para nelayan yang dianggarkan seramai 30,000 orang yang berada di bawah paras kemiskinan. Sungguhpun rancangan perikanan berbentuk komersial telah dimulakan ianya masih berjalan begitu lembab dan para nelayan tradisional masih tidak dapat manfaat yang sepatutnya dari rancangan ini. Kerajaan hendaklah menambah peruntukan untuk program perikanan negara dan program ini hendaklah dipastikan yang ianya akan lebih dimanfaatkan oleh para nelayan kecil. Kerajaan hendaklah menyediakan bot-bot besar untuk menangkap ikan laut dalam dan diserahkan kepada nelayan-nelayan kecil melalui Persatuan Nelayan atau Syarikat Kerjasama Nelayan.

Pembinaan industri-industri kecil di luar bandar, terutama sekali di kawasan-kawasan pertanian, akan dapat menolong meningkatkan pendapatan para petani. Rancangan yang teratur dan berkesan ke arah ini hendaklah menjadi matlamat ulung program pembangunan ekonomi negara selepas tahun 1990. Rancangan yang lebih besar dan teratur hendaklah dijadikan strategi raksaksa pembangunan ekonomi selepas tahun 1990.

Kilang-kilang kecil di luar bandar bolehlah didirikan untuk tujuan memproses pengeluaran tempatan ataupun bahan-bahan ganti untuk kilang-kilang besar yang wujud di kawasan perindustrian dalam bandar. Dengan diwujudkan kilang-kilang kecil di luar bandar, para petani dan para nelayan akan dapat peluang menambah sumber pendapatan mereka. Di samping itu, kawasan luar bandar yang masih ketinggalan dari segi pembangunannya secara langsung akan dapat dibangunkan. Seterusnya para penganggur di luar bandar tidaklah lagi akan datang ke kota untuk mencari rezeki. Ini sudah tentu masalah kesesakan bandar dan masalah sosial di bandar yang kian meningkat akan dapat dikurangkan.

Seterusnya, saya ingin menyentuh perkara pemberian tanah kepada rakyat yang tidak memiliki tanah. Selepas tahun 1990, Kerajaan hendaklah memastikan tanah-tanah terbiar yang dianggarkan seluas 900,000 hektar di seluruh negara dibangunkan melalui satu skim atau menyamai rancangan menanam semula getah sekarang atau apa juga cara lain yang membolehkan tuan-tuan tanah terlibat secara aktif bagi memanfaatkan tanah masing-masing. Rakyat yang tidak bertanah tetapi berminat dan mempunyai potensi menjadi petani hendaklah diberi peluang memiliki tanah melalui pembukaan tanah baru atau bantuan membeli tanah-tanah yang sedia ada dari orang lain secara sendiri atau secara koperasi dan sebagainya.

Kemudahan-kemudahan infrastruktur hendaklah disediakan dengan secukupnya demi menjamin kejayaan rakyat membangun tanah-tanah tadi. Peraturan yang ketat hendaklah diwujudkan agar tanah-tanah berkenaan tidak dimonopoli oleh golongan-golongan yang tidak berhak. Pihak Kerajaan hendaklah mengurangkan premium tanah supaya dengan itu rakyat yang miskin akan lebih berminat untuk membangunkan tanah-tanah tadi kerana mereka akan terselamat daripada bebanan premium tanah seperti yang berlaku sekarang ini.

Bagi tanah rancangan FELDA pula, Kerajaan hendaklah memberi hakmilik tanah kepada para peneroka. Dasar Kerajaan hendak menswastakan FELDA merupakan satu perkara yang keterlaluan. Penyelesaian kemiskinan di kalangan peneroka bukan dengan memberi keulamaan kepada golongan kapitalis menyelesaikannya. Tetapi Kerajaan sendiri yang seharusnya mempelbagaikan projek ekonomi di bawah tanah rancangan FELDA.

Satu perkara yang harus discdari bahawa rancangan Kerajaan hendak menswasiakan rancangan FELDA

secara langsung akan mengabaikan ralsuan ribu keluarga daripada mempunyai hakmilik tanah. Para peneroka akan terus menjadi buruh atas tanah yang mereka terokai. Sungguhpun mereka kemudiannya akan diberi hak sebagai pemegang saham tetapi mereka tetap bergantung kepada keputusan yang akan diputuskan oleh pihak swasta. Apakah jaminan kita bahawa nasib para peneroka akan lebih terjamin di bawah pentadbiran swasta? Apa yang pasti berlaku ialah golongan kapitalis yang menguasai swasta nanti akan mcndapal keuntungan daripada penswastaan ini. Selagi mana rakyat tidak diberi hak memiliki tanah maka selama itulah tidak akan wujud keseimbangan di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh perkara pendidikan yang merupakan satu usul yang penting bagi masa depan pembangunan negara. Falsafah pendidikan negara yang bertujuan untuk mengimbangkan pembentukan jasmani dan rohani hendaklah dilaksanakan dengan sepenuhnya. Janganlah dalam keghairahan kita untuk melahirkan tenaga manusia yang mampu menunaikan keperluan pembangunan ekonomi negara, kita terpaksa mengabaikan aspek penting di dalam penghidupan insan, iaitu nilai rohani dan budi murni yang menjadi kunci kebahagiaan bagi seseorang insan.

Kita memerlukan di dalam negara warganegara-warganegara yang berguna dari segi tenaga dan kepakaran dan dalam masa yang sama ianya juga merupakan insan yang mendukung prinsip-prinsip keadilan dan kemanusiaan. Untuk melahirkan insan atau warganegara yang sedemikian ianya memerlukan perancangan dan perlaksanaan yang begitu rapi dan kemas. Hal ini tidak mungkin dilaksanakan kecuali pendidikan agama dan moral diimbangkan dengan pendidikan lain dalam semua peringkat pengajian. Falsafah perimbangan di

antara rohani dan jasmani yang didukung sekarang ini tidak mungkin tercapai dengan bentuk khusus pendidikan yang diamalkan sekarang. Ini adalah disebabkan pendidikan agama dan moral terutama sekali di sekolah-sekolah menengah dan di pusat-pusat pengajian tinggi merupakan tempelan kepada sistem pendidikan yang bermallamatkan kebendaan.

Sehubungan dengan itu kami mencadangkan agar falsafah pendidikan Islam yang bermatlamat untuk melahirkan insan yang soleh hendaklah dijadikan asas bagi falsafah pendidikan negara. Insan yang soleh ialah insan yang baik pada dirinya dan baik untuk masyarakat juga baik di sisi Allah penciptanya. Mengikut pandangan Islam seseorang anggota masyarakat yang pandai dan pakar dalam bidangnya tidak dianggap soleh atau baik sekiranya dari sudut kemanusiaan dan keimanan ianya dianggap sebagai jahat. Apa yang harus disedari bahawa tamadun kebendaan yang dibina oleh setiap generasi manusia tidak lain dan tidak bukan adalah untuk kebahagiaan dan kesejahteraan insan. Sekiranya tamadun yang dibina akan menggugat insan dan kemanusiaan maka tamadun tadi secara jelas adalah bercanggah dengan matlamat asalnya. Adalah wajar uniuik ditegaskan di sini sekiranya falsafah pendidikan negara yang lebih condong kepada keperluan kebendaan lidak diubah maka akan tiba masanya rakyat negara ini akan bertembung dengan krisis kemanusiaan hasil daripada ciptaan pemimpin negara sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga tahun 1988 terdapat 1,252 buah sekolah menengah di dalam negara dengan bilangan kelas 38,708. Daripada jumlah ini terdapat 26 buah sekolah menengah agama Kerajaan dengan bilangan kelas 466. Manakala bilangan pelajar bagi semua jenis sekolah menengah ialah 1,344,650. Daripada jumlah terbesar seramai 9,666 adalah pelajar sekolah menengah agama. Kita meletakkan

harapan yang begitu tinggi kepada pelajar-pelajar ini untuk membina masa depan negara. Apa yang membimbangkan kita ialah jenis manusia yang akan keluar dari sekolah-sekolah menengah ini. Apa yang jelas bahawa kesemua sekolah ini kecuali sekolah menengah agama sehingga sekarang belum sampai ke tahap yang sepatutnya dalam melaksanakan falsafah pendidikan untuk mengimbangkan pendidikan jasmani dan rohani. Walau bagaimanapun, kita meletakkan keyakinan sepenuhnya kepada sekolah-sekolah menengah agama di mana falsafah pendidikan negara jelas, sedang dan akan didukung oleh sekolah-sekolah ini.

Sekolah-sekolah menengah agama di bawah Kementerian Pendidikan memperkenalkan dua sistem pendidikan iaitu pendidikan agama untuk tujuan pembentukan insan soleh dan pendidikan biasa yang bermatlamat untuk melahirkan sumber tenaga manusia kepada pembangunan negara. Jenis sekolah ini nampaknya kian mendapat sambutan dari rakyat. Pada tahun 1989 seramai 28,000 pelajar telah memohon untuk memasuki sekolah ini. Tetapi yang boleh diterima sebanyak 2,000 orang pelajar sahaja kerana kurang kelas. Ekoran daripada itu ramai para ibubapa telah menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah menengah agama rakyat yang juga memperkenalkan sistem pendidikan yang sama sekalipun sekolah-sekolah berkenaan menghadapi berbagai-bagai kekurangan.

Demi untuk mencapai matlamat falsafah pendidikan negara maka kami mencadangkan supaya sekolah menengah biasa yang ada sekarang ini hendaklah ditukar sistem pendidikannya sistem pendidikan yang berdasarkan kepada pendidikan agama dengan secara bertahap. Cara yang demikian akan merupakan serampang dua mata iaitu untuk melaksanakan falsafah pendidikan negara dan mengatasi krisis akhlak yang

kian menjadi di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah biasa. Di samping itu pihak Kementerian Pendidikan hendaklah menyelaras dan mempertingkatkan sekolah-sekolah menengah agama rakyat di seluruh negara dengan diberi baniuan dan kemudahan yang maksima.

Berhubung dengan pusat pengajian tinggi, hak dan peluang mendapat pelajaran hendaklah diberi dengan sepenuhnya kepada rakyat termasuk peluang untuk melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi. Perancangan pendidikan di negara pada hari ini masih lagi belum dapat memenuhi hasrat rakyat dan keperluan negara. Terutama sekali peluang untuk melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan. Bilangan pusat pengajian tinggi yang wujud pada hari ini masih begitu kurang jika dibandingkan dengan jumlah pelajar yang akan memasukinya. Negara pada hari ini hanya mempunyai 5 buah politeknik, 28 buah maktab perguruan, 2 buah kolej dan 7 buah universiti. Bilangan ini jelas tidak mampu untuk menampung keperluan 1.5 juta pelajar yang berada di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara.

Oleh kerana tempat yang begitu terhad, berbagai implikasi negatif telah timbul. Di antara implikasi yang lelah dikenalpasti ialah pengaliran wang negara ke luar negeri kerana para ibubapa yang berkemampuan terpaksa menghantar anak-anak belajar di universiti-universiti di luar negeri. Sebilangan daripada pelajar sekolah menengah terpaksa menamatkan pengajian mereka. Timbul rasa benci-membenci di antara kaum kerana mereka sedar sesuatu yang tidak adil telah dilakukan oleh Kerajaan ke atas diri mereka dan ini sudah pasti menggugat perpaduan nasional. Negara akan menghadapi kekurangan sumber tenaga manusia yang berpendidikan tinggi dan negarajugamenghadapimalahkonflik

budaya dan sikap daripada graduan yang pulang dari luar negeri terhadap pendidikan yang mereka terima di luar negeri adalah sama sekali tidak selari dengan dasar falsafah pendidikan negara.

Uniuk menjamin pembangunan negara yang begitu pesat di masa depan kita memerlukan sumber tenaga manusia yang mempunyai pendidikan tinggi yang begitu ramai. Untuk tujuan ini Kerajaan hendaklah menambah bilangan pusat-pusat pengajian tinggi tempatan dengan seberapa banyak yang boleh. Dengan menambah bilangan pusat pengajian tinggi di tanahair, persoalan kuota, pengambilan pelajar tidak lagi akan merupakan isu yang kontroversi di samping Kerajaan juga akan dapat mengawal mutu dan bentuk pendidikan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, gejala-gejala yang tidak sihat yang telah menjejaskan moral rakyat kian hari kian merebak di negara kita. Gejala-gejala ini kadangkadangkang muncul dengan sendiri dan kadangkadangkanya ditaja oleh agensi-agensi Kerajaan tertentu yang telah menampakkan berlakunya percanggahan yang ketara di antara falsafah pendidikan yang didukung oleh negara sendiri. Kementerian Pendidikan dari satu pihak berusaha untuk membina insan dengan nilai-nilai suci dan murni manakala agensi-agensi Kerajaan yang lain pula melakukan sesuatu yang bercanggah dengan dasar yang didukung oleh Kementerian Pendidikan. Demi untuk menjamin nilai-nilai akhlak di kalangan rakyat di mana nilai-nilai akhlak merupakan tunggak yang asasi yang penting untuk pembinaan insan sebagai sumber utama pembangunan negara maka langkah-langkah perlu dan tegas hendaklah diambil bagi menghalang daripada merebaknya unsur-unsur budaya luar di dalam masyarakat. Sehubungan dengan itu semua bentuk hiburan yang menjejaskan nilai-nilai akhlak dan agama yang

melalakan manusia daripada tanggungjawab mereka hendaklah diharamkan terus di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh masalah hutang negara dan ini juga berkait dengan masalah masa depan negara. Beban hutang negara yang ditanggung sekarang ini hendaklah diberi perhatian yang serius selepas tahun 1990. Selepas 1990 Kerajaan hendaklah mengatur dua strategi penting. Pertama, menyelesaikan hutang negara dengan kadar yang segera. Kedua, mengurangkan amalan berhutang sama ada dari dalam mahu pun dari luar negeri. Untuk mencapai matlamat ini setiap rancangan ekonomi hendaklah dipastikan yang ianya betul-betul menepati sasaran. Amalan yang melibatkan aktiviti ekonomi dengan projek-projek mewah hendaklah dihentikan selepas tahun 1990. Rakyat hendaklah diberi kesedaran betapa hutang adalah bencana yang rakyat juga hendaklah memikulnya bukan sahaja merupakan suatu tanggungjawab yang dipikul oleh Kerajaan.

Satu perkara penting yang ditimbulkan juga ialah masalah dasar perpaduan negara. Perpaduan negara hendaklah dijadikan matlamat unggul bagi setiap rakyat di dalam negara ini. Sungguhpun perseimbangan ekonomi di antara kaum diterima sebagai faktor ke arah perpaduan, tetapi kami tetap tidak yakin dengan wujudnya penyelesaian ekonomi semata-mata. Maka masalah perpaduan negara hendaklah diselesaikan dengan cara yang sebenarnya. Menurut Al-Quranul-karim masalah ekonomi ataupun perkara ekonomi tidak boleh dijadikan perkara mutlak bagi menyelesaikan masalah perpaduan negara. Allah Ta'ala berfirman: Kalau sekiranya engkau membelanjakan seluruh harta yang ada di atas muka bumi ini, nescaya engkau tidak akan dapat menjinakkan hati manusia. Penegasan Al-Quran di atas dapat memberikan gambaran tentang kepincangan

perpaduan rakyat yang wujud di Malaysia sekarang. Sekalipun terdapat sebilangan rakyat secara individu ataupun kelompok yang telah mendapat nikmat dari kemerdekaan dan pembangunan negara tetapi mereka tidak semestinya dapat memberikan sumbangan positif kepada perpaduan.

Dan sebaliknya, muncul sebagai penghalang kepada perpaduan itu sendiri, antara mereka kadang-kadang menjadi ketua kepada politik perkauman atau menjadi orang penting dalam masyarakat dan perusahaan. Dikhalayak ramai mereka seolah-olah mencyuarakan kepeniingan dan keadilan umum dan golongan yang mereka wakili. Mereka seolah-olah bertelagah umum sesama sendiri tentang pembahagian rezeki dan taburan kekayaan, tetapi bersekongkol bila dirasakan terbuka peluang untuk membahagikan kekayaan itu sesama mereka. Mereka menggunakan rakyat awam yang patuh kepada mereka kerana lazimnya rakyat patuh kepada orang-orang ternama, tetapi mereka sesungguhnya tidak amanah terhadap kesetiaan rakyat awam itu.

Badan-badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan juga mengambil sikap membantu pihak yang tidak amanah dengan menajamkan perasaan perkauman, memejamkan mata terhadap diskriminasi, salah guna kuasa dan penyelewengan yang boleh menjejaskan usaha ke arah perpaduan. Justeru itu unsur-unsur negatif seperti ini hendaklah dilenyapkan supaya segala usaha ke arah perpaduan lebih mudah dicapai. Selagi mana kepentingan kebendaan dan kaum merupakan matlamat utama dasar ekonomi negara, maka selama itulah kita akan agal untuk mencari penyelesaian di dalam hidup.

Oleh yang demikian, kita hendaklah menjadikan matlamat utama perancangan negara untuk tujuan kemanusiaan, persaudaraan, nilai-nilai murni dan kebahagiaan sejagat tanpa mengira kaum, keturunan dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Perdana Menteri dalam ucapannya menimbulkan bahawa keadaan ekonomi negara kita juga berkait dengan perkembangan yang berlaku di luar negeri di mana Malaysia mengambil bahagian secara aktif untuk mewujudkan satu sistem ekonomi antarabangsa. Kerajaan Malaysia melibatkan diri dengan berbagai-bagai gagasan dan pertumbuhan-pertumbuhan ekonomi atau yang melibatkan diri dengan kegiatan ekonomi di peringkat antarabangsa. Di samping itu, Kerajaan lupa bahawa di sana ada satu gagasan yang perlu diwujudkan oleh Malaysia, iaitulah gagasan di kalangan negara-negara Islam di samping ASEAN dan gagasan yang dinamakan Selatan Selatan.

Sebagai langkah permulaan, mungkin lebih mudah kerjasama ekonomi itu disusuli dahulu dengan menggabungkan sembilan buah negara umat Islam yang berada di sekitar Lautan Hindi yang terdiri daripada Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Bangladesh, Republik Maldives, Pakistan, Afghanistan yang diwakili oleh golongan yang dianggap menegakkan keadilan, iaitulah golongan Mujahidin. Iran, Sudan, hubungan baik yang sedia ada di antara negara-negara tersebut dengan Malaysia dan pengalaman-pengalaman dalam beberapa bidang antarabangsa yang berjaya mengumpulkan gerakan-gerakan umat Islam dari serata dunia seperti yang diadakan di beberapa tempat melalui beberapa kegiatan-kegiatan yang lain seperti Musabaqah al-Quran dan seumpamanya hendaklah dijadikan sebagai jalan penghubung bagi menjalankan usaha-usaha bagi kepenlingan ekonomi bersama.

Kesemua sidang gerakan Islam antarabangsa yang dihadiri sebelum dan selepas Perang Teluk merumuskan perlunya satu gagasan perpaduan ummah di kalangan umat Islam dan perlu diketengahkan dan telah tiba masanya

seluruh negara umat Islam berganding bahu bagi membangun umat Islam meliputi sosio ekonomi, politik, budaya, gunatenaga, sains dan teknologi dan sebagainya.

Perlu ditekankan bahawa kerjasama ekonomi kumpulan negara-negara umat Islam itu dicadangkan bukanlah bertujuan untuk memusuhi sesiapa dan mensyaratkan sesiapa dari menikmati segala sumber kekayaan anugerah Allah di mana-mana juga di muka bumi ini, tetapi umai Islam berhak membangunkan maruah dan kehidupan mereka sebagai satu sumbangan kepada kesentosaan dan kesejahteraan alam dan berhak juga memperkenalkan kebaikan Islam untuk keselamatan umat manusia seluruhnya.

Allah telah menganugerahkan kekayaan tenaga manusia, sumber tenaga dan lain-lain khazanah di negara-negara umat Islam, maka tidaklah wajar ia disia-siakan. Wajarliah umat Islam mentadbirkannya mengikut panduan-panduan yang ditentukan oleh Islam sesuai dengan Islam itu satu ajaran bagi mentadbirkan alam.

Kesedaran umat Islam dalam negara-negara umat Islam dan negara-negara yang mereka menjadi minoriti yang mahu membangun bersesama Islam dari segi akidah, ekonomi, pendidikan, sosial, perundangan dan sebagainya, janganlah diketepikan begitu sahaja. Perubahan yang inginkan kemerdekaan, kebebasan, mahukan kemuliaan dan sebagainya di kalangan umat Islam perlu diambilkira dalam merangka rancangan pembangunan jangka panjang, baik untuk negara kita mahupun antara-bangsa.

Kita mesti peka dengan suara umat Islam di Yugoslavia, Bulgaria, Albania, Rumania, di setengah-setengah wilayah di Soviet Union, di Beijing yang inginkan pembelaan dan perubahan, siapakah yang hendak membela mereka jika tidak datang dari satu

tanggungjawab dari kalangan pemimpin-pemimpin di negara-negara umat Islam yang lebih bernasib baik seperti Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya suka menyatakan setelah mengkaji dan menyelidiki apa yang dikemukakan di sana apa pandangan-pandangan yang dipersetujui, terutamanya masalah menolong golongan miskin dan hasrat untuk menjadikan negara kita ke tahap negara maju, tetapi di sana ada perkara-perkara yang kita tidak persetujui, di antaranya ialah kerana dasar, falsafah dan matlamat yang tidak nyata dan tidak dijamin dan tidak menjamin adanya gangguan-gangguan politik daripada kejayaan perlaksanaan apa yang dikemukakan itu.

Itulah sahaja yang dapat saya kemukakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Keningau.

5.06ptg.

Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan berbilang terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rangka Rancangan Jangka Panjang 2 atau RRJP 2 dan DPB telah banyak dibuat komen dan diberi penerimaan yang baik dan disanjung tinggi oleh beberapa tokoh-tokoh politik dan pihak orang ramai. RRJP 2 dan DPB selaku pendekatan dan dasar pembangunan Kerajaan untik masa depan memang telah pun dinantikan memandangkan masa tempoh RRJP Pertama dan DEB telah pun berlalu. Akan menjadi satu perkara yang ganjil jika sekiranya tidak disediakan pengganti RRJP Pertama dan DEB.

Sebagai Rangka Rancangan Jangka Panjang, tentu sekali RRJP 2 dan DPB akan membantu rakyat dan Kerajaan mengenai dengan haluan perjalanan, membawa keadilan, kemajuan dan keseimbangan kepada rakyat Malaysia. Dalam pada itu, perlu untuk semua pihak memahami dan memeriksa dengan mendalam apakah kandungan Rangka Rancangan Jangka Panjang 2 dan DPB.

Bukannya menjadi satu perkara yang mudah membuat perancangan bagi masa depan sesebuah negara. Bagi Malaysia, kita lelah melalui satu perancangan awal dalam bentuk RRJP Pertama dan DEB. Tentu kajian yang teliti dan mendalam perlu dibuat untuk mengkaji hasil daripada pelaksanaan RRJP Pertama dan DEB.

Mengikut apa yang saya difahamkan, memang terdapat perbezaan dalam pendapatan atas hasil usaha-usaha pelaksanaan perancangan dan dasar RRJP Pertama dan DEB. Ini disebabkan pendekatan perangkaan tidak diterima oleh pihak-pihak tertentu sebagai pendekatan yang sebenar. Namun demikian, bagi pendapat saya, tentu sekali masa yang lebih banyak perlu diberi jika sekiranya hasil usaha-usaha Kerajaan mengenai dengan Rancangan Pertama dan DEB dapat dikesan dengan lebih tepat lagi dan ini pun mungkin diperlukan kajian oleh pihak berkecuali atau independent. Walaubagaimanapun, saya rasa bahawa statistik hasil RRJP Pertama dan DEB tidaklah begitu terlari jauh daripada apa yang dianggarkan.

Tuan Yang di-Pertua, masa telah berlalu dengan cepat, justeru itu, RRJP 2 dan DPB telahpun tiba dan dialu-alukan oleh pemimpin-pemimpin dan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Ini adalah disebabkan setelah habis tempoh RRJP 1 dan DEB tentu sekali perancangan baru harus dibuat. Dan saya juga turut bersyukur dan terima kasih di atas pembentangan RRJP 2 dan DPB bagi menggariskan tujuan Kerajaan dan

memberi penentuan terhadap ke manakah kita akan tujukan demi kepentingan negara dan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Dalam pada itu saya turut menyokong pembentangan RRJP 2 dan DPB dengan hati dan Hkiran yang terbuka memandangkan bahawa tujuan kita ialah untuk memperbaiki keadaan di Malaysia ini ke tahap yang lebih saksama, adil, maju dan sentosa sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Kertas Kerjanya yang telah dibentangkan kepada Malaysian Business Council bertajuk "Malaysia: The Way Porward", dengan izin, pada 28hb Pebruari, 1990 di Kuala Lumpur, di mana dia telah mengatakan di perenggan terakhir Kertas Kerjanya dan dengan izin, saya memetik:

"This is the agenda before us in this Council and before the nation. I hope you will discuss this agenda and criticised and improve on it. Whether we achieve perfection or consensus on this agenda is not absolutely important. No formula is perfect, but the least perfect and the least productive is a perfect agenda unimplemented."

Tuan Yang di-Pertua, petikan itu adalah berkaitan dengan Wawasan 2020 di mana RRJP 2 adalah sebahagian/ separuh jalan Wasasan 2020 itu dan DPB adalah cara untuk mencapai RRJP 2 dan Wawasan 2020. Sama ada RRJP 2 dan DPB boleh dikatakan formula yang tepat dan tidak ada kelemahan atau sebaliknya adalah satu perkara yang sama-sama kita mengkaji di samping mengingati bahawa "no formula is perfect."

Sepertimana yang kita semua sedia maklum, RRJP Pertama dan DEB telahpun berjalan dengan baik pada keseluruhannya. Walaupun demikian, ini tidak bererti bahawa tidak ada tempat untuk kita menyentuh, memeriksa dan mencari bahan untuk digunakan,

menegur, memperbaiki dan mengkritik. Ini disebabkan sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Amai Berhormat Perdana Menteri dalam mukasurat 8, perenggan 6 ucapan beliau mengenai RRJP 2 dalam Dewan yang mulia ini apabila membentangkan usul dan beliau menyatakan, dengan izin, "The objectives that we had set for ourselves in the OPPI and NEP were therefore fraught with all kinds of pitfalls and dangers".

Memandangkan bahawa rancangan RRJP Pertama dan DEB adalah bertujuan untuk mengalasi masalah yang terdapat dalam keadaan masyarakat majmuk di Malaysia yang mana adalah berkaitan dengan ketidakseimbangan di antara mereka. Justeru itu tidak sesiapa pun boleh mengatakan bahawa RRJP Pertama dan DEB adalah satu perancangan dan dasar yang negatif dan tidak berfaedah. Walau macam manapun, adalah penting dalam persetujuan kita untuk membaiki keadaan rakyat Malaysia untuk mengenali bahawa kelemahan-kelemahan dan kekurangan yang telah dialami perlu diterima dengan baik dan diambil kira untuk diatasi dalam RRJP 2 dan DPB.

Saya berpendapat bahawa melalui Majlis Perundingan Ekonomi Negara, perkara-perkara yang berkaitan dengan kekurangan dan kelemahan telahpun dibangkitkan dan dibincangkan.

Mengikut ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu membentangkan usul mengenai RRJP 2 dan DPB, beliau telah menyemuh dan telah membuktikan kesedaran mengenai dengan kekurangan dan kelemahan dalam pelaksanaan RRJP Pertama dan DEB. Ini telah ditekankan dalam mukasurat 18, perenggan 27 ucapan beliau yang berbunyi:

"Kita telah mencapai kemajuan yang cemerlang, tetapi kita perlu berusaha lebih gigih lagi. Matlamat

DEB masih belum dicapai sepenuhnya. Kemiskinan masih wujud walaupun ianya telah banyak dapat dikurangkan. Di samping itu masih wujud lagi jurang yang luas di antara kaum di mana kaum bumiputera masih jauh ketinggalan dalam berbagai bidang penting terutamanya dalam bidang pengurusan dan pemilikan syarikat-syarikat perniagaan dan perdagangan dan juga dalam bidang profesional. Di kalangan kaum-kaum bukan bumiputera dan dalam masyarakat bumiputera sendiri terdapat pengagihan kekayaan yang masih tidak saksama yang perlu diperbaiki."

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap agar pelaksana-pelaksana RRJP 2 dan DPB akan menyedari perkara-perkara yang telah disentuh bag' mengatasi kelemahan dan memperbaiki cara pelaksanaan perancangan dan dasar kita supaya diterima dengan baik dan langkah bijak dan tepat melaksanakannya diambil di masa-masa hadapan.

Kita sedar bahawa tujuan utama RRJP Pertama dan DEB dan seterusnya RRJP 2 dan DPB adalah untuk mencapai perpaduan negara. Setelah RRJP2 dan DPB dibentangkan, apa yang penting ialah cara kita untuk melaksanakan bagi mencapai objektif RRJP2 dan DPB.

Saya bersyukur bahawa kali ini RRJP 2 dan DPB telah mengambil kira keadaan di negeri Sabah dan Sarawak. Saya mengharapkan agar pelaksanaan RRJP 2 dan DPB di Sabah khususnya akan dilaksanakan dengan tulus ikhlas dan tidak dengan pendekatan yang negatif atau diskriminasi oleh kerana negeri Sabah pada setakat ini dianggap sebagai negeri pembangkang disebabkan PBS bukan anggota Barisan Nasional. Adalah ditekankan dan diingatkan bahawa Kerajaan Negeri Sabah adalah Kerajaan yang telah dipilih oleh rakyat melalui proses demokrasi. Begitu juga dengan Kerajaan

Persekutuan. Justeru itu masing-masing mempunyai peranan bagi memelihara dan membangunkan negeri Sabah dan negara Malaysia dan mementingkan kemajuan sosio ekonomi semua rakyat Malaysia termasuk rakyat Malaysia yang tinggal di Sabah.

Disebabkan Sabah adalah sebahagian daripada negara Malaysia dan rakyat di Sabah adalah warganegara yang juga membayar cukai. Pemimpin-pemimpin dan Kerajaan Persekutuan haruslah menerima hakikat ini dan memberi serta menghulurkan kemajuan dan pembangunan daripada semua aspek serupa dan seimbang dengan rakyat Malaysia yang tinggal di lain-lain negeri.

Tuan Yang di-Perlu, keadaan yang menyebabkan Sabah di luar Barisan sepatutnya tidak membawa pandangan negatif terhadap Sabah dan rakyat Sabah memandangkan bahawa itu adalah berasaskan kehendak rakyat. Selaras dengan ini tidaklah sepatutnya kita terus menggunakan sikap negatif terhadap Sabah dan rakyat Sabah memandangkan bahawa masa sebagai ubat yang besar ataupun "time as the great healer" akan menentukan perhubungan yang baik di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta pemimpin-pemimpin dari kedua-dua pihak. Kita mengharapkan, dengan izin, channel of communications sentiasa terbuka. Apatah lagi jika kita memandangkan daripada objektif utama RRJP 2 dan DPB ialah untuk mencapai matlamat perpaduan negara dengan sepenuhnya. Jika ini betul-betul tujuan kita, adalah perlu bagi semua pihak untuk mencari jalan memperbaiki keadaan.

Saya lihat bahawa satu Kementerian Perpaduan Negara telah diwujudkan. Ini memang baik dan diperlukan oleh kerana perpaduan negara telah ditekankan oleh semua pemimpin-pemimpin baik daripada pihak Kerajaan ataupun pihak pembangkang. Kita rasa adalah perlu sekali Kementerian ini untuk berusaha

bersungguh-sungguh memperbaiki sistem perhubungan, terutama sekali dengan pihak-pihak yang dikatakan tidak sependapat dan selaras dengan pihak Barisan Nasional. Justeru itu, adalah diharapkan usaha perhubungan oleh Kementerian Perpaduan ini disampaikan kepada negeri Sabah dan rakyat Sabah supaya kita boleh bertukar-tukar pendapat untuk memperbaiki keadaan.

Setakat ini Yang Berhormat Menteri berkenaan belum pun datang untuk melawat ke negeri Sabah bagi tujuan memperbaiki keadaan atau sekurang-kurangnya mengambil langkah-langkah untuk memulakan dialog dengan pemimpin-pemimpin di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang menyokong tujuan dan matlamat perpaduan negara di samping mencapai objektif-objektif RRJP 2 dan DPB bagi masa depan. Dalam pada itu kita juga berusaha bersungguh-sungguh di negeri Sabah untuk mencapai apa yang baik bagi membangunkan rakyat di negeri Sabah selaras dengan RRJP 2 dan DPB. Hanya satu perkara yang perlu dibangkitkan di sini untuk memastikan pengwujudan perpaduan nasional yang sebenar, oleh kerana masih terdapat kekeliruan sama ada proses pencapaian perpaduan nasional ini adakah melalui corak integrasi ataupun corak asimilasi? Perkara ini perlu diselesaikan dan dijelaskan memandangkan bahawa proses integrasi pada pendapat kami adalah lebih diterima daripada proses corak asimilasi.

Proses asimilasi bukan sahaja mendatangkan implikasi yang banyak dan boleh menimbulkan masalah dari segi pelaksanaan, bahkan ianya bercanggah dengan penerimaan kita sebagai masyarakat majmuk dan multi-racial di Malaysia. Justeru itu kami berharap agar penekanan kehidupan dan pembangunan dengan menggunakan corak integrasi dapat ditekankan dan

ditentukan serta diputuskan supaya keyakinan akan meningkat dan ketakutan akan berkurangan. Dengan penentuan itu kami rasa pencapaian kerjasama dan fahaman RRJP 2 dan DPB dapat dilaksanakan berasaskan satu konsep "unity in diversity", dengan izin, akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, adalah juga diharapkan bahawa imej Malaysia akan dapat diperbaiki lagi memandangkan bahawa kita telah mencapai satu tahap socio-ekonomik engineering, dengan izin, yang begitu tinggi melalui pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat untuk menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi. Tiada negara dalam dunia yang perfect, dengan izin, seperti tiada rancangan dan dasar yang perfect sehingga tiada kelemahan yang boleh ditegur dalam pelaksanaan.

Kita sebagai sebuah negara yang sedang membangun yang ingin mencapai matlamat sebagai sebuah negara yang fully developed, dengan izin tidak boleh terlalu mengenyepikan komen daripada pihak-pihak tertentu sama ada daripada dalam negeri ataupun dari luar negeri, asalkan ianya teguran yang boleh meningkatkan dan untuk untuk memperbaiki keadaan kita dalam negeri kita sendiri.

Baru-baru ini kita membaca dalam suratkhbar pihak Kerajaan telah menyentuh dan mengeluarkan ketidakpuasan hahi atas pendapat pihak UNDP mengenai dengan tahap pencapaian Human Rights, dengan izin negara Malaysia yang dikatakan masih mundur. Tentu kita tidak senang hati dalam pendapat ini, tetapi kita mesti memeriksa asas pendapat itu. Tidak menghairankan bagi kami setakat ini Malaysia belum mencapai tempat yang tinggi dalam hal Human Rights, dengan izin oleh kerana Malaysia masih mempunyai undang-undang yang dinamakan ISA, di mana

undang-undang ini digunakan untuk menangkap orang-orang bukan sahaja orang-orang komunis, tetapi termasuk orang-orang bukan komunis dan orang-orang politik.

Kami difahamkan bahawa asas dan tujuan ISA ini adalah untuk menangkap orang-orang Komunis. Ini telah dijelaskan oleh bekas Perdana Menteri Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj. Apa yang menyedihkan ialah bahawa ISA walaupun ianya dibenarkan membuat penyiasatan dalam masa 60 hari, setelah dibuat siasatan orang-orang yang ditahan dan disiasat tidak dibawa ke hadapan mahkamah untuk dibicarakan, tetapi jenis ditahan tanpa diketahui berapa lama mereka akan ditahan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut prinsip naturai justice, dengan izin, tidak sepatutnya sesiapa ditahankan jika ianya tidak diputuskan adalah salah. Sepatutnya setelah mereka yang ditangkap dan ditahan dengan penggunaan ISA setelah 60 hari jika tidak dihadapkan kepada mahkamah dibebaskan selaras dengan natural justice, dengan izin, dan prinsip peri kemanusiaan serta keagamaan.

Kami berharap agar pandangan ini boleh diterima dengan baik oleh kerana kita rasa sistem ini adalah satu sistem yang sudah ketinggalan zaman. Jika imej Malaysia ditingkatkan, ISA ini harus dengan izin, direview semula, dikaji semula supaya dapat diselaraskan dengan prinsip natural justice ataupun keadilan bahawa tiada sesiapa pun patut ditahan atau dipenjarakan, jika ianya tidak didapati bersalah menerusi perbicaraan dalam mahkamah. Dalam pada itu kita juga mencadangkan supaya penahanan dapat dikurangkan kepada 30 hari iaitu separuh daripada yang ada sekarang ini. Kita percaya bahawa dengan cara perubahan ini sistem kita menggunakan ISA ini adalah lebih rasional dari apa yang ada sekarang ini.

Presepsi negatif terhadap penggunaan ISA sekarang ini adalah disebabkan penahanan orang-orang politik, orang ramai yang hanya menyuarakan perkara-perkara yang boleh diperbincangkan boleh dirundingkan seperti orang ramai yang telah menyuarakan ketidakpuasan hati mereka terhadap toll gate yang dikenakan pada mereka di Jalan Raya Cheras. Begitu juga dengan penahanan orang-orang dari negeri Sabah yang telah menimbulkan hanya mengenai dengan perkara 20-point asas pembentukan Malaysia dari Sabah yang telah disalahangap.

Kami berharap dengan tujuan untuk memperbaiki keadaan perhubungan kerjasama dan detni untuk mencapai matlamat perpaduan negara serta meninggikan imej Malaysia lagi agar kesemua tahanan-tahanan ISA itu dibebaskan jika sekiranya mereka tidak dihadapkan ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan ini dan dengan hati yang tulus ikhlas, saya mengakhiri ucapan saya dengan sokongan kami terhadap usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai dengan RRJP2 dan DPB. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Alor Setar.

5.28ptg.

Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan dalam Dewan yang mulia ini untuk mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua atau pendeknya RRJP2 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 17.6.1991.

Selepas meneliti kandungan RRJP2 yang berasas daripada Dasar Pembangunan Baru yang ditetapkan di dalam Kertas Perintah Bil. 8/91, saya dengan sukacitanya mcmbrri sokongan atas pembentangan RRJP 2 ini, tetapi saya ingin di samping itu menarik perhatian Kerajaan kita tentang beberapa perkara yang dianggap amat penting khususnya mengenai dasar bertujuan menyelesaikan ketidakseimbangan sosio-ekonomi yang dihadapi oleh setengah kalangan masyarakat kita dan juga cara-cara implimentasi cadangan di bawah RRJP2.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita semua sedia maklum Dasar Ekonomi Baru atau DEB, walaupun telah tamat pada hujung tahun 1990 boleh dikatakan telah berjaya dan mencapai scbahagian besar objektifnya. Jika dipandang dari sudut rakyat Bumiputera dalam tempoh masa 10 tahun sejak DEB dilancarkan usaha oleh Kerajaan melalui socio-ekonomik engineering, dengan izin, ia telah dengan berjaya mewujudkan pengagihan kekayaan yang lebih saksama antara kaum dan golongan di dalam pelbagai masyarakat.

DEB telah mencapai matlamatnya dalam membasmiikan kemiskinan khususnya di kalangan kaum Bumiputera DEB juga berjaya menyusun semula hakmilik modal saham dalam sektor korporat aiaupun dengan izin, corporat wealth iaitu pemilikan dan penguasaan bumiputera khususnya dalam sektor perdagangan dan perindustrian telah mencapai kejayaan yang besar.

Peningkatan daripada 2.4% pada tahun 1970 kepada 20.3% pada lahun 1990 adalah satu pencapaian yang boleh dikatakan amat membanggakan. Saya percaya dengan pelancaran RRJP2 yang mana Kerajaan kita akan melalui segala daya-usaha membangunkan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, maka ini akan meningkatkan lagi pemilikan modal dan

penguasaan bumiputera dalam semua sektor perdagangan termasuk korporat. Saya percaya tidak lama lagi peningkatan dari segi peratusan mestilah melebihi 30 %.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang rakyat bukan bumiputera di dalam negara kita, saya tetap menerima hasrat Kerajaan kita iaitu memberi berbagai pertolongan, bantuan dan lain-lain untuk menolong kaum bumiputera. Ini adalah selaras dengan objektif untuk mewujudkan suatu masyarakat yang bersatu-padu, aman damai dan yang mana masyarakat yang terdiri daripada berbilang kaum dapat bekerjasama.

Saya memang menerima ini sebagai satu realiti jika sebuah masyarakat majmuk seperti negara kita akan maju demi mencapai kemajuan yang di-harapkan pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, RRJP2 telah menunjukkan bahawa walaupun kepentingan kaum bumiputera dalam beberapa aspek tetap diberikan perlindungan atau pertolongan, tetapi kepentingan dan kemajuan kaum bukan bumiputera juga harus kita mempertahankan. Janganlah kita memberi pandangan yang serius terhadap satu kaum sahaja, sedangkan kaum-kaum yang lain akan terjejas. Kita juga harus mengingatkan bahawa kejayaan DE8 adalah kerana kaum bukan bumiputera di negara kita telah memainkan peranan yang amat penting sebab mereka menerima secara realiti betapa pentingnya mewujudkan satu masyarakat yang berpakat dan bekerjasama untuk kebaikan semua. Oleh yang demikian, Kerajaan kita juga harus mencari jalan untuk menyelesaikan ketidakseimbangan sosio-ekonomi yang dihadapi oleh kaum bukan-bumiputera.

Menurut RRJP2, penyertaan kaum bukan bumiputera dalam sektor-sektor tertentu seperti pertanian, pembangunan

tanah dan perkhidmatan Kerajaan adalah masih kecil berbanding dengan peratusan jumlah penduduk mereka di negara ini. Kerajaan kita juga harus mengambil tindakan cepat dan keras supaya ketidakseimbangan ini diperbetulkan, memandangkan golongan-golongan bukan bumiputera masih jauh ketinggalan dalam beberapa bidang tersebut. Sebenarnya matlamat penyusunan semula penyertaan dan gunatenaga mesti memastikan supaya corak penyertaan dan gunatenaga di semua sektor, bidang dan pekerjaan dalam negara kita mencerminkan komposisi berbagai kumpulan etnik.

Tuan Yang di-Pertua, RRJP2 juga menyebut bahawa dengan pelaksanaan program penswastaan peluang akan diberikan kepada kaum bukan bumiputera untuk menyertai projek-projek yang diswastakan dan untuk memiliki saham dalam projek-projek tersebut. Memandangkan kita semua mempunyai komitmen untuk membetulkan ketidakseimbangan dalam bidang-bidang yang saya sebut tadi, saya ingin bertanya kepada Kerajaan kita sama ada Kerajaan mempunyai program yang spesifik ataupun melalui cara apa kaum bukan bumiputera akan diberi peluang menyertai di sektor pertanian dan di sektor perkhidmatan awam sebab dalam dua sektor ini situasi pada masa ini adalah sangat ketara. Adakah kaum bukan bumiputera diberi peluang untuk menyertai skim PELDA atau PELCRA? Apakah formula yang akan diikuti oleh Kerajaan untuk membahagikan peluang kepada kaum bukan bumiputera dalam program penswastaan?

Dari segi aspek lain-pula, buat masa ini saya percaya institusi-institusi pengajian tinggal di negar kita sebanyak 7 buah masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan bilangan 1.5 juta penuntut sekolah menengah. Kita harus pandang berat sebab pendidikan adalah satu perkara yang amat penting dalam negara kita. Memang tidak dapat dinafikan betapa susahnyanya bagi ibu bapa

kepada anak-anak yang tidak dapat memasuki universiti ataupun institusi pengajian tinggi tempatan, terpaksa menghantarkan anak mereka ke luar negeri untuk mendapat pendidikan tinggi, dengan izin, tertiary education. Sebenarnya, Kerajaan kita harus menggalakkan maktab-maktab swasta kita yang sedia ada untuk mengadakan lebih banyak twinning programme, dengan izin, dengan universiti-universiti luar negeri. Mungkin sudah tiba masanya untuk Kerajaan kita menubuhkan universiti terbuka atau dengan izin, open university. Saya difahamkan Kerajaan kita telah berjanji untuk mengadakan universiti terbuka tetapi sehingga hari ini masih tidak ada cadangan yang konkrit.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai peringatan, segala usaha yang diambil oleh Kerajaan kita dalam kajian RRJP2 akan menjadi sia-sia sahaja jika cara-cara implementasi, objektifnya tidak dijalankan dengan licin, adil dan teratur. Pendek kata, semua langkah yang diambil di bawah RRJP2 mestilah diimplementasikan dengan keadilan dan kesaksamaan di semua peringkat, barulah rakyat negara kita yang terdiri dari berbilang kaum dapat menerima manfaatnya. Saya harap Kerajaan kita akan senantiasa mengawasi semua peringkat implementasi kerja-kerja di bawah RRJP2 supaya ianya berjaya dilaksanakan dan di samping itu saya juga ingin memperingatkan bahawa Kerajaan kita juga harus memberi perhatian kepada kaum-kaum bukan bumiputera dalam beberapa sektor dan bidang saya sebutkan, sebab dalam beberapa sektor yang saya sebutkan tadi memang kaum bukan bumiputera adalah jauh ketinggalan lagi. Dengan itu, saya dengan penuh sukacita menyokong pembentangan RRJP2. Sekian, terima kasih.

Timbalan **Yang** di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong.

5.35 *ptg.*

Tuan Ruhanie bin Ahmad (Parit Sulong): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Perdana Menteri yang telah melahirkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) bagi tempoh 1991-2000 yang berlandaskan Dasar Pembangunan Baru sebagaimana yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini dua hari yang lalu.

Di dalam menyokong usul ini saya berharap perkataan "Baru" bagi Dasar Pembangunan Baru ini akan ditukarkan kepada perkataan "Kebangsaan" supaya dasar tersebut dikenali sebagai Dasar Pembangunan Kebangsaan. Penukaran ini adalah wajar kerana seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Isnin lalu, RRJP2 ini sebenarnya telah digubal berasaskan kepada satu dasar pembangunan yang akan terus mengekalkan strategi asas Dasar Ekonomi Baru. Landasan kepada RRJP2 ini wajar dikenali sebagai Dasar Pembangunan Kebangsaan kerana dasar yang memang matang lagi futuristik ini sebenarnya memang telah diwujudkan atas satu matlamat yang lama iaitu menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih bersatupadu menerusi pembasmian kemiskinan serta penyusunan semula masyarakat.

Mungkin ada pihak yang akan bertanya apa pentingnya pada nama. Kepada saya dasar ini penting dinamakan Dasar Pembangunan Kebangsaan kerana ia merupakan sambungan dan penyesuaian kepada Dasar Ekonomi Baru yang kini diberi nafas baru, dimensi baru, perspektif baru serta penekanan baru semata-mata kerana segala pembaruan ini adalah perlu kepada perubahan struktur sosio-ekonomi Malaysia di tahun 2020 kelak.

Tuan Yang di-Pertua, RRJP2 dan Dasar Pembangunan Kebangsaan ini tidak harus disifatkan oleh mana-mana

pihak sekali pun sebagai satu gagasan pembangunan sosio-ekonomi yang digubal khusus untuk segolongan masyarakat jelata Malaysia sahaja. RRJP 2 dan Dasar Pembangunan Kebangsaan adalah milik seluruh rakyat jelata, termasuk pihak pembangkang yang memang selama ini sentiasa mengkritik setiap dasar Kerajaan, seolah-olah menerusi kaca mata negatif demi kepentingan politik yang nampaknya sempit coraknya.

Oleh itu jika terdapat kenyataan di Dewan yang mulia ini bahawa RRJP 2 hanya akan menjadi rancangan segelintir pemimpin dan bukannya untuk seluruh rakyat Malaysia, kenyataan itu adalah manifestasi kepada negatifnya kaca mata politik pembangkang berkenaan. Kenyataan seperti di atas mencerminkan rasional pemikiran setengah pihak Pembangkang yang kurang rapi dan bermatlamat hanya untuk mengelirukan rakyat jelata. Kenyataan ini juga nampaknya cuba menutup segala dosa-dosa politik pihak Pembangkang yang berkenaan yang bertindak keluar dari Majlis Perundangan Negara (MPEN) pada peringkat separuh jalan di mana tindakan itu boleh disifatkan sebagai pengkhianatan kepada ahli serta penyokong-penyokong parti Pembangkang berkenaan.

Isnin lalu seorang Ahli Pembangkang cuba merasionalkan tanggapan bahawa RRJP 2 ini bukannya untuk semua rakyat kerana katanya rakyat Malaysia keseluruhannya, malahan Wakil Rakyat mereka di Parlimen telah dinafikan peluang untuk memberi sumbangan kepada penggubalan peringkat akhirnya. Berlandaskan rasional yang sedemikian, Wakil Pembangkang itu pun mengatakan bahawa RRJP 2 tidak mempunyai kedudukan yang sah dan kredibiliti sebagai hasil persetujuan negara dari berbagai lapisan masyarakat dan rakyat Malaysia,

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini izinkan saya bertanya kepada pihak Pembangkang berkenaan, siapakah yang sebenarnya yang telah menafikan peluang beliau untuk memberi sumbangan kepada penggubalan RRJP 2 ini di peringkat akhirnya. Menurut Laporan MPEN, 5 orang wakil sebuah parti Pembangkang termasuk Setiausaha Agongnya telah menanggukkan penyertaan mereka di dalam Majlis Perundangan Ekonomi Negara itu pada 21hb Ogos, 1989. Tidakkah ini jelas bermakna bahawa pihak Pembangkang itu sendirilah yang telah menafikan peluang partinya dari memberi sumbangan dalam penggubalan RRJP 2 di peringkat akhirnya? Kalaulah begitu hakikat yang sebenarnya, saya yakin rakyat jelata akan terus menolak pemimpin Pembangkang seperti ini. Kalau begitulah juga hakikat yang sebenarnya, saya juga yakin bahawa parti yang diwakilinya tidak akan berpeluang walau sekalipun untuk memerintah Malaysia yang mempunyai rakyat yang berfikiran luas dan matang. Maka berdasarkan hakikat di atas juga, saya yakin rakyat jelata tidak akan mudah dipesongkan oleh mana-mana pihak Pembangkang yang memang sering kelihatan berdolak-dalik dan sering mencanggahi segala apa yang dikatakan dengan segala apa yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan ini dua hari lalu, RRJP 2 ini sebenarnya telah digubal hasil dari analisis yang menyeluruh oleh berbagai kumpulan di Malaysia termasuk sektor swasta dan Majlis Perundangan Ekonomi Negara. Ini adalah bukti bahawa RRJP 2 dan Dasar Pembangunan Kebangsaan adalah hasil pemikiran dan keputusan bersama rakyat jelata. MPEN sendiri contohnya adalah satu badan yang mewakili berbagai pertubuhan dan orang perseorangan termasuk parti politik dan

Pembangking, peniaga, ahli akademik, ahli bank, peguam, kesatuan sekerja, petani, pergerakan pengguna, nelayan dan penjaja serta wakil-wakil kumpulan minoriti seperti masyarakat Orang Asli, Portugis, Sikh, Sri Lankan, Serani dan Thai. Jika ada pihak yang menarik diri dari MPEN, ini tidak bermakna mereka tidak diberi peluang bersuara. Tindakan itu pastinya lebih bermotifkan politik anii Kerajaan Barisan Nasional.

Maka sekali lagi, saya tegaskan bahawa adalah satu pembohongan, adalah satu penipuan dan adalah satu pemutarbelitan fakta jika terdapat pihak yang berani berkata di Dewan yang mulia ini bahawa RRJP 2 dan Dasar Pembangunan Kebangsaan ini adalah tidak mewakili seluruh rakyat jelata dan tidak pula mencerminkan kepentingan Melayu sebagaimana yang dilindungi oleh Perlembagaan. Pihak-pihak seperti ini adalah pihak yang bertindak untuk merosakkan kredibiliti rakyat jelata dan pihak yang bertindak untuk mencemarkan kredibiliti Dewan yang mulia ini. Pihak-pihak seperti inilah yang selalunya berusaha untuk, dengan izin, subvert the hearts and minds, ataupun berusaha untuk meracuni dan merosakkan jiwa serta pemikiran rakyat jelata ke arah perpecahan dan keporak-purandaan. Semangat Perlembagaan atau semangat Kemerdekaan yang dipupuk atas landasan dan hakikat keunggulan Melayu, atas hakikat toleransi dan atas hakikat saling hormat-menghormati antara kaum tidak pernah mahu difahami dan dihayali oleh golongan seperti ini. Semangat Rukunegara yang menjadi wadah kepada perpaduan nasional juga hanya dijadikan perhiasan bibir dan permainan kata-kata pihak seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, RRJP 2 dan Dasar Pembangunan Kebangsaan adalah milik semua. Ia tidak akan berjaya jika masih terdapat golongan yang ragu dan golongan yang memperkecil-kecilkan keluhuran objektifnya. RRJP 2 dan Dasar Pembangunan Kebangsaan juga

akan gagal jika masih terdapat golongan yang sentiasa menafikan bahawa RRJP 2 ini memang telah digubal berpandukan Perlembagaan negara dan juga Rukunegara. Oleh itu saya mendesak seluruh pihak yang nampaknya berusaha memusuhi rancangan serta dasar ini supaya insaf dan sedar bahawa setiap dasar yang digubal berasaskan Perlembagaan dan Rukunegara seperti RRJP 2 dan Dasar Pembangunan Kebangsaan ini adalah satu dasar yang adil, satu dasar yang demokratik demi mewujudkan kesejahteraan bersama.

Hakikat ini adalah selaras dengan rumusan MPEN bahawa Dasar Pembangunan Ekonomi selepas 1990 haruslah digubal dengan satu matlamat utama iaitu bertujuan mengukuhkan lagi perpaduan rakyat Malaysia yang bersatupadu dan berlandaskan identiti Malaysia. MPEN juga berpendapat bahawa dalam usaha untuk mewujudkan identiti nasional yang bersifat Malaysia, kita tidak dapat menolak hakikat sejarah Melayu, agama Islam, Raja-raja Melayu, adat resam dan tradisi Melayu sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Negara.

Tuan Yang di-Perua, perakuan-perakuan MPEN itu memang relevant. Perakuan bahawa perpaduan negara yang menjadi matlamat Dasar Ekonomi Baru dan sekarang ini Dasar Pembangunan Kebangsaan hanya boleh menjadi realiti jika seluruh rakyat jelata sanggup berkorban dan sanggup memikul tanggungjawab serta sanggup berkongsi untung nasib secara bersama, adalah juga real dan practical. Sebab itu jika dalam menentukan pencapaian dan dalam menjayakan RRJP 2 serta Dasar Pembangunan Kebangsaan ini terdapat pihak yang hanya menunjukkan kebijaksanaan mereka menerusi cadangan-cadangan untuk mewujudkan Suruhanjaya Diraja demi Suruhanjaya Diraja, pihak itu bolehlah dikategorikan sebagai satu pihak yang memang nampaknya tidak mahu berkongsi destini, tidak mahu berkongsi masa

depan yang lebih gemilang dan tidak mahu melihat kejayaan RRJP 2 serta Dasar Pembangunan Kebangsaan itu sendiri.

Oleh kerana perpaduan negara dan kejayaan RRJP 2 serta Dasar Pembangunan Kebangsaan ini juga memerlukan pemeliharaan serta pemupukan semangat Perlembagaan, semangat kemerdekaan, serta semangat Rukunegara yang luhur dan jujur, maka jika di dalam proses menjayakan matlamat dasar ini, wujud pihak-pihak yang hanya bijak mengungkit-ungkit soal kuota dan keistimewaan orang Melayu sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan, soal-soal penghijrahan profesional ke negara asing yang kononnya sebagai lambang kegagalan Dasar Kerajaan, serta tuduhan-tuduhankononnya RRJP2 serta Dasar Pembangunan Kebangsaan akan bersifat memecah dan memusnahkan perpaduan nasional, maka wajarlah pihak-pihak yang seperti ini dikategorikan juga sebagai pihak yang kelihatannya mahu menggagalkan perpaduan nasional dan mahu menggagalkan kejayaan RRJP 2.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Negara lahir dari himpunan semangat muafakat dan kefahaman seluruh kaum di Malaysia terhadap hakikat keunggulan Melayu dari perspektif sejarah dan realiti semasa. Perlembagaan Negara juga lahir atas kefahaman serta keinsafan orang Melayu terhadap prinsip-prinsip peaceful coexistence, dengan izin, ataupun prinsip-prinsip mewujudkan kehidupan bersama secara aman dan bahagia di negara ini. Sebab itulah parti-parti yang memperjuangkan kemerdekaan dan parti-parti yang memahami serta menghayali semangat kemerdekaan khususnya parti-parti di dalam keluarga Barisan Nasional tidak pernah bertindak uniuik mengkhianati semangat Perlembagaan yang menggaris bawahkan dasar-dasar utama di negara ini. Namun begitu berikutan peristiwa 13

Mei 1969, semangat Perlembagaan dan semangat kemerdekaan yang telah diperkukuhkan lagi dengan semangat Rukunegara. Hari ini semangat Perlembagaan serta semangat Rukunegara sudah teruji keunggulannya. Maka kedua-duanya pun dipilih oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai asas Wawasan 2020 yang bercita-cita menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan bangsa Malaysia sebagai bangsa yang lebih bersatu-padu, cemerlang lagi bermaruah pada tahun 2020.

Hal ini adalah satu pengiktirafan Kerajaan kepada majoriti rakyat jelata yang sentiasa menghormati, menghayati dan memelihara semangat Perlembagaan serta semangat Rukunegara di dalam mengatur setiap strategi dan tindakan uniuik menggerakkan rentak hidup pembaharuan masing-masing. Bagaimanapun, pengiktirafan Kerajaan terhadap penghormatan, penghayatan serta pemeliharaan semangat Perlembagaan dan semangat Rukunegara ini sehingga kedua-duanya dijadikan wadah kepada Wawasan 2020 bermakna bahawa seluruh rakyat jelata Malaysia mutai hari ini mempunyai dua tugas murni maha berat yang perlu dilaksanakan serta dijayakan secara sereniak.

Pertamanya, rakyat jelata dituntut menjayakan hasrat mengukuhkan lagi perpaduan nasional menerusi pembangunan negara yang berlandaskan semangat Perlembagaan dan Rukunegara. Keduanya, rakyat jelata dituntut menyelesaikan kehendak 9 cabaran utama Wawasan 2020 yang sebenarnya juga berlandaskan prinsip serta semangat Perlembagaan dan Rukunegara.

Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja melaksanakan serta menjayakan kedua-dua tugas di atas secara serentak bukannya satu khayalan dan bukannya semudah mengungkit-ungkit jenis pakaian serta seluar dalam seorang Menteri Kabinet sebagaimana yang telah

dilakukan di Dewan yang mulia ini semalam. Tugas merealisasikan matlamat RRJP2 serta Dasar Pembangunan Kebangsaan dan juga tugas menjadikan Wawasan 2020 satu realiti adalah dua tugas berat yang harus dilaksanakan serentak dan perlu dipikul oleh seluruh rakyat Malaysia sebagai sebuah keluarga yang besar. Tugas ini memerlukan semangat patriotik yang kental. Tugas ini menuntut kesetiaan tulen dan tidak berbelah bagi. Tugas ini juga memerlukan keikhlasan serta kejujuran. Tugas berat ini memerlukan masyarakat Malaysia yang mahu menerima pengamalan demokrasi ala Malaysia secara matang. Namun begitu, tugas berat ini tidak memerlukan kewujudan human rights, dengan izin, ataupun hak asasi insan yang berdasarkan piawai Amerika Syarikat kerana di dalam menjayakan kedua-dua tugas murni ini, kita bukan memperjuangkan dan mempertahankan George Bush tetapi kita menuntut mempertahankan satu negara yang bernama Malaysia dan satu bangsa yang bernama Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana RRJP2 serta Dasar Pembangunan Kebangsaan ini bukan sahaja mengekalkan strategi utama Dasar Ekonomi Baru, malah menggariskan beberapa dimensi baru seperti Cokus kepada pembasmian kemiskinan absolut, dengan izin, dan kemiskinan yang relatif, mewujudkan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera sebagai strategi meningkat dan meneruskan penyertaan bumiputera dalam kegiatan ekonomi negara serta penekanan ke arah pembangunan sumber manusia yang merangkumi sistem nilai dan etika, saya yakin bahawa RRJP2 serta Dasar Pembangunan Kebangsaan ini bukan sahaja boleh berjaya, malah boleh mampu dijadikan penggerak kepada kejayaan Wawasan 2020.

Dalam pada itu, saya berharap segala ikrar untuk menukarkan kampung kepada pekan dan menukarkan pekan

kepada menjadi bandar yang lebih besar sebagaimana yang dicita-citakan oleh pemimpin kita dalam mencapai Wawasan 2020 akan dilaksanakan dengan ikhlas dan jujur. Saya juga berharap agar cita-cita membangunkan generasi remaja dan generasi belia supaya mereka menjadi lebih saintifik, progresif dan kreatif selaras dengan Wawasan 2020 akan dijalankan juga dengan penuh keikhlasan. Pada waktu yang sama, pihak-pihak syarikat akhbar khususnya, saya berharap agar mereka juga turut menyumbangkan peranan ke arah menyediakan generasi belia dan remaja yang akan membeban hidup di zaman-zaman Wawasan 2020. Akhbar-akhbar contohnya, kalau boleh mengurangkan columns, dengan izin, ataupun ruang-ruangan hiburan yang mengkhayalkan dan digantikan ruang-ruangan itu dengan artikel-artikel yang boleh memupuk sikap berdikari, sifat-sifat kepenerokaan dan sifat-sifat kreativiti. Pendeknya akhbar dan media massa harus turut memainkan peranan dalam konteks ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada waktu yang sama, saya berharap pihak Kerajaan akan memperhebatkan lagi peperangannya terhadap dadah kerana dadah terbukti wujud sebagai satu musuh negara yang paling utama. Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, kita mahu mewujudkan generasi belia dan remaja yang bermoral tinggi, yang beretika tinggi. Sebagaimana yang telah dirumuskan oleh MPEN, dadah tnaasih lagi merupakan satu perkara yang membimbangkan. Masalah dadah di kalangan muda-mudi di mana akibatnya ialah pemikiran dan kemampuan intelektual akan menjadi rosak, tubuh badan akan menjadi cacat dan kedudukan ekonomi akan menjadi lemah. Oleh itu perhebatkanlah dan perteruskanlah peperangan kita terhadap dadah.

Namun begitu, oleh kerana Wawasan 2020 yang menjadi matlamat RRJP2 dan Dasar Pembangunan Kebangsaan ini

adalah satu revolusi sikap, revolusi idea, amalan serta tabiat yang menuntut keinsafan dan keterbukaan jiwa, saya yakin ianya akan lebih berjaya jika pihak Pembangkang juga mahu bertindak dengan sepasang mata, jiwa dan hati yang segar ke arah kesejahteraan bersama di masa akan datang.

Akhir sekali, saya menyeru diri saya sendiri dan seluruh rakyat jelata Malaysia supaya mengingatkan kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa pra-syarat penting untuk maju ialah perubahan dalam sistem nilai dan sistem sikap kita kerana malang pasti akan menimpa sesuatu masyarakat yang gagal berubah ataupun terlambat membuat perubahan. Dalam konteks ini, saya akan menjadikan ikrar itu, kata-kata itu sebagai satu ikrar yang luhur. Saya harap seluruh rakyat Malaysia termasuk pihak Pembangkang dan ketuanya juga akan bertindak sedemikian demi menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bayan Baru.

5.58ptg.

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan perasaan yang amat kesal berhubung dengan sikap yang telah ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan mahupun juga anggota-anggota Barisan Nasional, (*Tepuk*) memandang kepada Pembangkang sebagai hanya semata-mata untuk membangkang adalah satu sikap yang negatif. Sepatutnya pihak Kerajaan dan juga pihak Barisan Nasional mahu menerima segala kritikan dan pandangan-pandangan yang telah dilemparkan oleh pihak Pembangkang sebagai satu perkara yang penting untuk

menjadi panduan semasa pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua mahupun Dasar Pembangunan Baru.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar serta akui segala kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru bagi tempoh 1970 hingga ke 1990 selama 20 tahun yang lalu. Kita juga berharap segala kelemahan-kelemahan dan pengalaman-pengalaman di bawah Dasar Ekonomi Baru patut dijadikan asas serta panduan bagi pelaksanaan Dasar Pembangunan Baru.

Oleh sebab RRJP2 tidak menggariskan sebarang jaminan bagi mengelakkan kelemahan-kelemahan dalam DEB dari berulang Ugi, saya merasai bimbang dan khuatir terhadap matlamat RRJP2 ataupun Dasar Pembangunan Baru untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dan juga untuk mencapai tujuan matlamat menyeluruh perpaduan negara dapat dijayakan dengan sempurna. Sekiranya RRJP2 dan DPB dilaksanakan mengikut pendekatan dan sikap negatif sepertimana yang diamalkan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional semasa DEB maka kebanyakan rakyat akan terus menjadi mangsa kepada pembangunan yang telah dan yang akan dirancangkan di bawah Dasar Pembangunan Baru. Walaupun Dasar Bkonomi Baru telah menjanjikan sesuatu yang indah untuk masa hadapan rakyat, sebaliknya apa yang rakyat saksikan adalah gejala-gejala yang kotor, sikap tamak haloba orang-orang yang tidak bertanggungjawab kepada bangsa dan negara. Pada hari ini kita lihat orang-orang yang serupa cuba hendak menjualkan satu slogan yang baru yang merupakan RRJP2 dan Dasar Pembangunan Baru. Bagi saya ini semata-mata adalah slogan Barisan Nasionat untuk mengelirukan rakyat, untuk lagi sekali membawa rakyat menjadi khayal dengan slogan-slogan dan kata-kata yang manis, tetapi

akhirnya apabila pelaksanaannya diulang lagi seperti apa yang berlaku di bawah Dasar Ekonomi Baru, maka ketika itulah rakyat akan sedar bahawa mereka akan tertipu lagi.

Di bawah RRJP2 dan Dasar Pembangunan Baru rakyat jelata tidak ingin melihat lagi amalan-amalan keji seperti penyetewengan melalui penipuan, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan pecah amanah yang berlaku secara sewenang-wenangnya. Jika amalan-amalan terkutuk ini berterusan alamat akan menunjukkan bahawa matlamat Dasar Pembangunan Baru tidak akan mudah tercapai. Yang menjadi mangsa berulang kali tidak lain dan tidak bukan adalah rakyatjelata.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah melihat di bawah Dasar Ekonomi Baru bagaimana orang-orang tertentu yang tamak telah mengambil kesempatan dengan kedudukan dan kuasa yang ada pada mereka dengan menggunakan kedudukan bumiputera dan kuota dan sebagainya untuk menjadi kaya-raya secara segera, lebih jauh mengatasi orang-orang yang ingin mencari sedikit keuntungan melalui skim-skim cepat kaya. Ada yang jadi kaya sekejap, kemudian jatuh semula. Ada yang menjadi bankrap. Dasar Ekonomi Baru telah mencipta golongan-golongan orang kaya baru tanpa tak payah berusaha kuat, tak perlu pengalaman yang luas ataupun pengetahuan yang cukup. Itulah yang kita lihat di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru telah menggalakkan amalan diskriminasi dan penindasan ke atas golongan-golongan bawahan, khususnya kaum pekerja. Golongan-golongan bawahan telah terancam akibat daripada berhagai-bagai projek pembangunan. Oleh kerana kita tidak mampu bersaing dengan pembangunan, maka mereka terpaksa berpindah atau terus hidup dalam keadaan yang lebih sempit.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kita tidak mahu lihat lagi perkara-perkara yang tidak begitu sihat berlaku di bawah Dasar Ekonomi Baru dan kelemahan-kelemahan yang terdapat semasa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu, sebab itulah beberapa orang daripada pihak Pembangkang telah mencadangkan supaya sebuah Suruhanjaya DiRaja yang bebas ditubuhkan bagi memerhatikan ke atas pelaksanaan Dasar Pembangunan Baru.

Saya sendiri ingin mencadangkan bersama-sama dengan yang lain supaya Kerajaan jika ikhlas akan memberi perhatian yang serius bagi menubuhkan sebuah suruhanjaya ini bagi mengelola dan memerhati segala pelaksanaan ke atas Dasar Pembangunan Baru di bawah RRJP2.

Kaum pekerja terbanyak yang berpendapatan rendah menjadi mangsa majikan-majikan yang mengutamakan keuntungan daripada kebajikan kaum pekerja. Walaupun Dasar Ekonomi Baru berjaya mewujudkan pekerjaan di berbagai bidang dan sektor, tetapi ini tidak menjatninkan pendapatan adil kepada kaum pekerja. Majikan telah mengambil kesempatan int untuk mengeksploitasikan tenaga buruh dengan sepenuhnya. Di bidang perindustrian, pekerja wanita telah dieksploitasikan dengan sepenuhnya oleh syarikat-syarikat kepunyaan pelabur-pelabur asing dan inilah kita liluit apa yang berlaku selama ini. Keadaan ini akan berterusan kerana sikap dan dasar Kerajaan begitu bergantung kepada kemasukan pelabur-pelabur asing, malahan Yang Amat Bcrhormat Perdana Menteri dan rombongannya telah berlepas ke luar negeri lagi sekali tanpa memberi penghormatan kepada sidang Parlimen yang begitu penting yang sedang diadakan sekarang semata-mata untuk mencari pelaburan. Inilah yang akan dihadapi oleh kaum pekerja di negara ini di masa hadapan yang mana kehidupan mereka lebih tergantung kepada

keupayaan pelabur-pelabur asing yang datang melabur di negara ini dan mereka akan menjadi alat bagi pelabur-pelabur asing yang datang ke negara ini semata-mata untuk mencari keuntungan lebih daripada apa yang kita harapkan untuk memelihara kepentingan kaum pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bahawa RRJP2 dan Dasar Pembangunan Baru ini lebih menguntungkan kaum kapitalis. Saya tidak nampak di mana tempat sekalipun walaupun dilihat secara indah dari segi kata-kata, ia tidak ada menjanjikan sesuatu kepada rakyat jelata sama ada mereka yang tinggal di bandar mahupun di luar bandar, sama ada mereka yang bekerja sendiri ataupun yang makan upah. Apa yang kita lihat ialah jaminan-jaminan tertentu yang diuntukkan bagi pelabur-pelabur asing ataupun kaum kapitalis.

Walaupun RRJP2 menjanjikan berbagai perancangan untuk memajukan rakyat, pada hakikatnya ia lebih menguntungkan kaum kapitalis. Kerajaan merancang untuk memberi segala galakan serta kemudahan, menjamin mereka keuntungan dan juga ketenteraman perusahaan. Kerajaan menghalang kebebasan kaum pekerja untuk menyusun diri secara yang berkesan untuk semata-matanya melindungi kepentingan dan kebajikan kaum kapitalis. Sesungguhnya Kerajaan membiarkan syarikat-syarikat kepunyaan pelabur asing menghalang usaha-usaha penubuhan kesatuan sekerja di beberapa kilang-kilang yang menjadi kepunyaan pelabur-pelabur asing. Pekerja-pekerja telah diperalatkan oleh pelabur-pelabur asing semata-mata untuk membuat keuntungan yang besar. Pembangunan industri import kepunyaan pelabur-pelabur asing pada jangka panjang tidak akan memberi jaminan keselamatan daripada Kerajaan kepada rakyat di negara ini. Pelabur-pelabur asing datang ke sini untuk berniaga, bukan kerana

untuk membela nasib kaum pekerja di negara ini. Apabila tidak ada lagi keuntungan yang mereka boleh meraih daripada negara ini mereka akan berpindah dan pada ketika itulah kita akan lihat bagaimanakah kedudukan kaum-kaum pekerja yang bekerja dengan kilang-kilang kepunyaan pelabur-pelabur asing.

Saya berasa kesal kerana Kerajaan begitu memberi penekanan kepada membiak syarikat-syarikat kepunyaan pelabur asing, Apakah kita hendak jual negara kita secara bentuk baru kepada suatu kuasa asing? Kalau dahulu kita menuntut kemerdekaan, kita mahu berdikari, tetapi pada hari ini jangan dengan cara yang tidak disedari kita sedang menjual negara kita dan mengharapkan bergantung hidup kepada negara-negara asing melalui pelaburan-pelaburan yang begitu luas dibuat di negara kita. Saya berharap Kerajaan akan mengkaji semula tentang usaha-usaha yang begitu luas untuk membawa pelabur-pelabur asing ke negara ini. Kita tidak mahu negara kita penuh dengan kilang-kilang yang membawa besi buruk untuk didirikan di sini semata-mata kerana kita hendak mewujudkan pekerjaan bagi rakyat kita. Sebaliknya, apa yang kita lihat, rakyat kita akan menjadi mangsa diperalatkan semata-mata untuk kepentingan mereka yang datang daripada luar.

Tuan Yang di-Pertua, dasar ekonomi yang amat penting bagi rakyat di negara ini adalah satu dasar yang boleh membawa keuntungan kepada rakyat. Satu dasar yang akan menyeimbangkan pulangan yang adil sama ada kepada pemodal ataupun kepada pekerja-pekerja sebagai rakyat di negara ini. Disebabkan kebanyakan rakyat di negara ini berganiung pendapatan mereka dari sumber-sumber upah, maka inilah yang menjadi asas untuk Kerajaan melihat dengan secara serius bagi memperbaiki keadaan sosio ekonomi rakyat di negara ini. Tanpa memberi penekanan dan

pandangan yang serius bagi membetulkan perseimbangan pengagihan ekonomi kepada pihak pemodal dan juga rakyat yang bekerja, yang makan upah, maka selama itulah dasar ekonomi, apa juga yang dipertengahan oleh Kerajaan Barisan Nasional akhirnya akan rugi rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah diperkatakan, memang kita terpaksa akui bahawa kekayaan negara ini hanya dikuasai ataupun dimonopoli oleh segelintir rakyat di negara ini. Jurang pendapatan antara golongan pendapatan tinggi dan yang rendah semakin lebar. Keadaan ini amat ketara kerana 40 daripada rakyat negara ini hanya mempunyai 14.5% daripada pendapatan negara sedangkan 20% rakyat dapat menguasai pendapatan sebanyak 50.3% dan perbezaan jurang pendapatan ini akan bertambah luas jika sekiranya Kerajaan tidak mengambil keputusan secara yang serius bagi menentukan jurang pendapatan ini dapat kiiia rapatkan.

Petunjuk perangkaan pendapatan isirumah secara purata tidak boleh diterima sepenuhnya kerana ini tidak melambangkan keadaan hidup rakyat bawahan yang sebenar. Apa juga perangkaan yang telah dicadangkan oleh pihak-pihak Kerajaan secara rasmi itu hanya untuk kita melihat dan membuat kajian, tetapi keadaan yang sebenarnya kedudukan rakyat jelata rakyat bawahan tidak boleh dicerminkan dengan perangkaan-perangkaan yang lelah ditunjukkan itu. Daripada apa yang dapat dilihat dengan jelas, golongan mewah adalah terdiri daripada golongan-golongan korporat, peniaga-peniaga besar, pelabur-pelabur besar dan orang-orang politik yang berkuasa dan juga sahabat-sahabat mereka. Inilah yang kita dapat lihat pada hari-hari.

Tetapi bagi mereka yang makan gaji, bekerja atau makan upah, kita boleh lihat dengan keadaan seharian, golongan inilah satu golongan yang memang

menghadapi masalah hidup scharian. Rakyat kebanyakan termasuk yang miskin dan yang termiskin bergantung hidup kepada maia pencarian sendiri dan kebanyakan melalui pendapatan dari sumber upah. Disebabkan keadaan inilah ia juga melibatkan kedudukan taraf sosio ekonomi pihak-pihak yang lain seperti peniaga-peniaga kecil, pengusaha-pengusaha kecil dan ini semua terlibal kerana keadaan upah yang tidak sebegitu berpatutan dan adil supaya wang dapat dibelanja dan mereka yang berniaga dapat hasil yang lebih daripada apa yang patut.

Walaupun Kerajaan merancang untuk meningkatkan taraf pendidikan dan latihan seperti mana yang terangkum dalam RRJP2, saya berani mengatakan bahawa ini tidak akan menjamin pekerja-pekerja akan dapat meningkatkan pendapatan mereka. Walaupun ia disebut, di bawah Dasar Ekonomi Baru dahulu pun disebut, tiap-tiap kali disebut Kerajaan akan berusaha sejak 20 tahun yang lalu akan meningkatkan taraf hidup kaum pekerja melalui meningkatkan pendapatan mereka.

Kitatidakmahumelihat rakyat-rakyat kita begitu terpelajar daripada segi pendidikan dan terlatih dengan segala kemahiran, ia akan menjadi keadaan seperti negara-negara yang lain di mana sehinggakan golongan profesional pun lidak boleh hidup seperti mana taraf hidup yang kita harapkan. Inilah yang kita lihat di negara kita ini dan ini tidak akan menjamin kalau kita lengkapkan gunatenaga kila secara yang berdisiplin, secara yang berdedikasi, secara yang produktif dan ini bagi saya tidak akan mcnjamin bahawa pekerja-pekerja itu akan mendapat pendapatan yang adil jika sekiranya Kerajaan tidak ikhlas bagi membantu pekerja-pekerja kita meningkatkan pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, masalah utama yang dihadapi oleh rakyat berhubung dengan kedudukan sosio-ekonomi sebenarnya ialah masalah upah yang

begitu rendah. Saya suka memberi penekanan ini sebab inilah punca yang saya lihat, punca atau asas yang membawa kepada keadaan masalah sosio ekonomi pada keseluruhannya.

Kita tidak ada sistem upah di negara ini. Bayaran-bayaran upah yang ada sama ada dalam sektor awam mahupun sektor swasta adalah dilaksanakan mengikut kehendak budi bicara mereka yang menjadi majikan-majikan, termasuk Kerajaan sebagai majikan yang terbesar. Upah ataupun gaji yang dibayar tidak mencerminkan kos sara hidup yang sebenar, lebih-lebih lagi dalam RRJP Kerajaan telah membayangkan bahawa satu sistem akan diperkenalkan berasaskan yang dikaitkan dengan produktiviti. Saya tidak lihat bahawa produktiviti itu dapat menjamin satu keadaan ataupun kadar gaji atau upah yang munasabah selagi Kerajaan dan majikan-majikan yang ada di dalam sektor swasta tidak begitu jujur untuk melaksanakan satu sistem upah yang adil, yang saksama, yang akan memberi manfaat dalam membangun sosio-ekonomi rakyat di negara ini.

Dalam kita belum ada sistem, Kerajaan cuba untuk memberi perlindungan kepada pihak majikan ataupun pelabur-pelabur supaya gaji dikaitkan dengan produktiviti. Kalau produktiviti rendah maka gaji pun rendah. Kalau produktiviti meningkat kononnya gaji akan meningkat. Apakah ini akan menjadi ukuran yang sebenar? Adakah majikan-majikan itu malaikat? Apakah kemampuan pekerja terutamanya yang tidak berkesatuan untuk mengetahui sama ada sesebuah syarikat itu benar-benar jujur tentang ukuran produktiviti yang telah berlaku di dalam sesebuah syarikat.

Kaum pekerja sepertimana masa yang lalu dan masa akan datang mereka lebih terdedah kepada kehendak dan budibicara majikan-majikan. Kaum pekerja yang mempunyai kesatuan

sekerja berhempas pulas untuk menuntut supaya mereka mendapat gaji yang adil. Mereka yang bekerja di ladang berpuluh-puluh tahun mengambil masa untuk menuntut supaya mereka dibayar gaji bulanan. Adakah semasa negara menghadapi hasil yang lumayan dari pengeksporan getah atau kelapa sawit, pekerja-pekerja di ladang mendapat upah mengikut produktiviti?

Setiap kali bercakap pasal upah, memang pekerja-pekerja tidak mendapat keadilan yang saksama. Dan Kerajaan pun tidak mengambil satu tindakan tertentu untuk menentukan bahawa bidang-bidang yang meningkatkan produktiviti mengeluarkan upah yang sewajar, yang saksamanya mengikut produktiviti. Ini yang kita lihat di masa yang lalu. Dan sekarang di bawah Dasar Pembangunan Baru kita bercakap tentang produktiviti. Ini bukan perkara baru. Mungkin Kerajaan menggunakan kata-kata untuk mewujudkan satu sistem tetapi sistem ini tidak akan membawa faedah kepada kaum pekerja, rakyat di negara ini selagi Kerajaan tidak ikhlas untuk mewujudkan satu dasar upah minimum yang mencerminkan kos sara hidup sebenar di negara ini. Sama ada kaum pekerja yang bekerja di dalam sektor awam mahupun di dalam sektor swasta mereka perlu diberi gaji dan upah yang mencerminkan kos sara hidup—upah minimum.

Kita tidak mahu melihat ada orang makan gaji atau upah yang menerima gaji S20.000-S30.000 sebulan terutamanya mereka di dalam bidang korporat. Bukan gaji, upah lagi itu! Mewah, lebih daripada gaji. Sebulan gaji boleh hidup setahun! Itu dipanggil gaji juga upah. Dan ada yang menerima gaji yang tahu tidak cukup tetapi dikatakan itu gaji yang cukup untuk menyara keluarga mereka sama ada yang tinggal di bandar yang besar mahupun di bandar yang kecil. Dan ini kita lihat Kerajaan tidak ikhlas. Sama ada yang besar, yang bawah mereka juga makan upah. Mereka adalah sama ada kakitangan

perkhidmatan awam mahupun yang bekerja di kilang-kilang. Apakah begitu penting memberikan insentif yang besar-besaran kepada mereka kerana kepentingan korporat, kepentingan syarikat sedangkan kaum pekerja bawahan, rakyat yang terbanyak hidup dalam keadaan yang menderita. Inilah satu keadaan yang sedih.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengulangi permintaan sebelum Kerajaan melaksanakan sistem upah yang dihubungkan dengan produktiviti, lolong. Kalau Kerajaan ikhlas, tolonglah laksanakan dasar gaji minimum bagi kaum pekerja di negara ini. Dan kemudian selepas itu kita ukur secara produktiviti. Produktiviti tinggi maka gaji naik. Kalau produktiviti menurun sekurang-kurangnya kehidupan pekerja dan rakyat di negara ini terjamin dengan kedudukan dasar gaji minimum yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuhkan matlamat Kerajaan untuk mewujudkan perpaduan negara. Sepertimana yang saya katakan tadi Wawasan 2020 merupakan satu slogan Kerajaan Barisan Nasional. Ia tidak melambangkan keikhlasan Barisan Nasional untuk mewujudkan perpaduan negara yang sebenar. Kalau Kerajaan Barisan Nasional benar-benar ikhlas, jujur untuk melihat perpaduan negara saya ingin meminta di sini:

Yang pertama, Kerajaan mesti menghapuskan segala pengenalan warganegara Malaysia mengikut kaum dan memperkenalkan kita sebagai rakyat Malaysia. Kita tidak mahu lagi diperkenal sebagai orang Melayu, orang Cina atau orang India. Kalau itu yang betul-betul Kerajaan bercakap tentang perpaduan; kita bercakap ini 20 tahun. Walaupun saya seorang bangsa Melayu, kita tidak boleh jadi hipokrit dalam apa yang kita cakap. Kita bercakap lain, kita buat lain. Kita tidak ikhlas.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Arau bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Pcnjelasan.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya tidak beri jalan. Duduk dekat luar. Dekat luar kita cakap. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat hipokrit.....

Tuan Ahmad bin Nor: Dekat luar kita cakap. Saya tidak beri jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Gaji Yang Berhormat daripada Kesatuan Sckcrja \$6,000.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Arau, dia tidak beri jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tetapi Yang Berhormat memperjuangkan hak gaji minimum pekerja. Adakah Yang Berhormat berkehendakkan pekerja dapat gaji \$6,000?

Tuan Lim Guan Eng: Duduklah, patuh Peraturan Mesyuarat!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kota Melaka.....

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya Kerajaan Barisan Nasional ikhlas tentang mahu mewujudkan perpaduan negara yang sebenar inilah satu cara yang mana kita boleh berasa bangga dengan Barisan Nasional. Jika tidak, boleh cakap lagi 20 tahun, keadaan pun sama. Kerana bagi saya Wawasan 2020 ini semata-mata untuk kepentingan politik Barisan Nasional bagi mengekalkan kuasa di negara ini. (*Tepuk*)

Yang kedua, saya rasa segala dasar ekonomi bagi negara kita jika hendak digubal, eloklah kita berhenti menggunakan soal kaum sebagai satu cara pelaksanaan dasar ekonomi dan kerana ini saya rasa perkara yang tidak benar. Bagi saya, apa yang saya lihat pada hari ini bukan masalah kaum. Perpaduan kaum tulak boleh dibuat dengan rancangan ekonomi tetapi sebenarnya apa yang berlaku pada hari ini kita adalah sedang menghadapi masalah kelas dalam negara ini—antara yang miskin dan yang kaya. (*Tepuk*) Pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional cuba hendak mengabui pemikiran rakyat dengan membawa isu-isu perkauman dalam membincangkan soal ekonomi negara. Dan saya rasa penipuan seumpama ini tidak boleh berpanjangan, kalau Barisan Nasional benar-benar mahu melihat perpaduan negara. Selagi pemimpin UMNO pergi ke kampung bercakap tentang UMNO berjuang untuk orang Melayu, MIC berjuang untuk orang India, MCA berjuang untuk orang Cina; inilah menunjukkan betapa ketidak-jujurannya Barisan Nasional terhadap usaha untuk mewujudkan perpaduan negara.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan

Tuan Ahmad bin Nor: Tidak payah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidakberjalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Berapa orang, orang Melayu yang ada dalam DAP? Berapa orang, orang Melayu dalam DAP dibandingkan dengan Barisan Nasional? (*Disampuk*) Bayan Baru, jawab pertanyaan saya! Berapa orang, orang Melayu yang ada dalam DAP? Itu yang duduk bercakap itu. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Arau, sila duduk!

Tuan Shahidan bin Kassim: Berapa orang? (*Disampuk*) Berapa duit yang Yang Berhormat ini dibayar untuk bercakap ini?

Tuan Ahmad bin Nor: Saya tidak bcri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia tidak beri jalan. Satu minit lagi.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya cuba habiskan. Dalam perkara-perkara khusus.....

Tuan Shahidan bin Kassim: Berapa upah DAP bayar kepada Yang Berhormat unluk bercakap? (*Disampuk*) Upah minimumlah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Hari Mahiruddin): Yang Berhormat dari Arau, sila duduk! Dia tidak beri jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat ini umpama ayam sabung sahaja.

Tuan Ahmad bin Nor: Kita akui bahawa dalam hal-hal yang khusus supaya kita dapat menseimbangkan kedudukan seperti penyertaan dalam guna tenaga yang mana amat ketara tidak mencerminkan komposisi kaum yang adil. Seperti dalam perkhidmatan awam, bidang pertanian di mana terdapat kekurangan kaum-kaum yang dikatakan bukan bumiputera.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Menunjukkan buku*) Yang Berhormat baca alau tidak buku ini?

Beberapa Ahli: Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah tamat untuk hari ini. Habis. Jam sudah 6.30 petang.

Tuan Ahmad bin Nor: Bolch sambung esok?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bolch.

Tuan Ahmad bin Nor: Terima kasih.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Muhamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

MAJLIS PERUNDINGAN MAJLIS-MAJLIS KERAJAAN TEMPATAN NEGARA—MENAIKKAN CUKAI PENILAIAN

6 31 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan-kerajaan Tempatan memainkan peranan yang amat penting di kalangan rakyat. Seperti yang sedia dimaklumkan oleh Dewan yang mulia ini Kerajaan merupakan rangkaian ketiga pentadbiran Kerajaan. Yang pertama, adalah Kerajaan Pusat kemudian diikuti oleh Kerajaan Negeri dan selepas itu Kerajaan Tempatan. Sungguhpun ia berada dalam tahap yang terbawah sekali untuk pentadbiran negara kita, ia mempunyai pengaruh yang terbesar sekali dalam kehidupan harian setiap orang. Ini adalah kerana ia

berlanggungjawab ke atas perkara asas setiap penduduk seperti pemungutan sampah-sarah, kebersihan, lesen perniagaan, jalanraya, longkang dan pembinaan rumah.

Justeru itu prestasi dan peranan Kerajaan Tempatan tidak diberikan perhatian serius yang sewajarnya. Ini adalah kerana Ahli-ahli Majlis Kerajaan Tempatan tidak dipilih oleh rakyat seperti masa lampau, tetapi diuruskan oleh politikus-politikus Barisan Nasional dilantik oleh Kerajaan.

Penubuhan Majlis Kebangsaan secara tidak demokratik inilah yang mengakibatkan layanan dan perkhidmatan yang tidak memuaskan pada penduduk yang menyara hidup mereka menerusi bayaran cukai penilaian. Justeru itu saya ingin menentang syor Majlis Perundingan Majlis-majlis Kerajaan Tempatan Negara menaikkan cukai penilaian sekurang-kurangnya 20% dengan sebab-sebab di bawah ini:

- (i) perkhidmatan asas yang kurang memuaskan.
- (n) wang digunakan untuk hal-hal yang sia-sia atau tidak berfaedah seperti membeli kereta mewah dan membolehkan Ahli-ahli Majlis Kerajaan Tempatan makan angin di luar negeri.
- (iii) sikap tidak bertanggungjawab dan unaccountable, dengan izin, kerana mereka tidak perlu dipilih oleh rakyat; dan
- (iv) beban berat yang perlu ditanggung oleh penduduk tanpa memperolehi sebarang mantaat.

Tuan Yang di-Pertua, kesemuanya ini boleh ditunjukkan oleh prestasi Majlis Perbandaran Melaka, Bandaraya bersejarah. Yang saya ingin menjadikannya sebagai satu contoh untuk semua Kerajaan Tempatan:

Sampah-sarap tidak dipungut di taman perumahan, malahan berhampiran di pasar sampah-sarap bertimbun dengan begitu busuk sekali. Longkang-longkang tidak dibersihkan dan tidak dinaikkan taraf mengakibatkan banjir yang menyusahkan rakyat, jalanraya juga diabaikan dan terus menjadi becak. Kesemua ini adalah dari sebuah Bandaraya yang digelar sebagai Bandaraya yang terbersih di Malaysia. Cuba bayangkan betapa teruk lagi keadaan di Bandaraya-bandaraya yang lain. Apa gunanya menaikkan cukai penilaian bila ia digunakan untuk hal-hal yang sia-sia dan tidak berfaedah seperti membeli kereta mewah Mercedes 200E berharga \$100,000 untuk Timbalan Yang Di-Pertua Majlis Perbandaran Melaka, Bandaraya bersejarah, Tuan Haji Mohd. Zuhri. Apa gunanya di mana rakyat dari semua kaum termasuk pemimpin UMNO peringkat bawah mengadu kepada saya adalah lebih susah untuk berjumpa dengan Timbalan Yang Di-Pertua Majlis Perbandaran Melaka dari mengadap Raja. Apa gunanya apabila cukai rakyat digunakan untuk membolehkan Ahli-ahli Kerajaan Tempatan, Ahli-ahli Majlis Perbandaran Melaka, Bandaraya bersejarah makan angin di luar negeri, bukan sahaja ke negara Indonesia, tetapi juga pergi ke negara Thai.

Saya tidak tahu apa yang boleh dipelajari di negara Thai? Di mana setiap lawatan makan angin di luar negeri termasuk negara Thai membelanjakan wang sebanyak \$35,000. Apakah faedah yang diperolehi, tidakkah wang sebanyak ini boleh digunakan dengan lebih berfaedah kalau dibelanjakan untuk projek-projek seperti membina satu fly-over, dengan izin, untuk membolehkan kanak-kanak sekolah menyeberang jalanraya? Tidakkah wang sebanyak ini digunakan untuk memperbaiki jalanraya atau membersihkan longkang-longkang yang tersumbat?

Pengurusan MPMBB begitu bangga kerana mereka menekankan sistem kewangan, tetapi Penyata Tahunan semasa tidak boleh disiapkan mengikut tempoh masa, Maka Penyata Tahunan terakhir adalah pada tahun 1982. Lagipun Majlis Kerajaan Tempatan bersikap angkuh dan tidak accountable kepada rakyat jelata. Apabila mereka dirujukkan masalah, mereka tidak peduli langsung. Oleh itu saya rasa syor untuk menaikkan cukai penilaian sekurang-kurangnya 20% adalah tidak wajar sama sekali dan ia juga akan menambahkan lagi beban rakyat yang perlu ditanggung.

Justeru itu saya harap bahawa Kerajaan dan pihak Kementerian boleh menolak syor ini, yang sungguh Udad munasabah kecuali Majlis Kerajaan Tempatan boleh menunjukkan bahawa mereka memberikan perkhidmatan yang bagus. Sepcrii satu pepatah bahasa China berkata "Yik fun chen, yik fun pok", yang bennakna kalau kita membayar 0 ia patut dibalas dengan perkhidmatan yang berharga 0, tetapi ini tidak bertaku. Oleh sebab itu, saya berharap pihak Kementerian, Kerajaan harus mengkaji bagaimana meningkatkan prestasi Kerajaan-kerajaan Tempatan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

6.37 *ptg.*

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan rasa keciwa, sedih dan kesal di atas sikap Ahli Yang Berhormat yang sungguh tidak bertanggungjawab, berniat jahat dan tidak berusul periksa. Ia jelas membuktikan Ahli Yang Berhormat tidak matang, gopoh dan berniat jahat kerana segala isi-isi ucapan Ahli Yang Berhormat adalah fitnah semata-mata dan penyelewengan kepada

fakta-fakta, yang bertujuan untuk kepentingan politik Yang Berhormat walaupun ia boleh membongkar niat jahat parti politik DAP.....

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Lim Guan Eng: Minta penjelasan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Saya tidak beri jalan, saya tidak kacau Yang Berhormat, saya tidak beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Pointoforder.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Point of order berapa?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Yang Berhormat.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): 36.

Tuan Lim Guan Eng: 36(9). Peraturan Mesyuarat....

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Apa dia?

Tuan Lim Guan Eng: Peraturan Mesyuarat 36(9).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): 36(9), baca,

Tuan Lim Guan Eng: Ya, tadi Yang Berhormat telah membuat tuduhan terhadap character saya dan ini tidak dibenarkan dalam Dewan yang mulia ini.

Saya merujuk kepada isu, saya tidak membuat serangan peribadi terhadap Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya

hanya menyeru bahawa syor menaikkan cukai penilaian ditolak, itu merujuk kepada isu. Saya harap Yang Berhormat boleh berkelakuan dengan lebih matang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Lim Guan Eng: Saya harap bolch tarik balik apa yang dilemparkan terhadap saya, refer to the issue, please.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kota Melaka duduk. Yang Berhormat Timbalan Menteri sila teruskan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, sayabelum habis menjawab kerana bila saya menjawab jelas ucapan Yang Berhormat itu kosong dan hampas belaka.

Sekarang saya ingin menjelaskan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu untuk membuktikannya.

Yang pertama, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini tidak ada Majlis yang dinamakan Majlis Perundingan Majlis-majlis Kerajaan Tempatan sepertimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat—tidak ada, jelas Yang Berhormat tidak cekap dan tidak usul periksa di dalam membuat sesuatu ucapan, tidak ada Majlis yang tersebut.

Yang kedua, yang wujud ialah satu Jawatankuasa Perundingan Perbadanan-perbadanan Perbandaran yang digunakan sebagai forum bagi Majlis-majlis Perbandaran di seluruh negara. Semasa,

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Biar saya habiskan ucapan, saya tidak akan berikan penjelasan. Semasa perbincangan di Persidangan Jawatankuasa tersebut di Taiping baru lalu, satu cadangan telah dibuat agar Majlis Perbandaran menaikkan sebanyak 20% daripada kadar yang dikenakan sekarang, bukan 20% daripada nilai harta pegangan, tetapi 20% daripada bayaran yang dikenakan sekarang—itupun hanya cadangan. Walau bagaimanapun, mesyuarat tersebut telah tidak meluluskan cadangan tersebut. Tidak ada usul dan tidak ada syor untuk menaikkan sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Jadi segala ucapan Yang Berhormat pada hari ini adalah kosong dan tidak bertanggungjawab.

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Saya hendak habiskan ucapan keranananti biladiakacau, jadi saya.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dia tidak beri jalan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tidak apalah nanti kalau habis saya boleh beri penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat....

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tidak apa, nanti kalau habis saya beri penjelasan, okay?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka sila duduk. Dia tidak beri jalan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Saya tidak beri penjelasan

sekarang, saya tidak kacau jadi Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat jangan kacau saya.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, ini satu sangkaan jahat, kerana apa yang dirujukkan

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Bila saya habis bercakap, nanti Yang Berhormat boleh tahu sama ada Yang Berhormat bijak atau tidak bijak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kota Melaka, dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya timbulkan point of order 36(6) kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri mengeluarkan sangkaan jahat kepada saya. Apa yang saya keliiu kan di sini adalah mengikut laporan yung dibuat oleh suratkhbar dan kalau suratkhbar itu salah, sebagai tanggungjawab seorang Menteri harus memperbetulkan apa yang keluar dalam suratkhbar.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Haji Mohd. Ghazali: Dengarlah dia jawab dulu.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya harap kalau itu yang dilaporkan oleh suratkhbar itu salah, jangan berbuat demikian.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, ia tidak benar dan pada pandangan saya tidak ada releven 36(1), kerana sangkaan jahat itu memang ada.

Dato Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, point of order, tak cukup kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Yang Berhormat, let me reply, (Ketawa)

Tuan Lim Guan Eng: Suratkhbar pun dikuasai oleh Barisan Nasional.

Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, untuk makiuman Ahli Yang Berhormat yang tidak matang, walaupun sudah dua kali berada di dalam Dewan ini untuk penggal yang kedua tetapi masih tidak tahu undang-undang Dewan Rakyat, suratkhbar tidak boleh digunakan sebagai asas perbincangan di dalam Dewan Rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada yang bangun di sebelah kanan, boleh beri jalan?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berlanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sama ada beliau sedar bahawa dalam masa beliau begitu tekun menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Ahli-ahli DAP iaitu Pembangkang sendiri tidak ada dalam Dewan ini untuk mendengar dan menyokong kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Tidak ada kuorum Yang Berhormat, tidak ada kuorum dalam Dewan ini. Peraturan Mesyuarat 13(1)—tidak ada kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya ingat kita teruskan dengan jawapan Timbalan Menteri. Masapun berjalan.

Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha: Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Gerik bahawa Ahli Yang Berhormat dari DAP memang tidak bertanggungjawab pada hari ini.

Saya teruskan ucapan saya iaitu tidak ada keputusan untuk rnaikkan taksiran sebanyak 20%. Persidangan JKPP yang diadakan di Taiping pada 11hb dan 12hb Mac, 1991 yang lalu, diantaratalainhanya bersetuju untuk mempertingkatkan punca-punca hasil semasa terutamanya kadar taksiran dan lesen-lesen.

Schubungan dengan perkara di atas, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telahpun membuat kajian mengenai keupayaan kewangan Pihakberkuasa Tempatan di Semenanjung dan didapati bahawa anggaran jumlah pendapatan terkumpul bagi semua Pihakberkuasa Tempatan berkenaan ialah kira-kira \$359.8 juta setahun berbanding dengan anggaran keperluan kewangan sebanyak \$873.4 juta setahun. Satu keperluan yang sangat besar yang berkurangan. Ini menunjukkan terdapat kekurangan di dalam pendapatan sebanyak \$513.6 juta. Oleh hal yang demikian, Pihakberkuasa Tempatan telah berupaya untuk memberikan perkhidmatan bandar yang memuaskan, jauh sekali daripada hendak berbelanja boros sepertimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat.

Kerajaan Persekutuan telahpun bersetuju untuk memberikan bantuan kewangan kepada Pihakberkuasa Tempatan sebanyak \$54.92 juta setahun bagi mengurangkan kekurangan dalam pendapatan Pihak-pihak berkuasa Tempatan, Kerajaan-kerajaan Negeri juga telah bersetuju akan berusaha untuk menyumbang pada jumlah yang sama banyak dengan sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan. Ini bermakna jumlah sumbangan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri adalah dianggarkan berjumlah \$109.8 juta setahun. Selepas mengambil kira sumbangan di atas, Pihakberkuasa Tempatan masih kekurangan sebanyak

\$403.0 juta setahun. Oleh kerana itu, Pihakberkuasa Tempatan perlu menambah hasil masing-masing dan salah satu caranya ialah melalui menaikkan kadar cukai tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, jika tuduhan Ahli Yang Berhormat itu diterima, ini bermakna Pihakberkuasa Tempatan mempunyai pendapatan yang lebih, tetapi jelas daripada bukti yang saya sebutkan pendapatan-pendapatan Majlis-majlis Tempatan sangat-sangat berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada Majlis-majlis Tempatan yang memberikan kereta-kereta mewah kepada Ahli-ahli Majlis bahkan elaun bulanan Ahli-ahli Majlis lebih rendah daripada gaji seorang buruh dan tidak mungkin boleh menyelesaikan perbelanjaan untuk menjalankan tugas mereka sebagai Ahli Majlis. Walaupun begitu, saya mahu menegaskan dan merakamkan ucapan syabas dan tahniah di atas sifat bertanggungjawab mereka itu walaupun tidak mendapat ganjaran yang setimpal tetapi berusaha untuk menjalankan tugas dengan sempurna.

Akhirnya, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa seluruh isi ucapan Ahli Yang Berhormat adalah penyelewengan fakta dan tidak bijak, kurang sopan dan dan hampas semata-mata. *(Tepuk)*

Saya rasa kesal dan kecewa kerana telah dua penggal Ahli Yang Berhormat berada dalam Dewan Parlimen yang mulia ini, masih lagi gagal untuk menjadi Ahli Yang Berhormat yang cekap dan bertanggungjawab. Oleh sebab itulah, saya yakin Timbalan Yang di-Pertua Majlis Dacrah di Melaka tidak dapat berjumpa dengan Ahli Yang Berhormat, kerana sikap Ahli Yang Berhormat yang tidak bertanggungjawab. Saya menyarankan supaya Ahli Yang Berhormat lebih teliti lagi dan jangan gopoh serta belajar supaya Ahli Yang Berhormat boleh dihormati. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kota Melaka, cukuplah.

Ahli-ahli yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Majlis ini ditangguhkan sehingga hari esok jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.50 petang.